JABATAN AUDIT NEGARA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

## SARAWAK

## TAHUN 2018

# LAPORAN
# KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI

# NEGERI SARAWAK
# TAHUN 2018

Jabatan Audit Negara Malaysia

# KANDUNGAN

# KANDUNGAN


**PENDAHULUAN** vii

**RINGKASAN EKSEKUTIF** xi

**BAHAGIAN I**
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | |
|---|---|
| Pendahuluan | 1 – 3 |
| Objektif dan Metodologi Pengauditan | 1 – 4 |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 | 1 – 5 |

**BAHAGIAN II**
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

| | |
|---|---|
| Latar Belakang | 2 – 3 |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri | 2 – 3 |
| Penyata Prestasi Kewangan | 2 – 3 |
| Kumpulan Wang Disatukan | 2 – 4 |
| Wang Awam | 2 – 6 |
| Akaun Hasil Disatukan | 2 – 8 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 2 – 21 |
| Akaun Amanah Disatukan | 2 – 22 |
| Penyata Akaun Memorandum | 2 – 47 |
| Nota Kepada Penyata Kewangan | 2 – 59 |
| Rumusan Audit | 2 – 61 |
| Syor Audit | 2 – 62 |

**BAHAGIAN III**
**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

| | |
|---|---|
| Pendahuluan | 3 – 3 |
| Pengauditan Penyata Kewangan | 3 – 3 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 3 – 4 |
| Pemakaian Piawaian Perakaunan | 3 – 6 |
| Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan | 3 – 7 |
| Pembentangan Penyata Kewangan | 3 – 12 |
| Analisis Prestasi Kewangan | 3 – 14 |
| Bidang Utama Audit (*Key Audit Areas*) | 3 – 31 |
| Rumusan Audit | 3 – 33 |
| Syor Audit | 3 – 34 |

**BAHAGIAN IV**
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**


| | |
|---|---|
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri | 4 – 3 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri | 4 – 3 |

| | |
|---|---|
| **PENUTUP** | 5 – 3 |

**LAMPIRAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Lampiran I | - | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri | 6 – 3 |
| Lampiran II | - | Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak | 6 – 7 |
| Lampiran III | - | Penyata Kedudukan Kewangan | 6 – 8 |
| Lampiran IV | - | Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai | 6 – 9 |
| Lampiran V | - | Penyata Prestasi Kewangan | 6 – 11 |
| Lampiran VI | - | Penyata Akaun Memorandum | 6 – 12 |
| Lampiran VII | - | Nota Kepada Penyata Kewangan | 6 – 13 |

| | |
|---|---|
| **AKRONIM** | 7 – 3 |

# PENDAHULUAN

# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pula akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa kementerian/jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**
**Ketua Audit Negara**
**Malaysia**

**Putrajaya**

24 **Oktober 2019**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## Perkara Utama

**Apa yang diaudit**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Islam Sarawak (MIS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

**Mengapa ia penting untuk diaudit**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sarawak secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang ditemui Audit?**

**BAHAGIAN I :**
**Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**BAHAGIAN II:**
**Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah RM27.092 bilion, menurun sejumlah RM2.955 bilion berbanding RM30.047 bilion pada akhir tahun 2017.
- Pada tahun 2018, kerajaan negeri mencatatkan lebihan sejumlah RM110.14 juta berbanding RM1.053 bilion pada tahun 2017.

- Kutipan hasil meningkat sejumlah RM336.72 juta atau 4.9% menjadi RM7.201 bilion berbanding RM6.864 bilion pada tahun 2017.
- Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM6.07 juta atau 2.6% menjadi RM242.52 juta daripada RM236.45 juta pada tahun 2017.
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM1.280 bilion atau 22% iaitu daripada RM5.811 bilion pada tahun 2017 kepada RM7.091 bilion pada tahun 2018.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM16,685 daripada RM2,411.03 juta pada tahun 2017 kepada RM2,411.04 juta pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM56.83 juta atau 5.5% daripada RM1.026 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.082 bilion pada tahun 2018.
- Pelaburan saham meningkat sejumlah RM3.257 bilion atau 75% daripada RM4.340 bilion pada tahun 2017 kepada RM7.597 bilion pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM86.65 juta atau 3.5% menjadi RM2.385 bilion berbanding RM2.471 bilion pada tahun 2017. Tunggakan hutang awam oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 ialah RM46.53 juta.
- Prestasi bagi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) setakat 31 Disember 2018 menunjukkan sejumlah RM8.326 bilion atau 89.4% daripada RM9.317 bilion telah dibelanjakan.

## BAHAGIAN III:
## Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

### Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- Setakat 30 Ogos 2019, penyata kewangan bagi 40 daripada 51 agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran. Manakala lima (5) penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Maradong dan Julau, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Kapit dan Majlis Daerah Sri Aman telah dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter.*

## Analisis Kewangan Agensi Negeri

- **Badan Berkanun Negeri**
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul Badan Berkanun Negeri adalah berjumlah RM4.078 bilion iaitu meningkat sejumlah RM20.19 juta atau 0.5% berbanding RM4.057 bilion pada tahun 2017.
  - Pada tahun 2018, jumlah aset adalah RM10.776 bilion iaitu meningkat sejumlah RM71.12 juta atau 0.7% berbanding RM10.705 bilion bagi tahun 2017.
  - Jumlah aset semasa bersih pada tahun 2018 adalah berjumlah RM2.494 bilion iaitu menurun sejumlah RM354.17 juta atau 12.4% berbanding RM2.848 bilion pada tahun 2017.
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan semasa adalah berjumlah RM20.19 juta iaitu menurun sejumlah RM114.56 juta atau 85% berbanding RM134.75 juta pada tahun 2017.
- **Pihak Berkuasa Tempatan**
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, defisit keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM34.43 juta iaitu menurun sejumlah RM15.36 juta atau 30.8% berbanding RM49.79 juta pada tahun 2017.
  - Pada tahun 2018, jumlah hasil cukai taksiran adalah berjumlah RM255.70 juta iaitu meningkat sejumlah RM19.38 juta atau 8.2% berbanding RM236.32 juta pada tahun 2017.
  - Jumlah tunggakan cukai taksiran pada tahun 2018 adalah berjumlah RM78.50 juta iaitu menurun sejumlah RM6.14 juta atau 7.3% berbanding RM84.64 juta pada tahun 2017.
- **Baki Geran Pembangunan Yang Tidak Dibelanjakan**
  - Baki geran pembangunan sejumlah RM26.96 juta tidak dibelanjakan untuk projek siap yang melibatkan empat (4) Badan Berkanun Negeri.
  - Baki geran pembangunan/khas berjumlah RM11.55 juta yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan dalam tahun 2018 masih kekal sebagai tanggungan semasa dalam penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan.

- Agensi negeri mengambil tindakan untuk memohon daripada pemberi geran sama ada untuk memulangkan baki geran, memasukkan baki geran ke dalam akaun hasil atau menggunakan baki tersebut untuk projek lain. Bagaimanapun, kelulusan masih belum diperoleh.

# BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**
**KERAJAAN NEGERI SARAWAK**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| 01.01.2018 - 31.12.2018 | 31 Julai 2019 | 29 Januari 2019 |
|---|---|---|
| Tahun kewangan kerajaan negeri | Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit | Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit |

| | |
|---|---|
| **Komponen Penyata Kewangan** | • Penyata Kedudukan Kewangan<br>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai<br>• Penyata Prestasi Kewangan<br>• Penyata Akaun Memorandum<br>• Nota Kepada Penyata Kewangan |
| **Jenis Pendapat Audit** | Pendapat Tanpa Teguran |

## 1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **29 Januari 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk, aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2018. Kesetaraan tunai merupakan

pelaburan untuk tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada wang tunai. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Tanggungan kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui pemerhatian Audit dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan kementerian/jabatan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Akauntan Negeri Sarawak dan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah diadakan pada 18 April 2019.

## 3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini**. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Akauntan Negeri Sarawak, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII.**

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|---|---|---|
| ↑ HASIL | ↑ AKAUN HASIL DISATUKAN | ↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |
| 2018 - RM7.201 bilion | 2018 - RM22.678 bilion | 2018 - RM2,411.04 juta |
| 2017 - RM6.864 bilion | 2017 - RM22.568 bilion | 2017 - RM2,411.03 juta |
| BELANJA ↑ | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | PELABURAN ↑ |
| 2018 - RM10.967 bilion | 2018 - RM0 | 2018 - RM7.597 bilion |
| 2017 - RM6.600 bilion | 2017 - RM0 | 2017 - RM4.340 bilion |
| | ↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN | ↓ HUTANG AWAM |
| | 2018 - RM4.414 bilion | 2018 - RM2.385 bilion |
| | 2017 - RM7.480 bilion | 2017 - RM2.471 bilion |

### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum serta maklumat kewangan yang berkaitan.

### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2018, sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM7.201 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Pemberian Persekutuan dan Bayaran

Balik. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM10.967 bilion. Pada tahun 2018, kerajaan negeri mencatat kurangan dana berjumlah RM3.766 bilion berbanding lebihan dana berjumlah RM264.29 juta pada tahun 2017. Penurunan dana sebanyak 1,525% ini disebabkan oleh peningkatan belanja mengurus sejumlah RM329.64 juta atau 14.3% dan peningkatan belanja pembangunan sejumlah RM4.037 bilion. Kedudukan prestasi kewangan kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **JUMLAH HASIL** | **7,200.93** | **6,864.21** | **336.72** | **4.9** |
| (-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) | 2,640.80 | 2,311.16 | 329.64 | 14.3 |
| (-) Belanja Pembangunan | 8,326.30 | 4,288.76 | 4,037.54 | 94.1 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | **10,967.10** | **6,599.92** | **4,367.18** | **66.2** |
| **LEBIHAN/(KURANGAN)** | **-3,766.17** | **264.29** | **-4,030.46** | **-1,525.0** |
| Dibiayai Oleh: Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri | 85.96 | 210.22 | -124.26 | -59.1 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 287.20 | 131.10 | 156.10 | 119.1 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 3,393.01 | -605.61 | 3,998.62 | 660.3 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | **3,766.17** | **-264.29** | **4,030.46** | **1,525.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

3.2. Kurangan dana berjumlah RM3.766 bilion telah dibiayai oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM85.96 juta, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan berjumlah RM287.20 juta serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah berjumlah RM3.393 bilion.

## 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan adalah berjumlah RM27.092 bilion pada akhir tahun 2018 yang terdiri daripada wang tunai sejumlah RM5.25 juta dan pelaburan sejumlah RM27.086 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | **Akaun Hasil Disatukan** | 22,677.97 | 22,567.83 | 110.14 | 0.5 |
| 2. | **Akaun Pinjaman Disatukan** | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | **Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:** | 4,413.55 | 7,479.57 | -3,066.02 | -41.0 |
| a. | Kumpulan Wang AmanahKerajaan: | | | | |
| | i. Kumpulan Wang Pembangunan | 939.77 | 4,442.91 | -3,503.14 | -78.8 |
| | ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 2,787.92 | 2,381.63 | 406.29 | 17.1 |
| | iii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 235.83 | 231.33 | 4.50 | 1.9 |
| b. | Deposit | 138.03 | 144.01 | -5.98 | -4.2 |
| c. | Akaun Kena Bayar | 312.00 | 279.69 | 32.31 | 11.6 |
| **JUMLAH** | | **27,091.52** | **30,047.40** | **-2,955.88** | **-9.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan kerajaan negeri menurun sejumlah RM2.955 bilion atau 9.8%, iaitu daripada RM30.047 bilion pada tahun 2017 menjadi RM27.092 bilion pada tahun 2018. Perubahan ini disebabkan penurunan baki dalam Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM3.066 bilion atau 41%.

4.3. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2017 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

**JADUAL 3**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Akaun Hasil Disatukan** | 20,202.49 | 21,168.54 | 21,514.78 | 22,567.83 | 22,677.97 |
| 2. | **Akaun Pinjaman Disatukan** | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | **Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:** | 6,822.58 | 8,275.22 | 7,849.03 | 7,479.57 | 4,413.55 |
| | a. Kumpulan Wang Amanah | | | | | |
| | i. Kumpulan Wang Pembangunan | 4,208.70 | 5,339.45 | 4,890.35 | 4,442.91 | 939.77 |
| | ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 1,771.65 | 1,691.46 | 2,123.23 | 2,381.63 | 2,787.92 |
| | iii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 202.24 | 206.43 | 216.23 | 231.33 | 235.83 |
| | b. Deposit | 461.03 | 613.08 | 325.98 | 144.01 | 138.03 |
| | c. Akaun Kena Bayar | 178.96 | 424.80 | 293.24 | 279.69 | 312.00 |
| **JUMLAH** | | **27,025.07** | **29,443.76** | **29,363.81** | **30,047.40** | **27,091.52** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

**CARTA 1**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa yang diurus oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, 12 Pejabat Perbendaharaan Bahagian, Pejabat Perhubungan Sarawak di Kuala Lumpur dan satu (1) agen, iaitu Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke bank serta Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada baki tunai di 24 Pejabat Perbendaharaan Kecil pada 31 Disember 2018 dan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada 32 pemegang panjar di jabatan negeri. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Wang Tunai Dalam Bank | 5.16 | 12.08 | -6.92 | -57.3 |
| 2. | Wang Tunai Dalam Perjalanan | - | - | - | - |
| 3. | Wang Tunai Dalam Tangan * | 0.09 | 0.09 | - | - |
| **JUMLAH** | | **5.25** | **12.17** | **-6.92** | **-56.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) -Perubahan Baki Wang Tunai Dalam Tangan Berjumlah RM3,195

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki wang tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM6.92 juta atau 56.9%, iaitu daripada RM12.17 juta pada tahun 2017 menjadi RM5.25 juta pada tahun 2018. Baki Wang Tunai Dalam Bank menurun sejumlah RM6.92 juta atau 57.3% berbanding tahun 2017. Wang Tunai Dalam Perjalanan bagi tahun 2018 pula adalah berbaki sifar. Penurunan baki wang tunai adalah disebabkan langkah kerajaan negeri untuk mendapatkan pulangan faedah pelaburan yang maksima bagi wang awam.

5.1.3. Analisis Audit terhadap keperluan bulanan Wang Tunai Dalam Bank berbanding jumlah perbelanjaan bulanan sepanjang tahun 2018 mendapati baki Wang Tunai Dalam Bank adalah antara RM5.16 juta hingga RM21.88 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**BAKI BULANAN WANG TUNAI DALAM BANK PADA TAHUN 2018**

| BULAN | BAKI AWAL DI BANK/AGEN * (RM Juta) | DEBIT/ TERIMAAN (RM Juta) | KREDIT/ BAYARAN (RM Juta) | BAKI AKHIR DI BANK * (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| Januari | 12.08 | 6,107.85 | 6,098.75 | 21.18 |
| Februari | 21.18 | 3,126.25 | 3,134.50 | 12.93 |
| Mac | 12.93 | 6,738.49 | 6,734.46 | 16.96 |
| April | 16.96 | 5,313.14 | 5,321.30 | 8.80 |
| Mei | 8.80 | 5,511.42 | 5,505.06 | 15.16 |
| Jun | 15.16 | 5,719.10 | 5,712.38 | 21.88 |
| Julai | 21.88 | 5,115.61 | 5,127.72 | 9.77 |
| Ogos | 9.77 | 5,969.75 | 5,970.37 | 9.15 |
| September | 9.15 | 8,747.15 | 8,742.84 | 13.46 |
| Oktober | 13.46 | 5,712.71 | 5,708.56 | 17.61 |
| November | 17.61 | 7,276.02 | 7,283.32 | 10.31 |
| Disember | 10.31 | 12,825.10 | 12,830.25 | 5.16 |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Baki Wang Tunai Dalam Bank Termasuk Baki Wang Tunai Dengan Agen (Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London) Sejumlah RM296,081

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pula adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan Peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah terdiri daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Kedudukan pelaburan menurun sejumlah RM2.949 bilion atau 9.8% daripada RM30.035 bilion pada akhir tahun 2017 menjadi RM27.086 bilion pada tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan keperluan bagi membiayai peningkatan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018. Faedah yang diterima oleh kerajaan negeri hasil daripada pelaburan yang dibuat juga menurun sejumlah RM2.20 juta atau 0.2% berbanding RM1.158 bilion pada tahun 2017 menjadi RM1.156 bilion pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | PELABURAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Pelaburan Am** | | | | |
| | a. Simpanan Tetap | 26,401.00 | 29,526.00 | -3,125.00 | -10.6 |
| | b. Unit Saham | 91.23 | 91.23 | - | - |
| 2. | **Pelaburan Kumpulan Wang Amanah** | | | | |
| | a. Simpanan Tetap | 497.52 | 329.42 | 168.10 | 51.0 |
| | b. Unit Saham | 96.52 | 88.58 | 7.94 | 9.0 |
| **JUMLAH** | | **27,086.27** | **30,035.23** | **-2,948.96** | **-9.8** |
| **PULANGAN PELABURAN** | | **1,156.04** | **1,158.24** | **-2.20** | **-0.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

# 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

a. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

b. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan baki Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM22.678 bilion yang mencatatkan lebihan sejumlah RM110.14 juta, iaitu sejumlah RM7.201 bilion daripada hasil yang diperoleh berbanding perbelanjaan berjumlah RM7.091 bilion. Bagaimanapun, lebihan ini telah menunjukkan penurunan sejumlah RM942.91 juta atau 89.5% berbanding sejumlah RM1.053 bilion pada tahun 2017. Penurunan lebihan ini adalah disebabkan peningkatan dalam caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun bagi membiayai peningkatan perbelanjaan pembangunan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**
**AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 22,567.83 | 21,514.78 | 1,053.05 | 4.9 |
| Hasil | 7,200.93 | 6,864.21 | 336.72 | 4.9 |
| Perbelanjaan Mengurus | 7,090.79 | 5,811.16 | 1,279.63 | 22.0 |
| Lebihan | 110.14 | 1,053.05 | -942.91 | -89.5 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **22,677.97** | **22,567.83** | **110.14** | **0.5** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

c. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 menunjukkan trend baki meningkat dari setahun ke setahun dan baki tahun 2018 adalah yang tertinggi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

**JADUAL 8**
**AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| PERKARA | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 17,151.23 | 20,202.49 | 21,168.54 | 21,514.78 | 22,567.83 |
| Hasil | 8,901.60 | 6,954.76 | 5,910.05 | 6,864.21 | 7,200.93 |
| Perbelanjaan Mengurus | 5,850.34 | 5,988.71 | 5,563.81 | 5,811.16 | 7,090.79 |
| Lebihan | 3,051.26 | 966.05 | 346.24 | 1,053.05 | 110.14 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **20,202.49** | **21,168.54** | **21,514.78** | **22,567.83** | **22,677.97** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

**CARTA 2**
**TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 6.1. Hasil

6.1.1. Hasil kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berasaskan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berasaskan akta atau perundangan. Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

6.1.2. Pada tahun 2018, kutipan hasil sebenar adalah sejumlah RM7.201 bilion melebihi anggaran sejumlah RM234.93 juta berbanding anggaran hasil sejumlah RM6.966 bilion. Analisis Audit mendapati kesemua butiran hasil pada tahun 2018 melebihi anggaran hasil, iaitu sebanyak 103.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**
**PERBANDINGAN ANGGARAN HASIL DENGAN KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | ANGGARAN (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hasil Bukan Cukai | 5,358.48 | 5,405.04 | 100.9 |
| 2. | Hasil Cukai | 1,360.13 | 1,536.68 | 113.0 |
| 3. | Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik | 234.97 | 238.18 | 101.4 |
| 4. | Terimaan Bukan Hasil | 12.42 | 21.03 | 169.3 |
| **JUMLAH** | | **6,966.00** | **7,200.93** | **103.4** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

6.1.3. Hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah berjumlah RM7.201 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM336.72 juta atau 4.9% berbanding RM6.864 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**
**PUNGUTAN HASIL NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Bukan Cukai | 5,405.04 | 5,089.58 | 315.46 | 6.2 |
| 2. | Hasil Cukai | 1,536.68 | 1,510.55 | 26.13 | 1.7 |
| 3. | Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik | 238.18 | 231.86 | 6.32 | 2.7 |
| 4. | Terimaan Bukan Hasil | 21.03 | 32.22 | -11.19 | -34.7 |
| **JUMLAH** | | **7,200.93** | **6,864.21** | **336.72** | **4.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

6.1.4. Analisis Audit mendapati Hasil Bukan Cukai menunjukkan peningkatan paling ketara sejumlah RM315.46 juta atau 6.2% yang menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan.

### 6.1.5. Penyumbang Utama Hasil

Penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah Dividen, Pampasan Gantian Hak ke Atas Gas, Hasil dan Faedah dari Pasaran Kewangan, Pampasan Gantian Hak ke Atas Minyak, Royalti Hutan dan Premium Tanah. Terimaan dari dividen merupakan hasil tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun dan tahun 2014 mencatatkan terimaan dividen yang tertinggi berjumlah RM2.991 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 3**.

**JADUAL 11**
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | HASIL | 2014 | | 2015 | | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Dividen | 2,990.84 | 39.1 | 1,589.61 | 27.5 | 1,182.85 | 25.8 | 1,822.59 | 35.2 | 1,864.15 | 34.2 |
| 2. | Hasil dan Faedah Dari Pasaran Kewangan | 989.36 | 12.9 | 1,079.06 | 18.6 | 1,150.16 | 25.1 | 1,158.24 | 22.3 | 1,156.04 | 21.2 |
| 3. | Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas | 1,480.43 | 19.3 | 1,337.48 | 23.1 | 851.40 | 18.5 | 829.15 | 16.0 | 898.82 | 16.5 |
| 4. | Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak | 1,266.10 | 16.6 | 911.50 | 15.8 | 642.97 | 14.0 | 729.47 | 14.1 | 854.24 | 15.7 |
| 5. | Premium Tanah | 356.83 | 4.7 | 318.36 | 5.5 | 275.70 | 6.0 | 265.74 | 5.1 | 346.52 | 6.4 |
| 6. | Royalti Hutan | 569.28 | 7.4 | 550.17 | 9.5 | 486.46 | 10.6 | 379.36 | 7.3 | 327.70 | 6.0 |
| | **JUMLAH** | **7,652.84** | **100** | **5,786.18** | **100** | **4,589.54** | **100** | **5,184.55** | **100** | **5,447.47** | **100** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

**CARTA 3**
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

### 6.1.6. Analisis Peningkatan dan Penurunan Hasil Ketara

#### a. Peningkatan Hasil Ketara

Analisis Audit terhadap justifikasi untuk lima (5) butiran hasil yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Premium Kayu-Kayan Bukit | 244.04 | 112.55 | 131.49 | 116.8 | Peningkatan bagi premium ini adalah disebabkan oleh semakan semula kadar iaitu daripada RM0.80/$m^3$ kepada RM50/$m^3$ berkuat kuasa mulai 1 Julai 2017, iaitu kenaikan 6,150%. |
| 2. | Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak | 854.24 | 729.47 | 124.77 | 17.1 | Peningkatan ini disebabkan purata harga minyak yang tinggi pada tahun 2018 berbanding 2017. Hasil yang diterima pada tahun 2018 merupakan jumlah yang dikutip pada setengah tahun kedua 2017 yang dibayar pada bulan Februari/Mac 2018 dan kutipan setengah tahun pertama tahun 2018 yang diterima pada bulan September/Oktober 2018. |
| 3. | Premium Tanah | 346.52 | 265.74 | 80.78 | 30.4 | Peningkatan bagi premium tanah adalah disebabkan oleh kelulusan untuk pemberimilikan tanah kepada sembilan (9) syarikat berjumlah RM80.70 juta dan bayaran premium bagi pembaharuan surat hak milik tanah berjumlah RM72,800. |
| 4. | Royalti Air | 245.57 | 186.70 | 58.87 | 31.5 | Kuantiti penggunaan air mentah untuk menjana *Bakun Hydroelectric Power Plant*, *Batang Ai Power Station* dan *Murum Hydroelectric Power Plant* telah menyumbang peningkatan yang tinggi bagi hasil royalti air. Ini disebabkan penggunaan air mentah untuk penjanaan elektrik meningkat bagi memenuhi kapasiti permintaan tenaga elektrik di seluruh Sarawak. |
| 5. | Pemberian Hasil Pertumbuhan | 16.76 | 0.00 | 16.76 | 100.0 | Pemberian hasil pertumbuhan adalah berdasarkan kepada prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Berkenaan

## b. Penurunan Hasil Ketara

Analisis Audit terhadap justifikasi untuk lima (5) butiran hasil yang telah mencatat penurunan ketara bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13**
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Cukai Jualan Negeri - Minyak Sawit Mentah | 457.70 | 569.79 | -112.09 | -19.7 | Berdasarkan maklumat purata harga daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia, purata harga pasaran per tan pada tahun 2018 sejumlah RM2,239 menurun sejumlah RM544 atau 19.5% berbanding sejumlah RM2,783 pada tahun 2017. Pengeluaran minyak sawit mentah pada tahun 2018 sebanyak 4,339,624 tan menurun sebanyak 26,042 tan atau 0.6% menjadi 4,365,666 tan pada tahun 2017. |
| 2. | Royalti Hutan | 327.70 | 379.36 | -51.66 | -13.6 | Penurunan bagi royalti hutan adalah disebabkan penurunan pengeluaran balak |

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| | | | | | | pada tahun 2018, iaitu 4.7 juta $m^3$ berbanding 5.5 juta $m^3$ pada tahun 2017. |
| 3. | Cukai Jualan Negeri - Loteri | 71.19 | 86.81 | -15.62 | -18.0 | Penurunan disebabkan jualan tiket loteri berkurang pada tahun 2018. |
| 4. | Pelbagai Terimaan | 2.41 | 16.00 | -13.59 | -84.9 | Kutipan untuk pelbagai terimaan menurun disebabkan pengurangan dalam pelarasan terimaan dalam akaun bank yang tidak dikenal pasti. |
| 5. | Pemberian Jabatan Kebajikan | 11.05 | 21.51 | -10.46 | -48.6 | Pemberian Jabatan Kebajikan adalah berdasarkan kepada 50% perbelanjaan sebenar bagi tahun sebelumnya (iaitu 2017). Penurunan adalah disebabkan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2017 untuk Jabatan Kebajikan adalah kurang daripada perbelanjaan sebenar tahun 2016. |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Berkenaan

### 6.1.7. Trend Pungutan Hasil

Bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2014 hingga 2018, kutipan hasil telah mencatatkan peningkatan pada tahun 2018 berbanding 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Carta 4**.

**JADUAL 14**
**TREND PUNGUTAN HASIL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Hasil Bukan Cukai | 7,454.46 | 5,573.56 | 4,401.93 | 5,089.58 | 5,405.04 |
| 2. | Hasil Cukai | 1,292.40 | 1,219.63 | 1,306.13 | 1,510.55 | 1,536.68 |
| 3. | Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik | 135.30 | 140.36 | 140.15 | 231.86 | 238.18 |
| 4. | Terimaan Bukan Hasil | 19.44 | 21.21 | 61.84 | 32.22 | 21.03 |
| **JUMLAH** | | **8,901.60** | **6,954.76** | **5,910.05** | **6,864.21** | **7,200.93** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

**CARTA 4**
**TREND PUNGUTAN HASIL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada maksud tanggungan dan bekalan. Bagi maksud tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran hutang negeri. Maksud bekalan ialah perbelanjaan seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan, bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6.2.2. Anggaran Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM2.740 bilion atau 48%, iaitu daripada RM5.708 bilion pada tahun 2017 kepada RM8.448 bilion pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**
**PERBANDINGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 779.38 | 725.08 | 54.30 | 7.5 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 925.92 | 750.39 | 175.53 | 23.4 |
| 3. | Aset | 43.16 | 35.86 | 7.30 | 20.4 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 833.68 | 687.10 | 146.58 | 21.3 |
| 5. | Perbelanjaan Lain * | 5,865.72 | 3,509.19 | 2,356.53 | 67.2 |
| | **JUMLAH** | **8,447.86** | **5,707.62** | **2,740.24** | **48.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Perbelanjaan lain termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun

6.2.3. Pada tahun 2018, sejumlah RM8.448 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM7.091 bilion atau 83.9% telah dibelanjakan. Selain itu, Setiausaha Kewangan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan melalui Dana Kontingensi berjumlah RM148.63 juta. Peruntukan tambahan tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus, antaranya bayaran Insentif Khas kepada penjawat awam berjumlah RM51.65 juta, pemberian geran kepada badan berkanun berjumlah RM10.36 juta dan pertubuhan bukan kerajaan berjumlah RM8.91 juta. Selain itu, dana tersebut juga digunakan untuk membiayai pembayaran gaji penjawat awam berjumlah RM15.60 juta, perbelanjaan keraian berjumlah RM5.57 juta dan bayaran pulangan balik hasil berjumlah RM5.70 juta, pembelian kenderaan berjumlah RM11.66 juta dan lain-lain perbelanjaan mengurus berjumlah RM39.18 juta. Peruntukan yang didahului daripada Dana Kontingensi diluluskan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada 3 Mei 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**DANA KONTINGENSI**
**RM148.63 JUTA**

- Bayaran Insentif Khas Penjawat Awam
- Pemberian Geran Kepada Badan Berkanun dan Pertubuhan Bukan Kerajaan
- Gaji Penjawat Awam
- Perbelanjaan Keraian
- Bayaran Pulangan Balik Hasil
- Pembelian Kenderaan
- Lain-lain Perbelanjaan Mengurus

**JADUAL 16**
**PERBANDINGAN ANGGARAN PERBELANJAAN DENGAN PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | ANGGARAN DIPINDA (RM Juta) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) | PERBEZAAN (RM Juta) | PERATUS PERBELANJAAN (%) | KONTINGENSI (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 779.38 | 840.23 | -60.85 | 107.8 | 80.53 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 925.92 | 823.66 | 102.26 | 89.0 | 25.47 |
| 3. | Aset | 43.16 | 52.73 | -9.57 | 122.2 | 13.71 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 833.68 | 853.48 | -19.80 | 102.4 | 23.22 |
| 5. | Perbelanjaan Lain * | 5,865.72 | 4,520.69 | 1,345.03 | 77.1 | 5.70 |
| | **JUMLAH** | **8,447.86** | **7,090.79** | **1,357.07** | **83.9** | **148.63** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Perbelanjaan lain termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun

6.2.4. Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM1.280 bilion atau 22%, iaitu daripada RM5.811 bilion pada tahun 2017 kepada RM7.091 bilion pada tahun 2018. Perbelanjaan ini termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun berjumlah RM4.450 bilion, meningkat sejumlah RM950 juta atau 27.1% berbanding RM3.500 bilion pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan antara RM9.21 juta hingga RM995.83 juta atau 6.5% hingga 28.3%. Perbelanjaan Lain menunjukkan peningkatan tertinggi, iaitu RM995.83 juta atau 28.3% diikuti Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang meningkat sejumlah RM158.80 juta atau 22.9%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**
**PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | KATEGORI PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 840.23 | 788.78 | 51.45 | 6.5 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 823.66 | 759.32 | 64.34 | 8.5 |
| 3. | Aset | 52.73 | 43.52 | 9.21 | 21.2 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 853.48 | 694.68 | 158.80 | 22.9 |
| 5. | Perbelanjaan Lain * | 4,520.69 | 3,524.86 | 995.83 | 28.3 |
| **JUMLAH** | | **7,090.79** | **5,811.16** | **1,279.63** | **22.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Perbelanjaan lain termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun

6.2.5. Analisis Audit terhadap justifikasi untuk lima (5) butiran perbelanjaan yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**
**PENINGKATAN PERBELANJAAN**
**MENGURUS YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Dana Pembangunan | 4,450.00 | 3,500.00 | 950.00 | 27.1 | Pertambahan Caruman Kumpulan Wang Berkanun bagi melaksanakan projek pembangunan pada tahun 2018. |
| 2. | Geran Kepada Badan Berkanun | 286.81 | 206.07 | 80.74 | 39.2 | Program/Aktiviti baharu diwujudkan pada tahun 2018 di bawah *Sarawak Multimedia Authority*. |
| 3. | Lain-Lain Dana Kepada Badan Berkanun | 59.70 | 11.10 | 48.60 | 437.8 | Elaun Ketua Kaum bagi bulan Jun hingga Disember 2018 dibayar oleh kerajaan negeri di mana sebelum ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. |
| 4. | Khidmat Pengurusan | 103.18 | 68.12 | 35.06 | 51.5 | Pembayaran perkhidmatan feri bagi *proposed review of ferry daily rate for the nine (9) subsidized ferry service in Sarawak*. |

| BIL. | JENIS PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 5. | Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan | 171.78 | 148.52 | 23.26 | 15.7 | Pertambahan pinjaman baharu yang diluluskan dalam tahun 2018 dan juga perubahan amaun dalam jadual bayaran balik selaras dengan amaun tambahan yang disalurkan. |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Berkenaan

6.2.6. Analisis Audit terhadap justifikasi untuk lima (5) butiran perbelanjaan yang telah mencatat penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**
**PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS**
**YANG KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Sewa *Aircraft* Termasuk *Chartered Services* | 91.43 | 108.54 | -17.11 | -15.8 | Tiada bayaran tunggakan untuk *fixed charges.* Pada tahun 2017 terdapat tunggakan *fixed charges* bagi tahun 2016 yang dibayar melalui AP58(a). |
| 2. | *Reconditioned Vehicle* | 0.00 | 4.40 | -4.40 | -100.0 | Tiada pembelian *reconditioned vehicle* pada tahun 2018. |
| 3. | Lain-Lain Subsidi dan Insentif | 0.07 | 3.99 | -3.92 | -98.2 | Penyaluran geran kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung sepatutnya dibayar menggunakan kod lain-lain subsidi dan insentif tetapi dibayar menggunakan kod lain-lain geran. |
| 4. | Perkhidmatan Veterinar | 0.00* | 3.45 | -3.41 | -98.8 | Sebahagian besar peruntukan daripada perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan loji *biogas plant* di Pusat Ternakan Khinzir PFA Pasir Putih, Simunjan tidak dapat dibelanjakan. |
| 5. | Gaji Tertunggak | 4.48 | 7.39 | -2.91 | -39.4 | Jumlah kakitangan yang menerima bayaran bagi gaji tertunggak berkurang pada tahun 2018. |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Berkenaan
Nota: (*) - Perbelanjaan Pada Tahun 2018 Berjumlah RM4,275

### 6.2.7. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menyatakan bahawa bayaran terhadap bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Namun pembayaran tertakluk kepada syarat kementerian/jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan atau perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang

keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, sekiranya Perbendaharaan Negeri mempunyai keraguan mengenai sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut atau peruntukan kementerian/jabatan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 8 Tahun 2012 pada pertengahan Disember 2012 juga memberi peringatan kepada semua Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan serta pegawai yang menjaga akaun terhadap pematuhan AP 58(a).

b. Analisis Audit bagi tempoh lima (5) tahun terhadap bayaran di bawah AP 58(a) mendapati tahun 2014 mencatat bayaran paling tinggi, iaitu RM16.16 juta dan menurun pada tahun 2015. Seterusnya, peningkatan bayaran dicatat pada tahun 2016 dan menurun semula sehingga tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 5**.

**CARTA 5**
**BAYARAN DI BAWAH**
**ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (a) BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

c. Pada tahun 2018, pembayaran di bawah AP 58(a) telah menurun sejumlah RM2.89 juta atau 20.3% daripada RM14.27 juta pada tahun 2017 menjadi RM11.38 juta seperti butiran dalam **Jadual 20**. Antara punca yang menyebabkan pembayaran tersebut adalah seperti berikut:

   i. Jabatan Tanah dan Survei - pembayaran bagi penyewaan bangunan dan kediaman rasmi yang telah berlaku pada tahun 2017 tetapi hanya diluluskan pada tahun 2018;

ii. Jabatan Ketua Menteri - pembayaran perkhidmatan catar udara dan bil dari pembekal lewat diterima serta tuntutan elaun lewat dikemukakan;

iii. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan - pembayaran tiket penerbangan, bil penginapan pegawai serta bil perkhidmatan lain diterima selepas tarikh tutup akaun dan tuntutan elaun hanya menerima kelulusan pembayaran pada tahun 2018;

iv. Jabatan Pertanian Sarawak - pembayaran bil perkhidmatan hanya menerima kelulusan pada tahun 2018 dan tuntutan elaun lewat dikemukakan; dan

v. Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi - tuntutan elaun tidak dapat diproses kerana kesilapan teknikal dan diterima selepas tarikh tutup akaun.

**JADUAL 20**
**KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT**
**BAYARAN DI BAWAH AP 58(a) BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | KEMENTERIAN/ JABATAN | BILANGAN BAUCAR | | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Jabatan Tanah dan Survei | 23 | 16 | 6.36 | 2.00 | 4.36 | 218.0 |
| 2. | Jabatan Ketua Menteri | 83 | 198 | 3.63 | 1.46 | 2.17 | 148.6 |
| 3. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 26 | - | 0.25 | - | 0.25 | 100.0 |
| 4. | Jabatan Pertanian Sarawak | 32 | 9 | 0.12 | 0.01 | 0.11 | 1,100.0 |
| 5. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 114 | - | 0.10 | - | 0.10 | 100.0 |
| 6. | Kementerian/Jabatan Lain | 480 | 438 | 0.92 | 10.80 | -9.88 | -91.5 |
| **JUMLAH** | | **758** | **661** | **11.38** | **14.27** | **-2.89** | **-20.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

d. Pada tahun 2018, sejumlah RM9.54 juta atau 83.8% daripada RM11.38 juta pembayaran di bawah AP 58(a) telah dibuat selepas bulan Jun tahun 2018. Analisis Audit seterusnya terhadap jenis perbelanjaan yang tertinggi dibayar di bawah AP 58 (a) pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**BAYARAN AP 58 (a) MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | JENIS PERBELANJAAN | JUMLAH (RM Juta) | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | *Rental of office buildings including educational institutions and research institutions* | 5.95 | 52.3 |
| 2. | *Rental of aircraft including chartered air services* | 2.53 | 22.2 |
| 3. | *Other purchased services* | 0.43 | 3.8 |
| 4. | *Other financial benefits such as leave allowances and furniture allowances* | 0.31 | 2.7 |
| 5. | *Other expenses* | 2.16 | 19.0 |
| **JUMLAH** | | **11.38** | **100.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan terimaan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

7.2. Pada akhir tahun 2018, sejumlah RM85.96 juta pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pinjaman yang diterima menurun kepada RM85.96 juta pada tahun 2018 berbanding RM210.22 juta pada tahun 2017, iaitu penurunan sejumlah RM124.26 juta atau 59.1%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**
**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | - | - | - | - |
| Terimaan | 85.96 | 210.22 | -124.26 | -59.1 |
| Pindahan | 85.96 | 210.22 | -124.26 | -59.1 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **-** | **-** | **-** | **-** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

7.3. Pinjaman yang diterima menurun disebabkan tiada pinjaman bagi projek perindustrian dan pengurangan dalam jenis pinjaman, iaitu bagi projek bekalan air sejumlah RM82.73 juta atau 61.9% serta projek ladang sejumlah RM21.75 juta atau 92.8% berbanding tahun 2017. Pinjaman yang diterima mengikut jenis bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**
**PINJAMAN YANG DITERIMA**
**MENGIKUT JENIS PROJEK BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS PROJEK | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Bekalan Air | 50.89 | 133.62 | -82.73 | -61.9 |
| 2. | Perindustrian | - | 36.72 | -36.72 | -100.0 |
| 3. | Projek Ladang | 1.70 | 23.45 | -21.75 | -92.8 |
| 4. | Pembetungan Najis dan Perparitan | 33.37 | 16.43 | 16.94 | 103.1 |
| **JUMLAH** | | **85.96** | **210.22** | **-124.26** | **-59.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

a. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang merangkumi Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran kumpulan wang ini diurus mengikut arahan dan terma amanah tersebut. Pada tahun 2018, baki akhir terkumpul berjumlah RM4.414 bilion, iaitu menurun sejumlah RM3.066 bilion atau 41% berbanding RM7.480 bilion pada tahun 2017. Peningkatan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM8.326 bilion pada tahun 2018 adalah penyumbang utama kepada penurunan Akaun Amanah Disatukan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kumpulan Wang Pembangunan | 939.77 | 4,442.91 | -3,503.14 | -78.8 |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 2,787.92 | 2,381.63 | 406.29 | 17.1 |
| 3. | Kumpulan Wang Amanah Awam | 235.83 | 231.33 | 4.50 | 1.9 |
| 4. | Deposit | 138.03 | 144.01 | -5.98 | -4.2 |
| 5. | Akaun Kena Bayar | 312.00 | 279.69 | 32.31 | 11.6 |
| **JUMLAH** | | **4,413.55** | **7,479.57** | **-3,066.02** | **-41.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti dalam **Jadual 25** dan **Carta 6**.

**JADUAL 25**
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kumpulan Wang Pembangunan | 4,208.70 | 5,339.45 | 4,890.35 | 4,442.91 | 939.77 |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 1,771.65 | 1,691.46 | 2,123.23 | 2,381.63 | 2,787.92 |
| 3. | Kumpulan Wang Amanah Awam | 202.24 | 206.43 | 216.23 | 231.33 | 235.83 |
| 4. | Deposit | 461.03 | 613.08 | 325.98 | 144.01 | 138.03 |
| 5. | Akaun Kena Bayar | 178.96 | 424.80 | 293.24 | 279.69 | 312.00 |
| **JUMLAH** | | **6,822.58** | **8,275.22** | **7,849.03** | **7,479.57** | **4,413.55** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

**CARTA 6**
**AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 8.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Persekutuan dalam bentuk Geran Bayaran Balik, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain serta terimaan Pelbagai Sumber. Perbelanjaan daripada kumpulan wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam akta tersebut.

### 8.1.1. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM4.823 bilion meningkat sejumlah RM981.84 juta atau 25.6% berbanding terimaan pada tahun 2017. Terimaan ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM36.78 juta, Caruman dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM4.450 bilion, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM85.96 juta, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain berjumlah RM90.81 juta dan terimaan Pelbagai Sumber berjumlah RM159.61 juta. Didapati terimaan daripada Pelbagai Sumber menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM153.32 juta atau 2,437.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**
**TERIMAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS TERIMAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | **PEMBERIAN PERSEKUTUAN** | | | | |
| | a. Geran Bayaran Balik | 12.92 | 9.61 | 3.31 | 34.4 |
| | b. Geran Infrastruktur | 23.86 | 23.86 | - | - |
| 2. | **SUMBER LAIN** | | | | |
| | a. Caruman dari Akaun Hasil Disatukan | 4,450.00 | 3,500.00 | 950.00 | 27.1 |
| | b. Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan | 85.96 | 210.22 | -124.26 | -59.1 |
| | c. Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain | 90.81 | 91.34 | -0.53 | -0.6 |
| | d. Pelbagai Sumber | 159.61 | 6.29 | 153.32 | 2,437.5 |
| | **JUMLAH** | **4,823.16** | **3,841.32** | **981.84** | **25.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

### 8.1.2. Lebihan Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan

a. Pada akhir tahun 2018, baki lebihan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM939.77 juta menurun sejumlah RM3.503 bilion atau 78.8% berbanding RM4.443 bilion pada akhir tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**
**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Kredit Pada 1 Januari | 4,442.91 | 4,890.35 | -447.44 | -9.1 |
| Penerimaan | 4,823.16 | 3,841.32 | 981.84 | 25.6 |
| Perbelanjaan | 8,326.30 | 4,288.76 | 4,037.54 | 94.1 |
| (Kurangan) | (3,503.14) | (447.44) | -3,055.70 | -682.9 |
| **BAKI KREDIT PADA 31 DISEMBER** | **939.77** | **4,442.91** | **-3,503.14** | **-78.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM8.326 bilion berbanding RM4.289 bilion pada tahun 2017, iaitu meningkat sejumlah RM4.037 bilion atau 94.1%. Peningkatan ini telah memberi kesan kepada kedudukan lebihan keseluruhannya bagi Negeri Sarawak.

c. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM8.326 bilion pada tahun 2018, sejumlah RM6.927 bilion atau 83.2% telah dibelanjakan oleh kementerian/jabatan untuk melaksanakan projek pembangunan manakala sejumlah RM1.399 bilion atau 16.8% adalah perbelanjaan bagi *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust*

*Fund* melalui geran pembangunan kepada agensi yang diluluskan untuk membiayai pembayaran balik pinjaman pelaburan, projek strategik dan nota tebus daripada institusi luar selaras dengan tujuan penubuhan akaun amanah berkenaan.

### 8.1.3. Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

a. Pada tahun 2018, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM8.326 bilion meningkat sejumlah RM4.037 bilion atau 94.1% berbanding RM4.289 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Jabatan Ketua Menteri | 744.40 | 16.76 | 727.64 | 4,341.5 |
| 2. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti dan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak | 12.15 | 4.79 | 7.36 | 153.7 |
| 3. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 300.19 | 133.09 | 167.10 | 125.6 |
| 4. | Setiausaha Kewangan Negeri | 6,227.76 | 3,049.57 | 3,178.19 | 104.2 |
| 5. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 86.36 | 56.81 | 29.55 | 52.0 |
| 6. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | 132.58 | 115.57 | 17.01 | 14.7 |
| 7. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 401.39 | 368.91 | 32.48 | 8.8 |
| 8. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 113.81 | 108.20 | 5.61 | 5.2 |
| 9. | Kementerian Utiliti | 230.46 | 222.55 | 7.91 | 3.6 |
| 10. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 76.77 | 77.31 | -0.54 | -0.7 |
| 11. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi * | 0.43 | - | - | - |
| 12. | Kementerian Perumahan dan Urbanisasi ** | - | 118.50 | - | - |
| 13. | Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti *** | - | 16.70 | - | - |
| **JUMLAH** | | **8,326.30** | **4,288.76** | **4,037.54** | **94.1** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan yang Berkenaan
Nota: (*) - Kementerian Baharu yang Ditubuhkan pada Tahun 2018
(**) - Kini dikenali sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
(***) - Kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan

b. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM9.317 bilion kepada 11 kementerian/jabatan bagi melaksanakan projek di bawah RMKe-11 dan sejumlah RM8.326 bilion atau 89.4% telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**
**PERBANDINGAN PERUNTUKAN DILULUSKAN**
**DENGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 302.87 | 300.19 | 99.1 |
| 2. | Jabatan Ketua Menteri | 762.05 | 744.40 | 97.7 |
| 3. | Setiausaha Kewangan Negeri | 6,638.96 | 6,227.76 | 93.8 |
| 4. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 90.55 | 76.77 | 84.8 |
| 5. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | 178.98 | 132.58 | 74.1 |
| 6. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 122.41 | 86.36 | 70.5 |
| 7. | Kementerian Utiliti | 342.77 | 230.46 | 67.2 |
| 8. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 618.25 | 401.39 | 64.9 |
| 9. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti dan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak | 24.45 | 12.15 | 49.7 |
| 10. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 234.91 | 113.81 | 48.4 |
| 11. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 1.19 | 0.43 | 36.1 |
| **JUMLAH** | | **9,317.39** | **8,326.30** | **89.4** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan yang Berkenaan

### c. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

Analisis Audit mendapati tujuh (7) daripada 11 kementerian/jabatan telah berbelanja kurang 80% daripada peruntukan yang diagihkan pada tahun 2018. Perkara ini disebabkan pertindihan tuntutan status tanah, kekangan masa dalam pelaksanaan program di lapangan, tenaga kerja yang terhad, jumlah tuntutan bayaran oleh kontraktor adalah berasaskan kemajuan fizikal, proses tender semula dan kurang peruntukan diluluskan untuk pengambilan tanah. Analisis Audit seterusnya mendapati Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi berbelanja paling kurang, iaitu sejumlah RM435,299 atau 36.1% daripada peruntukan berjumlah RM1.19 juta. Hal ini berlaku disebabkan projek menggunakan geran peruntukan dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan projek *Greenhouse Construction and Experiment Trial in Sarawak Tropical Peat Research Institute* dijadual untuk dilaksanakan dalam tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**
**STATUS PRESTASI PERBELANJAAN**
**PROJEK RMKe-11 YANG DIBELANJA KURANG 80% BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | 178.98 | 132.58 | 74.1 |
| 2. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 122.41 | 86.36 | 70.5 |
| 3. | Kementerian Utiliti | 342.77 | 230.46 | 67.2 |
| 4. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 618.25 | 401.39 | 64.9 |
| 5. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti dan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak | 24.45 | 12.15 | 49.7 |
| 6. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 234.91 | 113.81 | 48.4 |
| 7. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 1.19 | 0.43 | 36.1 |
| **JUMLAH** | | **1,522.96** | **977.18** | **64.2** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan yang Berkenaan

## d. Prestasi Pelaksanaan Projek Fizikal

**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK FIZIKAL**

| DIRANCANG | STATUS PENCAPAIAN |
|---|---|
| **914** **RM12.331 Bilion** | **Siap** - 280 (RM1.406 bilion) |
| | **Dalam Pelaksanaan** - 587 (RM10.505 bilion) |
| | **Belum Mula** - 45 (RM339.34 juta) |
| | **Gugur** - 2 (RM80.40 juta) |

i. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah merancang untuk melaksanakan 914 projek fizikal bernilai RM12.331 bilion. Projek fizikal meliputi pembinaan 190 bangunan, 111 pengairan/saliran/pembetungan, 146 penyelenggaraan/baik pulih/naik taraf, 114 pembinaan jalan, 53 bekalan air, 43 Kampung *Resettlement/Extension* dan 257 projek lain seperti kawasan perindustrian, jambatan, jeti/dermaga, kemudahan infrastruktur asas, lampu jalan, landskap, penanaman, pengurusan sampah dan *waterfront/riverwall*.

ii. Pada akhir tahun 2018, sebanyak 280 atau 30.6% projek fizikal berjumlah RM1.406 bilion atau 11.4% berjaya disiapkan manakala 587 projek fizikal berjumlah RM10.505 bilion sedang dalam pelaksanaan. Sebanyak 45 projek fizikal berjumlah RM339.34 juta belum mula dan dua (2) projek fizikal berjumlah RM80.40 juta telah digugurkan. Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek fizikal pada akhir 2018 adalah seperti dalam **Jadual 31** dan **Carta 7**.

## JADUAL 31
## STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK FIZIKAL RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2018

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | BILANGAN PROJEK | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH PROJEK | GUGUR | BELUM DILAKSANA | SEDANG DILAKSANA | SIAP DILAKSANA |
| 1. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 404 | 1 | 16 | 226 | 161 |
| 2. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 203 | - | 3 | 161 | 39 |
| 3. | Setiausaha Kewangan Negeri | 64 | 1 | 3 | 32 | 28 |
| 4. | Kementerian Utiliti | 56 | - | 3 | 44 | 9 |
| 5. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 54 | - | 3 | 31 | 20 |
| 6. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 46 | - | 1 | 35 | 10 |
| 7. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | 30 | - | 9 | 18 | 3 |
| 8. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 28 | - | - | 20 | 8 |
| 9. | Jabatan Ketua Menteri | 17 | - | 6 | 11 | - |
| 10. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak | 10 | - | 1 | 7 | 2 |
| 11. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 2 | - | - | 2 | - |
| | **JUMLAH** | **914** | **2** | **45** | **587** | **280** |

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

## CARTA 7
## STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
## PROJEK FIZIKAL RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2018




Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

iii. Berdasarkan rekod yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Jabatan Ketua Menteri pada akhir tahun 2018 sebanyak 280 atau 30.6% daripada 914 projek fizikal yang diluluskan telah siap dilaksanakan.

iv. Analisis Audit mendapati sebanyak 587 atau 64.2% daripada 914 projek fizikal berjumlah RM10.505 bilion sedang dilaksanakan setakat 31 Disember 2018. Prestasi projek adalah seperti berikut:

- Sebanyak 221 projek atau 37.6% mengikut atau mendahului jadual;
- Sebanyak sembilan (9) projek atau 1.5% adalah lewat jadual;
- Sebanyak 13 projek atau 2.2% adalah projek sakit; dan
- Sebanyak 344 projek atau 58.6% adalah masih di peringkat perancangan.

v. Sebanyak sembilan (9) projek atau 1.5% adalah lewat jadual. Antara sebab lewat jadual adalah masalah kontraktor, teknikal, isu pengambilan tanah, kekurangan bahan dan masalah tenaga kerja. Sebanyak 13 projek atau 2.2% adalah projek sakit. Antaranya disebabkan oleh masalah kontraktor, logistik, teknikal serta perubahan skop kerja dan reka bentuk.

vi. Sebanyak 45 projek berjumlah RM339.34 juta atau 4.9% daripada 914 projek fizikal belum mula. Butiran lanjut bagi sembilan (9) daripada 45 projek belum mula yang berjumlah RM10 juta dan ke atas adalah seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**
**PROJEK BELUM MULA SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM Juta) | SEBAB BELUM MULA |
|---|---|---|---|
| 1. | Projek Pembekalan Tenaga Elektrik ke Sekolah-Sekolah yang Belum Disambung dari Grid | 50.00 | *Implemented by Sarawak Energy Bhd. pending consent from Ministry of Education.* |
| 2. | *Old Kuching Heritage Project Development* | 49.00 | Projek akan dilaksanakan pada tahun 2019. |
| 3. | *Sibu Transportation Hub* | 35.00 | Projek akan dilaksanakan pada tahun 2019. |
| 4. | *Pig Farming Area Samarahan* | 31.00 | Projek baru diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Projek dirancang untuk dilaksana pada tahun 2019. |
| 5. | *Proposed Construction and Completion of the Museum of Modern Sarawak* | 28.49 | *Pending higher authority decision.* |
| 6. | *Pig Farming Area Simunjan* | 26.00 | Projek baru diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Projek dirancang untuk dilaksana pada tahun 2019. |
| 7. | *Pig Farming Area Selangau* | 26.00 | Projek baru diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Projek dirancang untuk dilaksana pada tahun 2019. |

| BIL. | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM Juta) | SEBAB BELUM MULA |
|---|---|---|---|
| 8. | *Proposed Extension of Serian Lake and Iconic Bridge at Jalan Tangga By-Pass for Serian New Township* | 10.00 | Projek dicadang diganti dengan projek lain. |
| 9. | *Repairs and Upgrading of Facilities in 4 Totally Protected Areas with Sarawak Forestry Corporation Management Presence* | 10.00 | Projek akan dilaksanakan pada tahun 2019. |

Sumber: Agensi Pelaksana dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

## e. Prestasi Pelaksanaan Projek Bukan Fizikal

i. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah merancang untuk melaksanakan 529 projek bukan fizikal berjumlah RM24.369 bilion. Projek bukan fizikal merangkumi 227 aktiviti program yang diperuntukkan kepada 10 kementerian/jabatan, 69 aktiviti *Information and Communication Technology* yang diperuntukkan kepada lima (5) kementerian/jabatan, 68 projek lain, iaitu pelbagai Projek Transformasi Luar Bandar kepada 10 kementerian/jabatan. Selain itu, 65 aktiviti *study* diperuntukkan kepada sembilan (9) kementerian/jabatan; 30 aktiviti acara diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan; 27 *acquisition* kepada lima (5) kementerian/jabatan; 26 geran diperuntukkan kepada empat (4) kementerian/jabatan; dan 17 aktiviti latihan kepada tiga (3) kementerian/jabatan.

ii. Daripada 529 projek bukan fizikal bernilai RM24.369 bilion, 77 projek bernilai RM1.068 bilion siap dilaksanakan. Sebanyak 281 projek bernilai RM19.898 bilion sedang dilaksanakan pada tahun 2018 manakala 170 projek bernilai RM3.399 bilion belum dilaksanakan dan terdapat satu (1) projek bukan fizikal yang digugurkan mempunyai peruntukan berjumlah RM4.70 juta. Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek bukan fizikal pada akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 33 dan Carta 8**.

**JADUAL 33**
**STATUS PRESTASI PELAKSANAAN**
**PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | BILANGAN PROJEK | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH PROJEK | PROJEK GUGUR | BELUM DILAKSANA | SEDANG DILAKSANA | SIAP DILAKSANA |
| 1. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | 122 | - | 9 | 108 | 5 |
| 2. | Jabatan Ketua Menteri | 118 | 1 | 53 | 58 | 6 |
| 3. | Setiausaha Kewangan Negeri | 68 | - | 21 | 13 | 34 |
| 4. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 64 | - | 11 | 37 | 16 |
| 5. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 36 | - | 17 | 16 | 3 |

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | BILANGAN PROJEK | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH PROJEK | PROJEK GUGUR | BELUM DILAKSANA | SEDANG DILAKSANA | SIAP DILAKSANA |
| 6. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 26 | - | 9 | 11 | 6 |
| 7. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak | 24 | - | 15 | 6 | 3 |
| 8. | Kementerian Utiliti | 22 | - | 8 | 14 | - |
| 9. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 21 | - | 15 | 3 | 3 |
| 10. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 21 | - | 8 | 12 | 1 |
| 11. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 7 | - | 4 | 3 | - |
| **JUMLAH** | | **529** | **1** | **170** | **281** | **77** |

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

**CARTA 8**
**STATUS PRESTASI PELAKSANAAN**
**PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-11 SETAKAT 31 DISEMBER 2018**




Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

## f. Projek Gugur

i. Pada tahun 2018, sebanyak dua (2) projek fizikal yang digugurkan masih mempunyai peruntukan berjumlah RM80.40 juta dan satu (1) projek bukan fizikal yang digugurkan masih mempunyai peruntukan berjumlah RM4.70 juta. Antara sebab projek digugurkan adalah siling dipindahkan ke projek yang lain manakala projek *Timber Industry Masterplan Study* digugurkan daripada senarai Projek RMKe-11 kerana kajian ini telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak menggunakan peruntukan sendiri.

ii. Sebanyak 25 projek fizikal yang dilaksanakan sebelum tahun 2018 telah digugurkan dan tidak mempunyai transaksi kewangan tahun semasa. Antara

sebab projek digugurkan adalah projek dibatalkan semasa Kajian Separuh Penggal RMKe-11, bantahan penduduk setempat terhadap isu pengambilan tanah, penangguhan pelaksanaan projek dan projek menggunakan peruntukan dalaman agensi.

iii. Sebanyak 24 projek bukan fizikal yang dilaksanakan sebelum tahun 2018 telah digugurkan dan tidak mempunyai transaksi kewangan tahun semasa. Antara sebab projek digugurkan adalah projek dibatalkan semasa Kajian Separuh Penggal RMKe-11, projek dicadang dipinda kepada projek di bawah program lain dan projek digugur disebabkan penyusunan semula keutamaan (*re-prioritise*) untuk dilaksanakan.

iv. Sebanyak lima (5) projek gugur fizikal telah diganti dengan enam (6) projek baharu dan dua (2) projek bukan fizikal telah diganti dengan empat (4) projek baharu. Butiran lanjut bagi projek yang diganti dengan projek baharu adalah seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**
**PROJEK GANTI BAGI PROJEK GUGUR SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN | NAMA AGENSI | NAMA PROJEK GUGUR | SILING ASAL PROJEK YANG DILULUSKAN (RM Juta) | SEBAB PROJEK DIGUGURKAN | PROJEK GANTI |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PROJEK FIZIKAL** | | | | | | |
| 1. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | *Proposed Site Preparation, Piling and Sand Filling Works for Rimbunan Kaseh Project at Sematan, Kuching* | 25.00 | • Projek Rimbunan Kaseh adalah kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak swasta.<br>• Unit Penyelarasan Pelaksanaan(ICU), Jabatan Perdana Menteri(JPM) akan menyediakan peruntukan untuk pembinaan komponen rumah (100 unit), Pertanian Bersepadu dan Infrastruktur.<br>• Kerajaan negeri pula menyediakan peruntukan untuk Kerja Penyediaan Tapak Projek.<br>• Projek digugurkan kerana tidak mendapat peruntukan daripada ICU, JPM. | Projek ini digantikan dengan:<br>i. *Projek Proposed Site Preparation, Earthworks and Infrastructure Works at Rural Growth Centre Long Lama, Miri dan*<br>ii. *Construction and Completion of Proposed Reinforced Concrete Jetty at Rural Growth Centre Semop, Daro, Mukah.* |
| 2. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah | *Proposed Site Preparation, Piling and Sand Filling works for Rimbunan Kaseh Project at Kampung Nyalau Bintulu* | 25.00 | | Projek ini digantikan dengan:<br>i. Projek *Proposed Site Preparation, Earthworks and Infrastructure Works at Rural Growth Centre Long Lama, Miri dan*<br>ii. *Construction and Completion of Proposed Reinforced Concrete Jetty at Rural Growth Centre Beladin, Betong.* |

| BIL. | NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN | NAMA AGENSI | NAMA PROJEK GUGUR | SILING ASAL PROJEK YANG DILULUSKAN (RM Juta) | SEBAB PROJEK DIGUGURKAN | PROJEK GANTI |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | Jabatan Kerja Raya | Stesen Pertanian Nanga Tiga, Betong | 3.80 | • Projek digugurkan kerana kedudukan projek berdekatan dengan Stesen Pertanian Ng Lawih yang boleh menyediakan perkhidmatan yang sama. | • Projek diganti dengan Stesen Pertanian Pusa, Betong. |
| 4. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | Majlis Daerah Limbang | Pembinaan Kolam Rawatan Bagi Tapak Pelupusan Sampah Majlis Daerah Limbang | 1.50 | • Pihak Majlis Daerah Limbang tidak mempunyai kepakaran untuk memantau kolam rawatan sekiranya telah siap kelak. | • Projek digantikan dengan Pembukaan Sel Baharu Tapak Pelupusan Sampah Level 2, Majlis Daerah Limbang. |
| 5. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | Majlis Perbandaran Sibu | Membaiki Jalan-jalan Kpg Usaha Jaya Baru, Jalan Sentosa, Sibu | 1.17 | • Jalan Kampung Usaha Jaya Baru, Jalan Sentosa telah diperbaiki dengan menggunakan peruntukan MARRIS pada September 2017. | • Projek diganti dengan projek Menaiktaraf Sistem Perparitan di Merdeka Lane 18, 14 & 17. |
| **PROJEK BUKAN FIZIKAL** | | | | | | |
| 6. | Setiausaha Kewangan Negeri | Unit Perancang Negeri | *Power Sector Development Masterplan* | 7.00 | • Kajian ini digugurkan kerana mempunyai keutamaan yang rendah. Pihak Sarawak Energy Berhad telah membuat pelan pembangunan untuk sektor kuasa di Sarawak. | • Kajian ini diganti dengan kajian yang lebih utama dan penting kepada pembangunan Sarawak, iaitu *Study on Sarawak Water Supply Master Plan and Water Grid*. |
| 7. | Setiausaha Kewangan Negeri | Unit Perancang Negeri | *Oil Palm Development Masterplan* | 6.50 | • Kajian ini digugurkan kerana skop bagi kajian ini sudah termasuk dalam Kajian *Masterplan for Agriculture and Rural Economy in Sarawak (2018-2030).* | Kajian ini diganti dengan:<br>i. Kajian Indeks Belia Sarawak dengan siling projek RM1.20 juta<br>ii. *Feasibility Study for Urban Transportation Projects* dengan siling projek RM1.50 juta<br>iii. *Proposed Flood Mitigation And Drainage Masterplan Study Of Samarahan River Basin* dengan siling projek RM3.60 juta |

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Ketua Menteri

### 8.1.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam

a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam diwujudkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada 108 akaun amanah. Sebanyak 34 daripadanya perlu disediakan Penyata Akaun Tahunan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara manakala 74 yang lain hanya perlu menyediakan Penyata Penyesuaian. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

diwujudkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ianya diwujudkan manakala Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada individu dan organisasi kepada kerajaan negeri. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM2.788 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM406.29 juta atau 17.1% berbanding RM2.382 bilion pada akhir tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM235.83 juta, iaitu meningkat sejumlah RM4.50 juta atau 1.9% berbanding RM231.33 juta pada akhir tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**
**AMANAH KERAJAAN DAN AWAM BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | PROJEK | BILANGAN AKAUN AMANAH | | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENYATA AKAUN TAHUNAN | PENYATA PENYESUAIAN | | | (RM Juta) | (%) |
| **KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN** | | | | | | | |
| 1. | Akaun Penyelesaian Kerajaan | - | 16 | 1.85 | 0.12 | 1.73 | 1,441.7 |
| 2. | Akaun Dana Kontingensi | - | 4 | 250.00 | 250.00 | - | - |
| 3. | Akaun Pinjaman | 2 | - | 10.03 | 9.80 | 0.23 | 2.3 |
| 4. | Akaun Amanah Pelbagai | 16 | 37 | 2,490.42 | 2,071.05 | 419.37 | 20.2 |
| 5. | Akaun Perniagaan | 8 | - | 35.62 | 50.66 | -15.04 | -29.7 |
| **JUMLAH** | | **26** | **57** | **2,787.92** | **2,381.63** | **406.29** | **17.1** |
| **KUMPULAN WANG AMANAH AWAM** | | | | | | | |
| 1. | Amanah Khas | 8 | - | 204.93 | 194.05 | 10.88 | 5.6 |
| 2. | Amanah Am | - | 17 | 30.90 | 37.28 | -6.38 | -17.1 |
| **JUMLAH** | | **8** | **17** | **235.83** | **231.33** | **4.50** | **1.9** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **34** | **74** | **3,023.75** | **2,612.96** | **410.79** | **15.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## b. Pembentangan Penyata Akaun di Dewan Undangan Negeri

Sebanyak 13 daripada 34 akaun amanah yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, satu (1) daripada 13 akaun amanah tersebut masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri setakat bulan Mei 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**
**PENYATA AKAUN AMANAH BELUM DIBENTANG DI DEWAN UNDANGAN NEGERI**

| BIL. | KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN DAN AWAM | PEGAWAI PENGAWAL | TAHUN PENYATA AKAUN |
|---|---|---|---|
| 1. | *The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund* | Setiausaha Kerajaan Negeri | 2016 |

Sumber: Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak

### c. Akaun Amanah yang Tidak Aktif

Seksyen 9(4), Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan pihak berkuasa kewangan boleh mengarah mana-mana akaun amanah hendaklah ditutup selepas semua liabiliti dijelaskan. Pada akhir tahun 2018, dua (2) akaun amanah, iaitu Akaun Amanah Pinjaman Komputer (Ahli Pentadbiran, DUN dan YDP Dewan) daripada Akaun Amanah Pinjaman dan Akaun Amanah 1 Azam Pelaburan daripada Akaun Amanah Pelbagai telah ditutup kerana akaun amanah tersebut sudah tidak aktif, berbaki sifar dan tidak diperlukan lagi. Selain itu, sebanyak 11 daripada 108 akaun amanah sudah tidak aktif sejak tahun 2014. Lima (5) daripada 11 akaun berkenaan berbaki debit antara RM135,459 hingga RM3.06 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**
**AKAUN AMANAH YANG TIDAK AKTIF BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | AKAUN | BAKI AKHIR | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
| **KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN** | | | | | | |
| 1. | Akaun Amanah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia | 1.54 | 1.54 | 1.54 | 1.54 | 1.54 |
| 2. | Akaun Amanah Program Latihan Kemahiran Etnik Minoriti Sarawak * | 1.47 | 1.47 | 1.47 | 1.47 | 1.47 |
| 3. | Pemarkasaan * | 0.07 | 0.07 | 0.07 | 0.07 | 0.07 |
| 4. | Akaun Pembayaran Perbelanjaan * | - | - | - | - | - |
| 5. | Akaun Pendahuluan Persendirian - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri* | - | - | - | - | - |
| 6. | SBBS Jualan Air * | - | - | - | - | - |
| 7. | Pendahuluan Am - Jabatan Tanah dan Survei | (0.14) | (0.14) | (0.14) | (0.14) | (0.14) |
| 8. | Akaun Agensi Kerajaan Malaysia | (0.38) | (0.38) | (0.38) | (0.38) | (0.38) |
| 9. | Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia | (0.49) | (0.49) | (0.49) | (0.49) | (0.49) |
| 10. | Pengakap Sempadan | (0.62) | (0.62) | (0.62) | (0.62) | (0.62) |
| 11. | Operasi Tentera | (3.06) | (3.06) | (3.06) | (3.06) | (3.06) |
| **JUMLAH** | | **(1.61)** | **(1.61)** | **(1.61)** | **(1.61)** | **(1.61)** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Akaun mencapai lima (5) tahun tidak aktif mulai tahun 2018

### 8.1.5. Akaun Penyelesaian Kerajaan

a. Arahan Perbendaharaan 153 menyatakan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian Kerajaan yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2018, sembilan (9) Akaun Penyelesaian Kerajaan berjumlah RM5.72 juta masih belum diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**
**AKAUN PENYELESAIAN KERAJAAN YANG BELUM DISELESAIKAN**

| BIL. | AKAUN | BAKI PADA 31.12.2018 (DEBIT) (RM Juta) | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Akaun Penyelesaian Perbelanjaan Pembangunan Berbayar Balik | (0.64) | Tuntutan imbuhan balik telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 14 Januari 2019. |
| 2. | Agensi Kerajaan Malaysia | (0.38) | Tidak aktif sejak tahun 2002. Dua (2) mesyuarat mengenai Akaun Agensi Kerajaan Malaysia yang belum diselesaikan telah diadakan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia pada 27 September 2000 dan 8 Mac 2018. Memo susulan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 9 November 2018. Setakat ini keputusan masih belum diterima. |
| 3. | Pengakap Sempadan | (0.61) | Tidak aktif sejak tahun 1966. Dua (2) mesyuarat mengenai Akaun Agensi Kerajaan Malaysia yang belum diselesaikan telah diadakan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia pada 27 September 2000 dan 8 Mac 2018. Memo susulan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 9 November 2018. Setakat ini keputusan masih belum diterima. |
| 4. | Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia | (0.49) | |
| 5. | Operasi Tentera | (3.06) | |
| 6. | Agensi Kerajaan Brunei | (0.11) | Sejumlah RM14,773 telah diterima pada 30 Januari 2019 dan masih mempunyai baki berjumlah RM97,245. |
| 7. | Pendahuluan Am - Jabatan Tanah dan Survei | (0.14) | Permohonan hapus kira dan penutupan akaun telah dikemukakan kepada pihak berkuasa melalui Memorandum Rasmi rujukan 40/FIN/5-27 bertarikh 9 Oktober 2015. Bagaimanapun, tindakan hapus kira dan penutupan akaun belum diambil. Jabatan Tanah dan Survei akan mengemukakan semula cadangan penutupan akaun tersebut. |
| 8. | Pendahuluan Am - Lain-lain Jabatan Negeri | (0.17) | Amaun ini melibatkan kes kehilangan wang awam akibat kecurian pada tahun 1992 yang belum selesai. Permohonan hapus kira telah dikemukakan kepada pihak berkuasa. |
| 9. | Pelarasan Cek Tidak Laku | (0.12) | Cadangan penyelesaian amaun tertunggak ini telah dikemukakan kepada pihak Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. |
| **JUMLAH** | | **(5.72)** | |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Sebanyak empat (4) daripada sembilan (9) akaun tersebut, iaitu Akaun Agensi Kerajaan Malaysia, Pengakap Sempadan, Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia dan Operasi Tentera yang tidak aktif sejak tahun 1966 dan tahun 2002 adalah berbaki debit berjumlah RM4.54 juta.

### 8.1.6. Akaun Perniagaan

a. Sebanyak lapan (8) akaun amanah diwujudkan dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak bagi tujuan memberi perkhidmatan dan bekalan kepada kementerian/jabatan negeri dan persekutuan.

b. Pada akhir tahun 2018, baki terkumpul Akaun Perniagaan adalah berjumlah RM35.62 juta menurun sejumlah RM15.04 juta atau 29.7% berbanding sejumlah RM50.66 juta pada tahun 2017. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM3.31 juta bil tertunggak bagi tujuh (7) akaun amanah menunjukkan penurunan sejumlah RM2.20 juta atau 39.9% berbanding RM5.51 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**
**KEDUDUKAN BIL TERTUNGGAK BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | AKAUN AMANAH | JUMLAH BIL TERTUNGGAK | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 (RM) | 2017 (RM) | (RM) | (%) |
| 1. | Akaun Stor Tak Teruntuk | 2,368 | 1,889,105 | -1,886,737 | -99.9 |
| 2. | Akaun Kenderaan dan Sewa Loji | 1,757,475 | 1,959,675 | -202,200 | -10.3 |
| 3. | Akaun Petrol, Minyak dan Pelincir | 649,019 | 747,378 | -98,359 | -13.2 |
| 4. | Akaun Penyenggaraan Loji (Jabatan) | 540,227 | 540,227 | - | - |
| 5. | Akaun Perniagaan Am | 308,924 | 320,240 | -11,316 | -3.5 |
| 6. | Akaun Penyenggaraan Loji (Pembangunan) | 47,759 | 47,759 | - | - |
| 7. | Akaun Loji Premix | - | 1,159 | -1,159 | -100.0 |
| **JUMLAH** | | **3,305,772** | **5,505,543** | **-2,199,771** | **-39.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkenaan

c. Sebahagian daripada bil ini telah lama tertunggak melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk mengutip balik mahupun membuat pelarasan hapus kira. Kedudukan bil yang tertunggak adalah antara satu (1) hingga melebihi 40 tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**
**TERTUNGGAK ANTARA SATU (1) HINGGA MELEBIHI 40 TAHUN**

| BIL. | TEMPOH TERTUNGGAK | TAHUN | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| 1. | 1 tahun | 2017 | 0.09 |
| 2. | 2 hingga 5 tahun | 2013 - 2016 | 0.53 |
| 3. | 6 hingga 10 tahun | 2008 - 2012 | 0.43 |
| 4. | 11 hingga 40 tahun | 1978 - 2007 | 2.12 |
| 5. | Melebihi 40 tahun | 1978 dan sebelum | 0.14 |
| **JUMLAH** | | | **3.31** |

Sumber: Penyata Akaun Amanah

d. Jabatan Kerja Raya Sarawak telah menubuhkan *Taskforce on Trust Account Outstanding Bill* pada awal tahun 2017 bertujuan untuk menyelesaikan semua masalah bil tertunggak. Mesyuarat telah diadakan pada 27 November 2017. Antara usaha yang telah dilakukan adalah:

   i. menghantar surat peringatan kepada penghutang bagi menuntut bayaran bil tertunggak berkenaan;

   ii. membuat semakan dan mengemas kini maklumat bayaran bil tertunggak yang diterima secara konsisten setiap tahun dan;

   iii. mengenal pasti bil tertunggak yang berusia melebihi 10 tahun untuk cadangan pelupusan mengikut prosedur yang berkuat kuasa pada masa ini.

e. Sehingga akhir tahun 2018, baki Akaun Stor Tak Teruntuk adalah berjumlah RM14.25 juta menurun sejumlah RM15.39 juta atau 51.9% berbanding sejumlah RM29.64 juta pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Stor Tak Teruntuk pada tahun 2018 adalah berjumlah RM2,368 menurun sejumlah RM1.89 juta atau 99.9% berbanding tahun 2017. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 25 Januari 2018 telah meluluskan penutupan Akaun Stor Tak Teruntuk, dengan itu aset dan liabiliti akan dipindahkan ke tabung amanah yang baharu. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2018 penutupan akaun masih belum dilaksanakan.

f. Baki Akaun Kenderaan dan Sewa Loji sehingga akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM5.06 juta meningkat sejumlah RM217,748 atau 4.3% berbanding sejumlah RM4.85 juta pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Kenderaan dan Sewa Loji adalah berjumlah RM1.76 juta pada tahun 2018 menurun sejumlah RM202,200 atau 10.3% berbanding RM1.96 juta pada tahun 2017.

g. Sehingga akhir tahun 2018, baki Akaun Petrol, Minyak dan Pelincir adalah berjumlah RM1.51 juta meningkat sejumlah RM201,125 atau 16.2% berbanding sejumlah RM1.30 juta pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Petrol, Minyak dan Pelincir adalah berjumlah RM0.65 juta pada tahun 2018 menurun sejumlah RM98,359 atau 13.2% berbanding RM0.75 juta pada tahun 2017.

h. Akaun Penyelenggaraan Loji (Jabatan) sehingga akhir tahun 2018 dan 2017 adalah berbaki debit berjumlah RM0.93 juta. Perkara ini bermakna dana ini diguna melebihi peruntukan sedia ada sejak tahun 2013 dengan baki debit berjumlah RM0.94 juta. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun

Penyelenggaraan Loji (Jabatan) adalah berjumlah RM0.54 juta pada tahun 2018 dan 2017.

i. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Perniagaan Am adalah berjumlah RM1.35 juta menurun sejumlah RM80,935 atau 5.6% berbanding sejumlah RM1.43 juta pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Perniagaan Am adalah berjumlah RM308,924 pada tahun 2018 menurun sejumlah RM11,316 atau 3.5% berbanding RM320,240 pada tahun 2017.

j. Akaun Penyelenggaraan Loji (Pembangunan) sehingga akhir tahun 2018 adalah berbaki debit berjumlah RM0.70 juta menurun sejumlah RM11,432 atau 2.8% berbanding sejumlah RM0.72 juta pada tahun 2017. Perkara ini bermakna dana ini diguna melebihi peruntukan sedia ada sejak tahun 2013 dengan baki debit berjumlah RM0.88 juta. Analisis Audit mendapati jumlah bil tertunggak Akaun Penyelenggaraan Loji (Pembangunan) adalah berjumlah RM47,760 pada tahun 2018 dan 2017.

k. Sehingga akhir tahun 2018, Akaun Loji Premix masih mempunyai baki stok *premix* yang dinilai semula pada tahun 2014 berjumlah RM0.61 juta masih belum diambil tindakan sewajarnya. Tindakan pelupusan stok melalui tender telah dilaksanakan pada tahun 2014 tetapi tiada pembida. Sehubungan dengan itu, pihak JKR Sarawak telah mengemukakan usul mengenai kaedah pelupusan yang bersesuaian kepada Lembaga Tender Pusat Negeri seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat bersama pihak Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Pihak JKR Sarawak sedang menyediakan kertas cadangan permohonan untuk kelulusan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri bagi pelupusan stok berkenaan.

l. Akaun Perniagaan Kuari telah berbaki sifar sejak tahun 2015. Bagaimanapun, permohonan untuk menutup akaun tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak pada awal bulan April 2017. Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak dan JKR sedang dalam proses menutup akaun amanah yang lain sekiranya tidak lagi diperlukan.

### 8.1.7. *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund* (GCTAATF)

a. *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund* (GCTAATF) telah diwujudkan pada tahun 2005 di bawah *Section* 4(3) *The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance, 1963*. Tujuan GCTAATF diwujudkan ialah untuk membolehkan kerajaan negeri menjalankan projek atau

melabur dalam badan korporat di bawah Setiausaha Kewangan Negeri (Diperbadankan) bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial atau pendidikan di Negeri Sarawak. Operasi GCTAATF tertakluk kepada *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund Direction 2005* dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2006.

b. Sumber dana untuk GCTAATF adalah daripada geran dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, orang perseorangan, organisasi dan orang awam serta daripada faedah dan dividen pelaburan GCTAATF. Pegawai pengawal bagi akaun amanah ini adalah Setiausaha Kewangan Negeri.

c. Sehingga akhir tahun 2018, GCTAATF mencatatkan baki berjumlah RM273.39 juta meningkat sejumlah RM136.82 juta atau 100.2% berbanding sejumlah RM136.57 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan agihan peruntukan kepada syarikat kerajaan negeri menurun sejumlah RM59.92 juta atau 4.5%, iaitu sejumlah RM1.270 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.330 bilion pada tahun 2017. Selain itu, peningkatan ini juga disebabkan baki pada awal tahun 2018 meningkat RM90.21 juta atau 194.6%, iaitu sejumlah RM136.57 juta pada tahun 2018 berbanding sejumlah RM46.36 juta pada tahun 2017.

d. Analisis trend bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 mendapati GCTAATF telah menerima peruntukan berjumlah RM7.021 bilion daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Sarawak dan sejumlah RM6.791 bilion telah diagih kepada syarikat kerajaan negeri. Analisis Audit mendapati sejumlah RM230.40 juta atau 3.4% adalah lebihan baki peruntukan yang disalurkan bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**
**KEDUDUKAN TERIMAAN DAN BAYARAN**
**BAGI KUMPULAN WANG AMANAH GCTAATF BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| TAHUN | PERUNTUKAN (RM Juta) | PENDAPATAN FAEDAH DARIPADA SIMPANAN TETAP (RM Juta) | AGIHAN KEPADA SYARIKAT KERAJAAN (RM Juta) | BAKI (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 2014 | 1,528.81 | 7.76 | 1,465.37 | 72.44 |
| 2015 | 1,347.93 | 3.18 | 1,367.75 | 55.80 |
| 2016 | 1,335.15 | 12.85 | 1,357.44 | 46.36 |
| 2017 | 1,410.50 | 9.91 | 1,330.20 | 136.57 |
| 2018 | 1,399.05 | 8.05 | 1,270.28 | 273.39 |

Sumber: Penyata Penerimaan dan Pembayaran *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund*

e. Analisis Audit mendapati geran kepada GCTAATF menurun sejumlah RM11.45 juta atau 0.8% daripada RM1.411 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.399 bilion pada tahun 2018. Penurunan ini adalah sejajar dengan jadual pembayaran balik pokok dan faedah daripada pinjaman serta pergerakan pertukaran mata wang asing.

f. Analisis trend terhadap penerimaan dan pembayaran mendapati terimaan dan perbelanjaan pada tahun 2014 adalah yang tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun seperti dalam **Jadual 42**.

**JADUAL 42**
**PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN *GOVERNMENT CONTRIBUTIONS TOWARDS APPROVED AGENCIES TRUST FUND* BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 1.24 | 72.44 | 55.80 | 46.36 | 136.57 |
| Terimaan Termasuk Faedah | 1,536.57 | 1,351.11 | 1,348.00 | 1,420.41 | 1,407.10 |
| Pelaburan dan Obligasi Setiausaha Kewangan Negeri (Perbadanan) | 1,465.37 | 1,367.75 | 1,357.44 | 1,330.20 | 1,270.28 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **72.44** | **55.80** | **46.36** | **136.57** | **273.39** |

Sumber: Penyata Penerimaan dan Pembayaran *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund*

g. Peruntukan yang diagihkan pada tahun 2018 adalah merupakan pembayaran untuk empat (4) pinjaman, iaitu *USD800 Million 4.25% Guaranteed and Secured Notes Due 2022* untuk SSG Capital Resources Sdn. Bhd., *USD350 Million 5.925% Guaranteed Fixed Rate Amortising Notes Due 2026* untuk Sarawak Capital Assets Sdn. Bhd., *USD800 Million Guaranteed and Secured Notes Due 2026* untuk Equisar Sdn. Bhd. dan *Sukuk Murabahah Programme of RM1.50 Billion Due 2029* untuk Aquasar Capital Sdn. Bhd. *(Malaysia Trustees Berhad - Reserve Account)*.

### 8.1.8. *The State Road Maintenance Fund*

a. *The State Road Maintenance Fund* diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Akaun ini diwujudkan di bawah *Section* 4(3) *The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance,* 1963.

b. Analisis Audit mendapati baki terkumpul *The State Road Maintenance Fund* bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM495.27 juta, menurun sejumlah RM130.33 juta atau 20.8% berbanding RM625.60 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 43**.

**JADUAL 43**
**PERBANDINGAN BAKI *THE STATE ROAD MAINTENANCE FUND* BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 970.24 | 991.32 | 826.71 | 768.16 | 625.60 |
| Terimaan | 762.06 | 779.38 | 822.53 | 847.18 | 872.58 |
| **TERIMAAN TERKUMPUL** | **1,732.30** | **1,770.70** | **1,649.24** | **1,615.34** | **1,498.18** |
| Agihan dan<br>Peratus (%) | 740.98<br>97.2 | 943.99<br>121.1 | 881.08<br>107.1 | 989.74<br>116.8 | 1,002.91<br>114.9 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **991.32** | **826.71** | **768.16** | **625.60** | **495.27** |
| **PERUBAHAN BAKI TERKUMPUL (%)** | **2.2** | **-16.6** | **-7.1** | **-18.6** | **-20.8** |
| Perbelanjaan Sebenar | 683.82 | 904.32 | 889.16 | 948.91 | 1,008.63 |
| **PERATUS PERBELANJAAN SEBENAR (%)** | **89.7** | **116.0** | **108.1** | **112.0** | **115.6** |
| **PANJANG JALAN MARRIS (KM)** | **29,489.51** | **30,390.44** | **33,513.33** | **29,522.02** | **31,027.46** |

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Untuk *The State Road Maintenance Fund* dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran

c. Selain itu, panjang jalan yang berdaftar untuk Negeri Sarawak di bawah *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS) setakat akhir tahun 2018 adalah 31,027.46 kilometer, iaitu kenaikan sebanyak 1,505.44 kilometer atau 5.1% berbanding 29,522.02 kilometer pada tahun 2017.

d. Bagi tahun 2014 hingga 2018, *The State Road Maintenance Fund* telah menerima sejumlah RM4.084 bilion yang terdiri daripada geran Persekutuan serta pelarasan. Sejumlah RM4.559 bilion atau 111.6% daripada peruntukan yang diterima telah diagihkan kepada jabatan/agensi pelaksana. Pada tahun 2018, sejumlah RM1.003 bilion daripada RM4.084 bilion telah diagihkan kepada jabatan/agensi dan hanya RM1.008 bilion atau 100.5% telah dibelanjakan.

### 8.1.9. *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund*

a. *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund* diwujudkan di bawah *The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund Ordinance, 1985.* Tujuan kumpulan wang amanah ini adalah untuk memulihkan ekonomi, sosial dan pembangunan masyarakat setempat yang terjejas akibat aktiviti pembalakan. Kumpulan wang ini menyedia dan menaik taraf kemudahan infrastruktur awam dan sosial, meningkatkan tahap kesihatan dan pendidikan serta menjalankan aktiviti untuk kepentingan dan faedah masyarakat setempat.

b. Pada tahun 2018, baki akhir terkumpul kumpulan wang amanah ini adalah berjumlah RM133.40 juta, iaitu menurun sejumlah RM6.49 juta atau 4.6% berbanding RM139.89 juta pada tahun 2017. Penurunan ini adalah disebabkan oleh rosot nilai dalam pelaburan ekuiti sejumlah RM6.70 juta.

c. Analisis Audit mendapati sejumlah RM130.04 juta atau 97.5% daripada RM133.40 juta dana masih digunakan bagi tujuan pelaburan. Antaranya sejumlah RM1.31 juta atau 0.98% adalah perbelanjaan pembangunan masyarakat setempat. Oleh itu, tujuan penubuhan akaun amanah ini masih belum dicapai.

### 8.1.10. *Infrastructure Development Trust Fund*

a. *Infrastructure Development Trust Fund* diwujudkan pada 15 September 1986 di bawah Seksyen 9(3), Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi tujuan memberi pinjaman kewangan kepada syarikat swasta untuk melaksanakan Projek Pembangunan Infrastruktur.

b. Pada akhir tahun 2018, baki akhir terkumpul adalah berjumlah RM47.30 juta, iaitu meningkat sejumlah RM2.19 juta atau 4.9% berbanding RM45.11 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembayaran baki pinjaman adalah RM1.26 juta dan faedah daripada pelaburan adalah RM0.93 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 44**.

**JADUAL 44**
**PRESTASI TERIMAAN DAN BAYARAN *INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT TRUST FUND* BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 45.11 | 44.10 |
| Terimaan | 2.19 | 1.01 |
| Perbelanjaan | - | - |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **47.30** | **45.11** |

Sumber: Penyata Akaun *Infrastructure Development Trust Fund*

c. Baki pinjaman sejumlah RM1.26 juta telah dibayar oleh Kumpulan Parabena Sdn. Bhd. pada 19 Disember 2018 manakala *default interest* berjumlah RM1.49 juta masih belum dilunaskan sehingga akhir tahun 2018 (sejak dari tahun 2012). Pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak telah memohon kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri pada 29 Ogos 2018 bagi tujuan pelupusan *default interest* tersebut. Kementerian masih menunggu keputusan rasmi daripada pihak Setiausaha Kewangan Negeri berhubung permohonan ini.

### 8.1.11. Akaun Deposit

a. Akaun Deposit adalah wang yang disimpan bagi tujuan tertentu dan perlu dikembalikan atau diselaraskan selepas tujuannya dicapai. Pada akhir tahun 2018, Akaun Deposit yang dipegang oleh kerajaan negeri menurun sejumlah RM5.98 juta atau 4.2% kepada RM138.03 juta berbanding RM144.01 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 45**.

**JADUAL 45**
**KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS DEPOSIT | BILANGAN PENDEPOSIT | | BAKI DEPOSIT (RM Juta) | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Deposit Am | 6,373 | 12,081 | 122.16 | 123.00 | -0.84 | -0.7 |
| 2. | Deposit Khas | 1,195 | 1,145 | 15.87 | 21.01 | -5.14 | -24.5 |
| **JUMLAH** | | **7,568** | **13,226** | **138.03** | **144.01** | **-5.98** | **-4.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkenaan

b. Trend baki Akaun Deposit bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan peningkatan dari tahun 2014 dan tahun 2015 manakala pada tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan penurunan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 9**.

**CARTA 9**
**TREND BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak

c. Arahan Perbendaharaan 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut dalam masa tiga (3) bulan selepas diwartakan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Analisis Audit mendapati sebahagian deposit ini telah lama tertunggak, iaitu melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk membayar balik kepada pendeposit mahupun membuat pelarasan ke Akaun Hasil. Kedudukan

deposit tertunggak adalah antara satu (1) hingga 57 tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 46**.

**JADUAL 46**
**PENGUMURAN DEPOSIT ANTARA SATU (1) HINGGA 57 TAHUN**

| BIL. | TEMPOH DEPOSIT | DEPOSIT KHAS (RM Juta) | DEPOSIT AM (RM Juta) | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 1 tahun | 2.63 | 77.86 | 80.49 |
| 2. | 2 hingga 5 tahun | 5.27 | 33.64 | 38.91 |
| 3. | 6 hingga 10 tahun | 3.76 | 3.29 | 7.05 |
| 4. | 11 hingga 57 tahun | 4.21 | 7.37 | 11.58 |
| **JUMLAH** | | **15.87** | **122.16** | **138.03** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hutan

d. Baki Deposit Am yang diselenggara oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak pada tahun 2018 adalah berjumlah RM33.63 juta. Sejumlah RM33.20 juta atau 98.7% daripada baki tersebut merupakan terimaan yang tidak sepatutnya dikategorikan sebagai deposit sebaliknya ia merupakan akaun amanah mengikut tujuan sumbangan diterima. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 47**.

**JADUAL 47**
**TERIMAAN YANG TIDAK SEPATUTNYA DIKATEGORIKAN SEBAGAI DEPOSIT**

| BIL. | BUTIRAN TERIMAAN | TAHUN | NAMA JABATAN | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Bayaran Pampasan ke Atas Pengambilan Tanah Untuk Tujuan Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) | 2017 | Setiausaha Kerajaan Negeri | 23.72 |
| 2 | Pengangkutan Bahan Api ke *Rural Area* | 2006 | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan | 6.25 |
| 3 | Tanggungjawab Korporat Sosial untuk Pusat Komuniti Lundu | 2016 | Pejabat Daerah Lundu | 1.00 |
| 4 | Penyaluran Geran Bagi Peruntukan Bawah Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sarawak untuk Program *Capacity Building* MBS 2015 | 2015 | Jabatan Ketua Menteri (Ketua Pendaftar Mahkamah Bumiputera) | 0.78 |
| 5 | Program Mobile CSR (Penan *Pre-School)* | 2017 | Kementerian Kebajikan Wanita dan Kesejahteraan Komuniti | 0.30 |
| 6 | Pelbagai | 2013-2018 | Lain-lain | 1.15 |
| **JUMLAH** | | | | **33.20** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

### 8.1.12. Akaun Kena Bayar

a. Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Pada tahun 2018, bayaran untuk AKB berjumlah RM312 juta meningkat sejumlah RM32.31 juta atau 11.6% berbanding RM279.69 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 48**.

**JADUAL 48**
**AKAUN KENA BAYAR MENGIKUT**
**KEMENTERIAN/JABATAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | KEMENTERIAN/JABATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 121.25 | 34.44 | 86.81 | 252.1 |
| 2. | Kementerian Kewangan * | 56.82 | 105.50 | -48.68 | -46.1 |
| 3. | Jabatan Ketua Menteri | 29.68 | 36.70 | -7.02 | -19.1 |
| 4. | Kementerian Utiliti Sarawak | 26.52 | 50.15 | -23.63 | -47.1 |
| 5. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak | 24.31 | 20.30 | 4.01 | 19.8 |
| 6. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 18.72 | 2.46 | 16.26 | 661.0 |
| 7. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 16.26 | 11.12 | 5.14 | 46.2 |
| 8. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 9.69 | 6.03 | 3.66 | 60.7 |
| 9. | Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak | 6.07 | 4.25 | 1.82 | 42.8 |
| 10. | Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan | 1.29 | 5.17 | -3.88 | -75.0 |
| 11. | Pelbagai Jabatan (5 Jabatan) ** | 0.92 | 3.50 | -2.58 | -73.7 |
| 12. | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan E-Dagang | 0.32 | - | 0.32 | 100.0 |
| 13. | Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi | 0.15 | - | 0.15 | 100.0 |
| 14. | Kementerian Perumahan dan Urbanisasi | - | 0.07 | -0.07 | -100.0 |
| **JUMLAH** | | **312.00** | **279.69** | **32.31** | **11.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Kementerian Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri
(**) - Termasuk Dewan Undangan Negeri Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pejabat Yang di-Pertua Negeri, Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak

b. Analisis Audit terhadap AKB mendapati lima (5) Kementerian/Jabatan menunjukkan peningkatan yang tertinggi pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 49**.

**JADUAL 49**
**PERBELANJAAN AKAUN KENA BAYAR YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2018**

| BIL. | KEMENTERIAN/ JABATAN | (RM Juta) | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan | 121.25 | Bayaran tuntutan tambang cuti tahunan, tuntutan elaun perjalanan untuk YB Menteri dan YB Menteri Muda dan bayaran penerbangan dan penginapan untuk Setiausaha Sulit kepada YB Menteri Muda. Bayaran tuntutan elaun lebih masa, elaun kilometeran, elaun perjalanan, utiliti, tiket penerbangan untuk kakitangan. Pembayaran bagi projek Membina Jalan Pakan, Ulu Julau, Ulu Kota, Pakan (*Phase II*). |
| 2. | Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak | 24.31 | Program Malaysian *Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show*, Program Sarawak Agrofest dan Majlis Pelancaran Program Pemulihan Tanaman Durian di Dewan Serba Guna Teng Bukap, Siburan yang dianjurkan pada penghujung tahun 2018. |
| 3. | Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan | 18.72 | Peruntukan pembangunan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk Projek Pembaikan dan Naik Taraf Jalan, Pembangunan Bandar dan Kawasan Penempatan Semula Daerah Mukah, Naik Taraf Jalan Raya Jalan Datuk Awang Matusin dan Menaik Taraf Taman Awan dan Rekreasi. |

| BIL. | KEMENTERIAN/ JABATAN | (RM Juta) | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 4. | Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan | 16.26 | Pelepasan peruntukan pembangunan untuk Projek *Sibu Industrial Estate*. Pembayaran tuntutan untuk Projek *Bio Valley Park*, *Kapit Light Estate (Stage 2)*, *Demak Laut Industrial Estate Phase 2B (Stage 2)*, *Betong Industrial Park*, *Marudi Industrial Estate*, *Upgrading Works for Rantau Panjang Industrial Estate Phase 1* dan *Samalajau SME Clusters*. Bayaran untuk aktiviti bagi Program Perusahaan Kecil dan Sederhana & Pembangunan Usahawan, Pembangunan Kapasiti, Promosi dan Pemasaran, Pembangunan Produk dan Sarawak Product Pavilion. |
| 5. | Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli | 9.69 | Pembayaran Projek ICT Tahun 2018 - *State Development Planning and Management System* - *eSPA* (1a) dan *eQP*. Pindahan peruntukan melalui *virement* untuk Projek Kampung Balingian *Extension* Kuching, Kampung Iran *Extension* Suai dan *Long Toan Service Centre*, Trusan Lawas. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

c. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan penurunan pada tahun 2015 hingga 2017 manakala tahun 2018 menunjukkan peningkatan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 10**.

**CARTA 10**
**KEDUDUKAN AKAUN KENA BAYAR BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam dan pelbagai liabiliti. Nilai aset yang diakaunkan dalam Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM10.008 bilion meningkat sejumlah RM3.257 bilion atau 48.2% berbanding tahun sebelumnya. Liabiliti kerajaan negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan menunjukkan penurunan sejumlah RM86.65 juta atau 3.5% kepada RM2.385 bilion pada akhir tahun 2018 berbanding RM2.471 bilion pada akhir tahun 2017.

## 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada agensi dan pihak berkuasa tempatan. Sumber bagi pinjaman ini adalah daripada kerajaan negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2018, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM2,411.04 juta meningkat sejumlah RM16,685 berbanding RM2,411.03 juta pada tahun 2017. Analisis Audit mendapati pinjaman yang diberi pada akhir tahun 2018 terdiri daripada sumber kerajaan negeri berjumlah RM1.085 bilion dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.326 bilion. Butiran lanjut baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

**JADUAL 50**
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

| BIL. | NAMA AGENSI/PINJAMAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Badan Berkanun Negeri | 2,187.50 | 2,179.58 | 7.92 | 0.4 |
| 2. | Syarikat | 223.00 | 230.91 | -7.91 | -3.4 |
| 3. | Skim Pinjaman Pelajar | 0.54 | 0.54 | - | - |
| | **JUMLAH** | **2,411.04** | **2,411.03** | **0.01** | **-** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

9.1.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2018, sejumlah RM90.56 juta pinjaman baharu dikeluarkan kepada lima (5) agensi dan sejumlah RM91.64 juta bayaran balik diterima. Sejumlah RM82.64 juta bayaran telah diterima daripada lapan (8) Badan Berkanun Negeri dan sejumlah RM9 juta diterima daripada tiga (3) syarikat. Sebanyak lapan (8) pinjaman berjumlah RM33.18 juta telah selesai pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 51**.

**JADUAL 51**
**PERGERAKAN PINJAMAN DAN BAYARAN BALIK BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | AGENSI PEMINJAM | BAKI PINJAMAN 1.1.2018 (RM Juta) | PINJAMAN BAHARU/ KELUARAN BAKI PINJAMAN (RM Juta) | KEUNTUNGAN DALAM TUKARAN WANG ASING (RM Juta) | BAYARAN BALIK (RM Juta) | BAKI PINJAMAN 31.12.2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | | | | | |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 838.78 | - | - | 12.85 | 825.93 |
| 2. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 318.14 | - | - | 19.48 | 298.66 |
| 3. | Lembaga Air Kuching | 326.83 | 44.90 | - | 17.61 | 354.12 |
| 4. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 298.23 | 1.95 | - | - | 300.18 |

| BIL. | AGENSI PEMINJAM | BAKI PINJAMAN 1.1.2018 (RM Juta) | PINJAMAN BAHARU/ KELUARAN BAKI PINJAMAN (RM Juta) | KEUNTUNGAN DALAM TUKARAN WANG ASING (RM Juta) | BAYARAN BALIK (RM Juta) | BAKI PINJAMAN 31.12.2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | Lembaga Air Sibu | 172.95 | 5.71 | - | *1.65 | 177.01 |
| 6. | Lembaga Pelabuhan Miri | 109.02 | - | - | 9.10 | 99.92 |
| 7. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 60.83 | 30.00 | - | 19.36 | 71.47 |
| 8. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 22.85 | - | - | - | 22.85 |
| 9. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 8.31 | - | - | 0.23 | 8.08 |
| 10. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 7.64 | - | - | 2.36 | 5.28 |
| 11. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 16.00 | 8.00 | - | - | 24.00 |
| | **JUMLAH** | **2,179.58** | **90.56** | **-** | **82.64** | **2,187.50** |
| **SYARIKAT** | | | | | | |
| 1. | Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd. | 86.50 | - | - | - | 86.50 |
| 2. | Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc. | 48.57 | - | 1.09 | - | 49.66 |
| 3. | Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. | 45.84 | - | - | - | 45.84 |
| 4. | Permodalan Assar Sdn. Bhd. | 25.00 | - | - | - | 25.00 |
| 5. | Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. | 17.00 | - | - | 1.00 | 16.00 |
| 6. | Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd. | 5.00 | - | - | 5.00 | - |
| 7. | Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd. | 3.00 | - | - | 3.00 | - |
| | **JUMLAH** | **230.91** | **-** | **1.09** | **9.00** | **223.00** |
| **SKIM PINJAMAN PELAJAR** | | | | | | |
| 1. | Skim Pinjaman Pelajar | 0.54 | - | - | - | 0.54 |
| | **JUMLAH** | **0.54** | **-** | **-** | **-** | **0.54** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **2,411.03** | **90.56** | **1.09** | **91.64** | **2,411.04** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Sejumlah RM0.83 Juta Merupakan Hapus Kira Pada Tahun 2018

### 9.1.3. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut

a. Pada tahun 2018, ansuran pinjaman yang sepatutnya diterima oleh kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.187 bilion terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa dan tunggakan tahun terdahulu. Bagaimanapun, pada tahun 2018 hanya sejumlah RM104.48 juta atau 8.8% bayaran balik diterima yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM90.81 juta dan faedah berjumlah RM13.67 juta.

b. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 berjumlah RM1.083 bilion meningkat sejumlah RM56.83 juta atau 5.5% berbanding RM1.026 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan 11 agensi tidak membuat pembayaran balik tunggakan atau membayar sebahagian

daripada pinjaman yang matang pada tahun 2018. Pada tahun 2018, Lembaga Air Sibu diluluskan penjadualan semula bagi baki tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM23.28 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 52**.

**JADUAL 52**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | AGENSI | TUNGGAKAN PADA 01.01.2018 (RM Juta) | PENJADUALAN SEMULA DALAM TAHUN 2018 (RM Juta) | ANUITI 2018 (RM Juta) | JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2018 (RM Juta) | BAYARAN BALIK DALAM TAHUN 2018 (RM Juta) | TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | | | | | | |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 402.34 | - | 67.13 | 469.47 | 20.76 | 448.71 |
| 2. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 125.19 | - | 27.53 | 152.72 | 21.89 | 130.83 |
| 3. | Lembaga Pelabuhan Miri | 122.77 | - | 7.42 | 130.19 | 11.47 | 118.72 |
| 4. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 48.42 | - | 19.36 | 67.78 | 19.36 | 48.42 |
| 5. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 48.17 | - | 25.14 | 73.31 | - | 73.31 |
| 6. | Lembaga Air Sibu | 23.76 | -23.28 | 3.43 | 3.91 | 0.84 | 3.07 |
| 7. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | - | - | 0.56 | 0.56 | 0.56 | - |
| 8. | Lembaga Air Kuching | 1.30 | - | 18.50 | 19.80 | 17.60 | 2.20 |
| 9. | Lembaga Kemajuan Bintulu | - | - | 2.55 | 2.55 | 2.55 | - |
| 10. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | - | - | 1.25 | 1.25 | - | 1.25 |
| **PERBADANAN/SYARIKAT** | | | | | | | |
| 11. | Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc. | 131.96 | - | - | *140.00 | - | *140.00 |
| 12. | Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd. | 86.50 | - | - | 86.50 | - | 86.50 |
| 13. | Amanah Saham Sarawak Bhd. | 27.45 | - | 2.23 | 29.68 | - | 29.68 |
| 14. | Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd. | 5.00 | - | - | 5.00 | 5.00 | - |
| 15. | Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd. | 3.00 | - | - | 3.00 | 3.00 | - |
| 16. | Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. | - | - | 1.45 | 1.45 | 1.45 | - |
| **JUMLAH** | | **1,025.86** | **-23.28** | **176.55** | **1,187.17** | **104.48** | **1,082.69** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Jumlah Berubah Mengikut Pelarasan Pertukaran Wang Asing

c. Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 32 pinjaman yang sepatutnya selesai pembayaran antara satu (1) hingga 26 tahun (1993 - 2018) masih belum dijelaskan sepenuhnya pada akhir tahun 2018. Ia melibatkan empat (4) Badan Berkanun Negeri dan tiga (3) syarikat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 53**.

**JADUAL 53**
**PINJAMAN YANG SEPATUTNYA SELESAI TETAPI**
**BELUM DIJELASKAN SEPENUHNYA PADA AKHIR TAHUN 2018**

| NO. PINJAMAN | SYARAT BAYARAN BALIK | TARIKH SEPATUT SELESAI | BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2018 (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| **1. LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK (SALCRA)** | | | | |
| C/SFS/458 bth. 30.12.1981 | Sembilan (9) anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1988 | 30.12.1997 | 280,444 | Kerajaan negeri telah membuat bayaran penuh kepada Kerajaan Persekutuan pada Januari 2019. Dengan itu, SALCRA sedang dalam proses menyediakan kertas cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk bayaran balik pinjaman kepada kerajaan negeri. |
| C/SFS/458/(26) bth. 27.12.1982 | 13 anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1989 | 30.12.2002 | 7,311,111 | |
| SFS/05980/L (35) bth. 27.04.1984 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 19.12.1994 | 30.12.2009 | 322,000 | |
| C/SFS/477/1/(14) bth. 22.07.1985 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 31.07.1996 | 31.07.2011 | 857,900 | |
| C/SFS/SALCRA/5/1 bth. 06.10.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 06.10.1999 | 06.10.2014 | 2,242,760 | |
| C/SFS/SALCRA/5/1 bth. 06.10.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999 | 22.10.2014 | 4,400,000 | |
| C/SFS/SALCRA/5/1 bth. 06.10.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 22.10.1999 | 22.10.2014 | 1,500,000 | |
| C/SFS/SALCRA/6/(4) bth. 03.05.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 06.10.1999 | 06.10.2014 | 2,606,300 | |
| C/SFS/SALCRA/5/1 bth. 06.10.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 06.10.1999 | 06.10.2014 | 2,528,230 | |
| C/SFS/SALCRA/9/(19) bth. 04.04.1988 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 06.10.1999 | 06.10.2014 | 2,096,330 | |
| C/SFS/SALCRA/1 bth. 14.01.1989 | 15 anuiti, bayaran pertama pada 14.01.2000 | 14.01.2015 | 2,017,510 | |
| C/SFS/481 bth. 27.07.1984 | Enam (6) anuiti, bayaran pertama pada 21.02.1987 | 21.02.1993 | 6,497,000 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penstrukturan Pinjaman Kerajaan yang diadakan pada 4 Julai 2018 telah mencadangkan SALCRA untuk melunaskan bayaran pinjaman ini menggunakan hasil penjualan aset yang dianggarkan bernilai RM2 juta setelah penggulungan syarikat Mayang Tea Sdn Bhd. Bagaimanapun, baki pinjaman yang belum selesai boleh dimohon untuk penjadualan semula selama 10 tahun. Kerajaan negeri masih menunggu maklum balas daripada SALCRA untuk cadangan tersebut. |
| C/SFS/356/11 bth. 07.03.1983 | 12 anuiti, bayaran pertama pada 07.03.1992 | 30.12.2004 | 17,165,993 | Terdapat percanggahan rekod antara rekod SALCRA dengan Penyata Lengkap Memorandum Pinjaman F2.1. Kerajaan negeri sedang dalam proses mengemas kini baki pinjaman yang sepatutnya. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penstrukturan Pinjaman Kerajaan yang diadakan pada 4 Julai 2018 telah memutuskan bahawa SALCRA dimohon untuk melunaskan bayaran balik pinjaman ini setelah rekod diselaraskan. |
| C/SFS/SALCRA/12 bth. 08.11.1990 | 12 anuiti, bayaran pertama pada 15.09.1999 | 15.09.2011 | 1,533,283 | |
| **2. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH (LCDA)** | | | | |
| LCDA/2002/13 bth 03.12.2002 | 10 anuiti, bayaran pertama pada 13.12.2006 | 13.12.2016 | 11,275,500 | Surat peringatan telah dikemukakan oleh Akauntan Negeri Sarawak kepada LCDA untuk bayaran tunggakan. |

| NO. PINJAMAN | SYARAT BAYARAN BALIK | TARIKH SEPATUT SELESAI | BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2018 (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| LCDA/2000/01 bth 08.11.2000 | 10 anuiti, bayaran pertama pada 03.12.2007 | 03.12.2017 | 42,111,000 | |
| LCDA/2001/09 bth 19.12.2001 | 12 anuiti, bayaran pertama pada 16.01.2006 | 16.01.2018 | 597,510 | LCDA telah melunaskan anuiti bayaran terakhir pada Januari 2019 maka pinjaman telah selesai pada tahun 2019. |
| **3. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK (STIDC)** | | | | |
| STIDC/2001/01 bth. 18.09.2001 | Lima (5) anuiti, bayaran pertama pada 07.06.2005 | 07.06.2010 | 41,470,000 | Surat peringatan telah dikemukakan oleh Akauntan Negeri Sarawak untuk bayaran tunggakan. |
| **4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (HDC)** | | | | |
| C/SFS/HDC/7/4 bth. 05.06.1990 | 20 anuiti, bayaran pertama pada 15.06.1996 | 15.06.2016 | 257,932 | Jawatankuasa Kerja Penstrukturan Pinjaman Kerajaan melalui mesyuarat bertarikh 5 Mei 2016 telah meminta HDC menambah baik cadangan permohonan penstrukturan semula pinjaman untuk 10 pinjaman yang paling kritikal. Bagaimanapun, pihak HDC sedang berusaha untuk membuat pembayaran bagi kedua-dua pinjaman tersebut. Pada tahun 2018, HDC telah membayar dua (2) anuiti bagi setiap pinjaman tersebut. |
| C/SFS/HDC/41 bth. 10.09.1991 | 23 anuiti, bayaran pertama pada 29.09.1994 | 29.09.2017 | 1,820,709 | |
| C/SFS/HDC/26/1 bth. 26.03.1992 | 22 anuiti, bayaran pertama pada 21.04.1996 | 21.04.2018 | 1,324,661 | Jawatankuasa Kerja Penstrukturan Pinjaman Kerajaan melalui mesyuarat bertarikh 5 Mei 2016 telah meminta HDC menambah baik cadangan permohonan penstrukturan semula pinjaman untuk 10 pinjaman yang paling kritikal. Surat peringatan telah dikemukakan oleh Akauntan Negeri Sarawak untuk bayaran tunggakan. |
| C/SFS/HDC/33/1 bth. 26.03.1992 | 22 anuiti, bayaran pertama pada 25.03.1996 | 25.03.2018 | 5,976,380 | |
| C/SFS/HDC/2/6(128) bth. 14.04.1992 | 23 anuiti, bayaran pertama pada 13.04.1995 | 13.04.2018 | 734,143 | |
| C/SFS/HDC/28 bth. 10.07.1992 | 23 anuiti, bayaran pertama pada 24.07.1995 | 24.07.2018 | 711,964 | Jawatankuasa Kerja Penstrukturan Pinjaman Kerajaan melalui mesyuarat bertarikh 5 Mei 2016 telah meminta HDC menambah baik cadangan permohonan penstrukturan semula pinjaman untuk 10 pinjaman yang paling kritikal. Bagaimanapun, pihak HDC sedang berusaha untuk membuat pembayaran bagi kedua-dua pinjaman tersebut. Pada tahun 2018, HDC telah membayar dua (2) anuiti bagi setiap pinjaman tersebut. |
| **5. PERMODALAN ASSAR SDN. BHD.** | | | | |
| ASSAR/1999/01 bth. 27.04.1999 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 06.05.2007 | 06.05.2007 | 5,000,000 | Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) telah mengemukakan surat peringatan sejak tahun 2012 untuk menyelesaikan tunggakan ini dengan yang terkini pada 6 Mac 2019. |
| **6. SARAWAK MEDICHEM PHARMACEUTICALS INC. (SMP)** | | | | |
| MediChem/1999/1 bth. 25.11.1999 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 19.03.2003 | 19.03.2003 | 20,692,500 | Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc. (dimiliki sepenuhnya oleh CRAUN Research Sdn. Bhd. anak syarikat LCDA) telah mengambil alih SMP pada 21 Disember 2006. Pihak SKN sedang menunggu pihak CRAUN membuat pembentangan mengenai status dan perancangan SMP untuk menyelesaikan pinjaman ini. Di samping itu, notis peringatan turut dikemukakan pada 6 Mac 2019. |
| SMP/2001/01 bth. 20.01.2001 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 10.02.2004 | 10.02.2004 | 8,277,000 | |
| SMP/2000/01 bth. 27.11.2000 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 11.12.2004 | 11.12.2004 | 8,277,000 | |
| SMP/2001/02 bth. 04.09.2001 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 28.09.2005 | 28.09.2005 | 2,069,250 | |
| SMP/2001/03 bth. 29.10.2001 | Satu (1) anuiti, bayaran pada 06.12.2005 | 06.12.2005 | 10,346,250 | |
| **7. SARAWAK MEDICAL CENTRE SDN. BHD. (SMC)** | | | | |
| SMC/2000/01 bth. 31.03.2000 | 10 anuiti, bayaran pertama pada 26.03.2002 | 26.03.2012 | 59,923,116 | Pihak SMC telah mengemukakan kertas cadangan untuk penstrukturan semula pinjaman. Kertas cadangan tersebut masih dalam pertimbangan pejabat SKN. |

| NO. PINJAMAN | SYARAT BAYARAN BALIK | TARIKH SEPATUT SELESAI | BAKI BELUM SELESAI PADA 31.12.2018 (RM) | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| SMC/2003/01 bth.11.04.2003 | 10 anuiti, bayaran pertama pada 13.03.2006 | 13.03.2016 | 26,573,426 | |
| **JUMLAH** | | | **298,797,202** | |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

### 9.1.4. Pelaburan

a. Pelaburan kerajaan negeri dalam syarikat awam, syarikat tidak tersenarai dan caruman bagi penyertaan ekuiti dibuat melalui Setiausaha Kewangan Negeri (Diperbadankan) dan ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM7.597 bilion meningkat sejumlah RM3.257 bilion atau 75% berbanding RM4.340 bilion pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 54.**

**JADUAL 54**
**KEDUDUKAN PEGANGAN SAHAM SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI (DIPERBADANKAN) BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | KATEGORI | BILANGAN SYARIKAT | | NILAI BUKU SAHAM | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 31.12.2018 (RM Juta) | 31.12.2017 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pelaburan Dalam Syarikat Awam | 11 | 11 | 913.81 | 913.64 | 0.17 | 0.0 * |
| 2. | Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai | 59 | 52 | 6,390.44 | 3,133.80 | 3,256.64 | 103.9 |
| 3. | Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti | 7 | 7 | 292.32 | 292.32 | - | - |
| **JUMLAH** | | **77** | **70** | **7,596.57** | **4,339.76** | **3,256.81** | **75.0** |

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
Nota: (*) - Peratusan sebenar adalah 0.02%

b. Analisis Audit mengenai nilai pasaran pelaburan kerajaan negeri dalam syarikat tersenarai bagi tempoh lima (5) tahun mendapati nilai pasaran pada tahun 2015 adalah yang tertinggi, iaitu RM2.009 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 55** dan **Carta 11**.

**JADUAL 55**
**PERBANDINGAN ANTARA NILAI PASARAN DENGAN NILAI BUKU PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | JENIS NILAI SAHAM | TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
| 1. | Nilai Pasaran | 1,879.50 | 2,008.53 | 1,710.54 | 1,923.90 | 1,606.09 |
| 2. | Nilai Buku | 795.42 | 795.42 | 823.65 | 913.65 | 913.81 |

Sumber: Bursa Malaysia, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

**CARTA 11**
**PERBANDINGAN ANTARA NILAI PASARAN DENGAN NILAI BUKU PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Bursa Malaysia, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

c. Kerajaan negeri telah membuat penambahan pelaburan dalam Capital Development Resources (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Malaysia LNG Tiga Sdn. Berhad. Penambahan pelaburan juga dibuat dalam Malaysia Airport Holdings Bhd melalui pelaburan semula dividen. Pelaburan baharu antaranya adalah di Petronas LNG 9 Sdn. Bhd., Sarawak Gas Distribution Sdn. Bhd. dan Zecon Medicare Sdn. Berhad. Dalam tahun 2018, anak syarikat milikan penuh Setiausaha Kewangan Negeri (Diperbadankan) yang telah ditubuhkan adalah Aquasar Resources Sdn. Bhd., Infrasar Capital Holdings Sdn. Bhd., Infrasar Dua Capital Sdn. Bhd., Sarawak Digital Economy Corporation Bhd, Sarawak Media Group Sdn. Bhd. dan Sarawak Trade & Tourism Co Pte Ltd. Syarikat GOS Management Holdings Sdn. Bhd. yang mempunyai nilai buku sejumlah RM1.00 telah dibubarkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 56**.

**JADUAL 56**
**PERUBAHAN PELABURAN**
**KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

| BIL. | SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI (%) | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2018 (RM) | 2017 (RM) | (RM) | (%) |
| 1. | Malaysia Airports Holdings Bhd. | 0.27 | 11,412,000 | 11,250,000 | 162,000 | 1.4 |
| 2. | Aquasar Resources Sdn. Bhd. | 100.00 | 1 | - | 1 | 100.0 |
| 3. | Capital Development Resources (Sarawak) Sdn. Bhd. | 100.00 | 50,000,001 | 1 | 50,000,000 | 5,000,000,000.0 |
| 4. | GOS Management Holdings Sdn. Bhd. | - | - | 1 | -1 | -100.0 |

| BIL. | SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI (%) | TAHUN | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2018 (RM) | 2017 (RM) | (RM) | (%) |
| 5. | Infrasar Capital Holdings Sdn. Bhd. | 100.00 | 1 | - | 1 | 100.0 |
| 6. | Infrasar Dua Capital Sdn. Bhd. | 100.00 | 1 | - | 1 | 100.0 |
| 7. | Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd. | 25.00 | 2,579,347,750 | 40,000,000 | 2,539,347,750 | 6,348.4 |
| 8. | Petronas LNG 9 Sdn. Bhd. | 10.00 | 434,700,000 | - | 434,700,000 | 100.0 |
| 9. | Sarawak Digital Economy Corporation Bhd. | 100.00 | 2 | - | 2 | 100.0 |
| 10. | Sarawak Gas Distribution Sdn. Bhd. | 100.00 | 1,200,000 | - | 1,200,000 | 100.0 |
| 11. | Sarawak Media Group Sdn. Bhd. | 100.00 | 73,350,001 | - | 73,350,001 | 100.0 |
| 12. | Sarawak Trade & Tourism Co. Pte. Ltd. | 100.00 | 3,046,003 | - | 3,046,003 | 100.0 |
| 13. | Zecon Medicare Sdn. Bhd. | 49.00 | 155,000,000 | - | 155,000,000 | 100.0 |
| **JUMLAH** | | | **3,308,055,760** | **51,250,002** | **3,256,805,758** | **6,354.7** |

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

d. Analisis trend mendapati kerajaan negeri lebih menumpukan pelaburannya kepada syarikat tidak tersenarai berbanding syarikat awam dan penyertaan ekuiti. Sehingga akhir tahun 2018, pelaburan dalam syarikat tidak tersenarai menunjukkan baki sejumlah RM6.390 bilion meningkat sejumlah RM3.257 bilion atau 104.2% berbanding sejumlah RM3.134 bilion pada tahun 2017. Pelaburan dalam syarikat tidak tersenarai pada tahun 2018 merupakan yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri dalam tempoh lima (5) tahun adalah seperti dalam **Jadual 57** dan **Carta 12**.

**JADUAL 57**
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | PELABURAN | PELABURAN MENGIKUT NILAI BUKU DAN TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
| 1. | Pelaburan Dalam Syarikat Awam | 795.42 | 795.42 | 823.65 | 913.64 | 913.81 |
| 2. | Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai | 3,196.31 | 3,126.39 | 3,133.28 | 3,133.80 | 6,390.44 |
| 3. | Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti | 292.32 | 292.32 | 292.32 | 292.32 | 292.32 |
| **JUMLAH** | | **4,284.05** | **4,214.13** | **4,249.25** | **4,339.76** | **7,596.57** |

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

**CARTA 12**
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

e. Analisis Audit seterusnya mendapati pada akhir tahun 2018, nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM1.606 bilion menurun sejumlah RM317.81 juta atau 16.5% berbanding RM1.924 bilion pada tahun 2017.

f. Pada tahun 2018, dividen daripada pelaburan saham yang diterima adalah berjumlah RM1.864 bilion meningkat sejumlah RM41.60 juta atau 2.2% berbanding RM1.822 bilion dividen yang diterima pada tahun 2017. Senarai syarikat yang membayar dividen atas pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

**DIVIDEN PELABURAN RM1.864 BILION**

**10 Syarikat Awam**
RM58.70 Juta

**20 Syarikat Tidak Tersenarai**
RM1.805 bilion

**JADUAL 58**
**SENARAI SYARIKAT YANG MEMBAYAR**
**DIVIDEN PELABURAN KEPADA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI (%) | TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
| **SYARIKAT AWAM** | | | | | | | |
| 1. | Axiata Group Bhd. | 0.03 | 0.69 | 0.69 | 0.16 | 0.63 | 0.27 |
| 2. | Bintulu Ports Holdings Bhd. | 26.67 | 33.13 | 30.68 | 29.45 | 26.99 | 20.86 |
| 3. | Malaysia Airport Holdings Bhd. | 0.27 | 0.53 | 0.27 | 0.38 | 0.50 | 0.59 |
| 4. | Malaysian International Shipping Corporation | 1.51 | 6.07 | 9.11 | 21.94 | 27.66 | 20.24 |
| 5. | Petronas Dagangan Bhd. | 0.20 | 1.11 | 1.24 | 1.20 | 1.16 | 2.28 |
| 6. | Sarawak Oil Palms Bhd. | 7.88 | 1.75 | 1.72 | - | 3.99 | 2.70 |

| BIL. | SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI (%) | TAHUN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
| 7. | Sarawak Plantation Bhd. | 25.47 | 9.97 | 2.14 | 3.20 | - | 3.56 |
| 8. | Serba Dinamik Holdings Bhd. | 4.09 | - | - | - | 2.22 | 5.28 |
| 9. | Telekom Malaysia Bhd. | 0.08 | 0.81 | 0.71 | 0.29 | 0.68 | 0.38 |
| 10. | Tenaga Nasional Bhd. | 0.05 | 1.17 | 0.27 | 0.50 | 1.04 | 2.54 |
| **JUMLAH** | | | **55.23** | **46.83** | **57.12** | **64.87** | **58.70** |
| **SYARIKAT TIDAK TERSENARAI** | | | | | | | |
| 1. | Borneo Development Corporation Sdn. Bhd. | 100.00 | 0.25 | 0.28 | 0.32 | 0.35 | 0.35 |
| 2. | Borneo Housing Mortgage Finance Bhd. | 50.00 | 7.00 | - | 20.82 | 5.00 | 5.00 |
| 3. | Delegateam Sdn. Bhd. | 100.00 | - | - | 10.00 | - | 5.00 |
| 4. | Green Field Plantation Sdn. Bhd. | 15.00 | - | - | - | 0.23 | 0.23 |
| 5. | LAKU Management Sdn. Bhd. | 100.00 | 3.00 | - | 3.00 | - | - |
| 6. | Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. | 10.00 | 1,205.00 | 370.00 | 201.17 | 474.68 | 556.51 |
| 7. | Malaysia LNG Sdn. Bhd. | 5.00 | 689.75 | 395.31 | 373.17 | 242.51 | 271.75 |
| 8. | Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd. | 25.00 | 946.00 | 749.96 | 437.49 | 486.93 | 907.66 |
| 9. | Melemas Plantation Sdn. Bhd. | 15.00 | - | 0.23 | 0.51 | 0.74 | 0.98 |
| 10. | MSB Pelita Plantation (Mukah) Sdn. Bhd. | 15.00 | - | - | - | 0.37 | 0.37 |
| 11. | Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. | 100.00 | 0.60 | 0.15 | 0.60 | 0.60 | 0.60 |
| 12. | Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. | 100.00 | 0.67 | 1.00 | 1.00 | 1.50 | 0.50 |
| 13. | Sarawak Technology Holdings Sdn. Bhd. | 100.00 | - | - | - | 500.00 | - |
| 14. | SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd. | 100.00 | - | - | 10.00 | - | 5.00 |
| 15. | Shell MDS (Malaysia) Sdn. Bhd. | 7.00 | 31.50 | 23.45 | 49.70 | 35.00 | 45.50 |
| 16. | Shell Timur Sdn. Bhd. | 10.00 | 21.50 | - | 11.20 | 6.00 | 3.00 |
| 17. | SOP Plantation (Borneo) Sdn. Bhd. | 15.00 | - | 1.50 | 3.00 | 3.00 | 3.00 |
| 18. | Suajaya Mahir Crop Sdn. Bhd. | 15.00 | - | 0.75 | 0.75 | 0.45 | - |
| 19. | Tamar Plantation Sdn. Bhd. | 15.00 | - | - | 3.00 | - | - |
| 20. | Tawakal Megah Sdn. Bhd. | 15.00 | - | - | - | 0.32 | - |
| **JUMLAH** | | | **2,905.27** | **1,542.63** | **1,125.73** | **1,757.68** | **1,805.45** |
| **Jumlah Dividen Diterima** | | | 2,960.50 | 1,589.46 | 1,182.85 | 1,822.55 | 1,864.15 |
| Bayaran Balik LHDN | | | 30.34 | - | - | - | - |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **2,930.16** | **1,589.46** | **1,182.85** | **1,822.55** | **1,864.15** |

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

g. Sebanyak 10 daripada 11 Syarikat Awam membayar dividen pada tahun 2018 kecuali Rimbunan Sawit Berhad. Sebanyak 44 daripada 59 Syarikat Tidak Tersenarai tidak membayar dividen secara konsisten kepada kerajaan negeri pada tahun 2018, iaitu lima (5) syarikat tidak membayar dividen bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 (5 tahun) manakala 39 syarikat pula tidak membayar dividen bagi tempoh tahun 2010 hingga 2018 (9 tahun). Analisis Audit mendapati empat (4) syarikat yang membayar dividen terbesar adalah syarikat yang berasaskan petroleum dan gas menyumbang sejumlah RM1.781 bilion atau 95.6% daripada jumlah keseluruhan dividen yang diterima.

## 9.2. Hutang Awam

a. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Selain itu, kerajaan negeri juga boleh meminjam di bawah kuasa undang-undang negeri dengan kelulusan Bank Negara mengikut Perkara 112B, Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2018, baki hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM2.385 bilion menurun sejumlah RM86.65 juta atau 3.5% berbanding RM2.471 bilion pada tahun 2017. Bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM172.60 juta manakala sejumlah RM85.96 juta merupakan pinjaman baharu yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 59**.

**JADUAL 59**
**KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM**
**KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Bekalan Air | 1,327.42 | 1,350.05 | -22.63 | -1.7 |
| 2. | Perumahan | 348.52 | 386.58 | -38.06 | -9.8 |
| 3. | Perindustrian | 280.16 | 314.43 | -34.27 | -10.9 |
| 4. | Pertanian | 216.35 | 228.80 | -12.45 | -5.4 |
| 5. | Pembetungan Najis dan Perparitan | 205.35 | 183.06 | 22.29 | 12.2 |
| 6. | Institusi Pelaburan | 6.75 | 8.28 | -1.53 | -18.5 |
| **JUMLAH** | | **2,384.55** | **2,471.20** | **-86.65** | **-3.5** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Tunggakan bayaran balik hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM46.53 juta. Tunggakan sejumlah RM18.26 juta adalah disebabkan kerajaan negeri sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Kewangan Malaysia mengenai permohonan untuk menukar perjanjian pinjaman kepada geran. Sejumlah RM28.27 juta termasuk faedah untuk pinjaman Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas juga masih menunggu maklum balas Kementerian Kewangan Malaysia berkenaan rayuan supaya pinjaman menggunakan mata wang Ringgit Malaysia bagi menggantikan mata wang dolar Amerika sebagai mata wang pinjaman. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 60**.

**JADUAL 60**
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | PROJEK | TUNGGAKAN (RM Juta) | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Penjadualan Semula Pinjaman Sektor Pelbagai Yang Dipinjamkan Kepada SALCRA Sejak Tahun 1996 | 18.26 | Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat bayaran penuh kepada Kerajaan Persekutuan pada bulan Januari 2019. |
| 2. | Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas Yang Dipinjamkan Kepada SALCRA Sejak Tahun 1987 | 28.27 | Kerajaan negeri sedang dalam proses mempertimbangkan dua pilihan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), iaitu pembayaran balik pinjaman berdasarkan bayaran MOF kepada *Asian Development Bank* atau berdasarkan baki yang belum selesai pada jadual bayaran balik yang sedia ada dengan andaian kadar pertukaran asing USD=RM4.00 dari tahun 2018 ke tahun 2022. |
| **JUMLAH** | | **46.53** | |

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

### 10.1 Tunggakan Hasil

10.1.1. Tunggakan hasil merupakan sebahagian daripada Akaun Belum Terima kerajaan negeri. Pada akhir tahun 2018, tunggakan hasil kerajaan negeri adalah berjumlah RM242.52 juta meningkat sejumlah RM6.07 juta atau 2.6% berbanding RM236.45 juta pada tahun 2017. Hasil Jualan Stor dan Air dan Premium Tanah menunjukkan peningkatan tunggakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 61**.

**JADUAL 61**
**TUNGGAKAN HASIL BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS TUNGGAKAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Royalti Air dan Lesen Penjanaan Elektrik | 56.11 | 86.40 | -30.29 | -35.1 |
| 2. | Jualan Stor dan Air [1] | 60.72 | 55.20 | 5.52 | 10.0 |
| 3. | Premium Tanah [2] | 78.43 | 45.34 | 33.09 | 73.0 |
| 4. | Royalti dan Permit [3] | 2.50 | 2.63 | -0.13 | -4.9 |
| 5. | Pelbagai [4] | 44.76 | 46.88 | -2.12 | -4.5 |
| **JUMLAH** | | **242.52** | **236.45** | **6.07** | **2.6** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota:
[1] Jualan Stor dan Air Termasuk Jualan Air, Akaun Kenderaan dan Hasil Berkaitan Stor dan Loji
[2] Premium Tanah Termasuk Premium Tanah, Sewa Tanah Serta Bayaran Luar dan Pemeriksaan
[3] Royalti dan Permit Termasuk Royalti Hutan dan Hasil Berkaitan Hutan
[4] Imbuhan Balik, Hasil Bukan Cukai dan Duti Hiburan

10.1.2. Analisis Audit mendapati daripada jumlah keseluruhan tunggakan hasil pada tahun 2018 berjumlah RM242.52 juta, sejumlah RM71.73 juta (29.6%) merupakan tunggakan hasil berusia melebihi tiga (3) tahun. Analisis usia tunggakan hasil pada akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 62**.

**JADUAL 62**
**USIA TUNGGAKAN HASIL PADA AKHIR TAHUN 2018**

| BIL. | KATEGORI HASIL | USIA TUNGGAKAN HASIL | | | | JUMLAH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | HINGGA 1 TAHUN (RM Juta) | LEBIH DARI 1 TAHUN HINGGA 2 TAHUN (RM Juta) | LEBIH DARI 2 TAHUN HINGGA 3 TAHUN (RM Juta) | LEBIH DARI 3 TAHUN (RM Juta) | |
| 1. | Royalti Air dan Lesen Penjanaan Elektrik | 55.99 | 0.03 | 0.00* | 0.09 | 56.11 |
| 2. | Jualan Stor dan Air | 15.54 | 8.14 | 6.93 | 30.11 | 60.72 |
| 3. | Premium Tanah | 32.02 | 6.16 | 9.84 | 30.41 | 78.43 |
| 4. | Royalti dan Permit | 0.30 | 0.06 | 0.05 | 2.09 | 2.50 |
| 5. | Pelbagai | 25.33 | 9.39 | 1.01 | 9.03 | 44.76 |
| **JUMLAH** | | **129.18** | **23.78** | **17.83** | **71.73** | **242.52** |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri
Nota: (*) - Amaun Sebenar Adalah RM 2,544

10.1.3. Analisis terhadap peningkatan tunggakan hasil adalah seperti berikut:

a. Tunggakan Jualan Stor dan Air pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM60.72 juta meningkat sejumlah RM5.52 juta atau 10% berbanding RM55.20 juta pada tahun 2017. Kekangan pegawai untuk membaca meter air pelanggan telah menyumbang tunggakan hasil kerana bil pelanggan tidak dapat diagihkan dan pembayaran tidak dilakukan. Jabatan Bekalan Air Luar Bandar telah melaksanakan saluran pembayaran melalui kaunter Bank Simpanan Nasional pada Januari 2016 bagi memudahkan pengguna membayar bil air.

Jabatan juga telah bekerjasama dengan Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri dan SAINS untuk membangunkan program *mobile billing system* bagi mengutip tunggakan yang melebihi tiga (3) tahun. Bagi memudahkan kutipan bil air oleh agensi persekutuan, jabatan memohon untuk mewujudkan sistem bayaran pukal.

b. Tunggakan Premium Tanah pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM78.43 juta meningkat sejumlah RM33.09 juta atau 73% berbanding RM45.34 juta pada tahun 2017. Hal ini disebabkan 10 pemilik tanah gagal menjelaskan ansuran premium dan cukai tanah berjumlah RM32.91 juta atau 99.5% daripada keseluruhan peningkatan tunggakan premium tanah. Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Tanah dan Survei adalah seperti mengeluarkan notis tuntutan secara bulanan, mengenakan kaveat, membenarkan bayaran berperingkat dan membaiki kaedah kutipan hasil dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil.

## 11. RUMUSAN AUDIT

11.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah kukuh.

i. baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM27.092 bilion;

ii. baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM110.14 juta atau 0.5% kepada RM22.678 bilion berbanding RM22.568 bilion pada tahun 2017;

iii. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan berjumlah RM110.14 juta;

iv. pungutan hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 meningkat RM336.72 juta atau 4.9% kepada RM7.201 bilion berbanding RM6.864 bilion bagi tahun 2017; dan

v. pelaburan saham dalam syarikat awam dan tidak tersenarai pada tahun 2018 telah memberikan pulangan dividen RM1.864 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM42 juta atau 2.2% berbanding RM1.823 bilion pada tahun 2017.

## 12. SYOR AUDIT

12.1. Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan dan pengurusan kewangan kerajaan negeri adalah disyorkan perkara seperti berikut:

i. kerajaan negeri hendaklah meningkatkan keberkesanan dalam pungutan hasil termasuk mengambil langkah yang lebih tegas untuk mengurangkan tunggakan hasil berjumlah RM242.52 juta. Tindakan tegas juga hendaklah diambil untuk menuntut tunggakan pinjaman berjumlah RM1.083 bilion daripada agensi dan syarikat;

ii. Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah memastikan perbelanjaan melebihi peruntukan adalah pada tahap minimum dan memastikan pendahuluan daripada Dana Kontingensi dibuat bagi keperluan perbelanjaan yang mendesak dan di luar jangkaan;

iii. kerajaan negeri hendaklah lebih tegas dan mengawal pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan Akaun Kena Bayar; dan

iv. Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap akaun amanah yang tidak aktif, berbaki debit, bil tertunggak, baki tunggakan pinjaman dan kumpulan wang amanah yang memerlukan tindakan susulan.

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

### FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI

**PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018**

**Bilangan Agensi Negeri**

- **25** Badan Berkanun Negeri
- **25** Pihak Berkuasa Tempatan
- **1** Majlis Islam Sarawak

**45 akaun yang telah disahkan**

- **40** Pendapat Tanpa Teguran
- **5** Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*

**Badan Berkanun Negeri**

- ↓ **RM114.56 juta** Lebihan Semasa
- ↓ **RM354.17 juta** Aset Semasa Bersih

**Pihak Berkuasa Tempatan**

- ↓ **RM15.36 juta** Defisit Semasa
- ↓ **RM54.66 juta** Harta Semasa Bersih
- ↑ **RM19.38 juta** Cukai Taksiran Semasa
- ↓ **RM6.14 juta** Tunggakan Cukai Taksiran

## 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Islam Sarawak (MIS). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 51 penyata kewangan bagi tahun 2018 untuk 25 BBN, 25 PBT dan MIS. Daripada jumlah tersebut, 25 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance*, 1995 serta Ordinan Tubuh BBN sendiri, 25 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah *The Local Authorities Ordinance,* 1996 dan MIS yang ditubuhkan di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MIS dan Lembaga Pelabuhan Samalaju (SPA) manakala baki 49 penyata kewangan dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

## 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 30 Ogos 2019, semua agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019 kecuali lima (5) agensi. Majlis Daerah Saratok (MDSar), Pustaka Negeri Sarawak (SSL) dan Lembaga Air Kuching (KWB) telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit.

3.2. Majlis Daerah Saratok (MDSar) telah membuat permohonan lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak pada 9 April 2019 dan diluluskan pada 30 April 2019. Permohonan ini adalah selaras dengan Peraturan 38, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997.

3.3. Badan Berkanun Negeri hendaklah memohon secara bertulis kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk melanjutkan tempoh penyerahan penyata kewangan. Pustaka Negeri Sarawak (SSL) telah membuat permohonan tersebut kepada *Sarawak Multimedia Authority* pada 29 Julai 2019. Lembaga Air Kuching (KWB) telah memohon pelanjutan pada 21 Mei 2019 kepada Kementerian Utiliti Sarawak manakala Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA) telah mengemukakan permohonan yang sama kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan pada 27 Mei 2019. Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) telah mengemukakan kertas MMKN melalui Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri pada 4 Julai 2019 dan diluluskan pada 4 September 2019. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 setakat 30 Ogos 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS ISLAM SARAWAK DAN**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke (BDEWC) | 25.03.2019 |
| 2. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (TMPA) | 28.03.2019 |
| 3. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB) | 01.04.2019 |
| 4. | Lembaga Air Sibu (SWB) | 22.04.2019 |
| 5. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB) | 22.04.2019 |
| 6. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) | 22.04.2019 |
| 7. | Lembaga Pelabuhan Miri (MPA) | 23.04.2019 |
| 8. | Yayasan Sarawak (YS) | 25.04.2019 |
| 9. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) | 26.04.2019 |
| 10. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC) | 26.04.2019 |
| 11. | Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) | 29.04.2019 |
| 12. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) | 29.04.2019 |
| 13. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC) | 30.04.2019 |
| 14. | Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) | 30.04.2019 |
| 15. | Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA) | 30.04.2019 |
| 16. | Lembaga Pelabuhan Samalaju (SPA) | 30.04.2019 |
| 17. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) | 30.04.2019 |
| 18. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) | 30.04.2019 |
| 19. | Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) | 30.04.2019 |
| 20. | Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) | 30.04.2019 |
| 21. | Perbadanan Sukan Sarawak (SSC) | 30.04.2019 |
| 22. | Pustaka Negeri Sarawak (SSL) | 09.07.2019 |
| 23. | Lembaga Air Kuching (KWB) | 28.08.2019 |
| 24. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) | 18.06.2019 * |
| 25. | Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA) | 26.06.2019 * |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Islam Sarawak (MIS) | 26.04.2019 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Daerah Kanowit (MDK) | 11.03.2019 |
| 2. | Majlis Daerah Sarikei (MDS) | 12.03.2019 |
| 3. | Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) | 15.03.2019 |
| 4. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM) | 20.03.2019 |
| 5. | Majlis Daerah Maradong dan Julau (MDMJ) | 20.03.2019 |
| 6. | Majlis Daerah Lubok Antu (MDLA) | 26.03.2019 |
| 7. | Majlis Daerah Serian (MDSe) | 29.03.2019 |
| 8. | Majlis Daerah Simunjan (MDSim) | 05.04.2019 |
| 9. | Majlis Daerah Betong (MDB) | 08.04.2019 |
| 10. | Majlis Daerah Lundu (MDLun) | 09.04.2019 |
| 11. | Majlis Daerah Marudi (MDM) | 11.04.2019 |
| 12. | Majlis Perbandaran Sibu (MPS) | 16.04.2019 |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PENYERAHAN |
|---|---|---|
| 13. | Majlis Daerah Lawas (MDLaw) | 16.04.2019 |
| 14. | Majlis Daerah Limbang (MDLim) | 16.04.2019 |
| 15. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) | 17.04.2019 |
| 16. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) | 17.04.2019 |
| 17. | Majlis Daerah Bau (MDBa) | 22.04.2019 |
| 18. | Majlis Perbandaran Padawan (MPP) | 23.04.2019 |
| 19. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MDLBS) | 24.04.2019 |
| 20. | Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) | 24.04.2019 |
| 21. | Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) | 24.04.2019 |
| 22. | Majlis Daerah Kapit (MDKap) | 25.04.2019 |
| 23. | Majlis Bandaraya Miri (MBM) | 26.04.2019 |
| 24. | Majlis Daerah Subis (MDSub) | 29.04.2019 |
| 25. | Majlis Daerah Saratok (MDSar) | 29.05.2019 |

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: (*) – Penyata Akaun Pengurusan Bagi Tahun Kewangan 2018

3.4. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

*Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah 1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS). Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | PIAWAIAN PERAKAUNAN | BIL. AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) | 27 |
| 2. | Pekeliling Kewangan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (Perakaunan Asas Tunai) | 24 |
| JUMLAH | | 51 |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

## 5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

### 5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

#### 5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

**a. Perenggan *Emphasis of Matter***

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

**b. Perenggan Perkara lain**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata

kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

### 5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

#### a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

#### b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

#### c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.2.3. Setakat 30 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 45 daripada 51 penyata kewangan tahun 2018 iaitu 21 penyata kewangan BBN dan 24 penyata kewangan PBT manakala enam (6) penyata kewangan belum disahkan. Daripada enam (6) penyata kewangan yang belum disahkan, dua (2) penyata kewangan iaitu MIS dan MDSar dalam proses

pengeluaran Laporan Ketua Audit Negara. Dua (2) penyata kewangan, iaitu SSL dan KWB sedang dalam proses pengauditan manakala dua (2) penyata kewangan, iaitu RPA dan RECODA belum dikemukakan untuk diaudit.

5.2.4. Kesemua 51 penyata kewangan BBN, MIS dan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diaudit. Sebanyak 41 penyata kewangan telah dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran manakala empat (4) dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan enam (6) dikeluarkan Sijil Audit Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2014 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN**
**BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 SEHINGGA 2018**

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 50 | 50 | 48 | 41 | 40 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* | - | 1 | 2 | 4 | 5 |
| 3. | Pendapat Berteguran | - | - | 1 | 6 | - |
| 4. | Pendapat Bertentangan | - | - | - | - | - |
| 5. | Penafian Pendapat | - | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **50** | **51** | **51** | **51** | **45** |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

5.2.5. Bagi tahun kewangan 2017, sebanyak 20 penyata kewangan BBN, 20 penyata kewangan PBT dan penyata kewangan MIS telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

5.2.6. Sebanyak satu (1) penyata kewangan BBN dan tiga (3) penyata kewangan PBT bagi tahun kewangan 2017 telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter.* Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT**
**TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* |
|---|---|---|
| 1. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | **i. Penghutang Lain**<br>*Amount Due by Subsidiaries* menunjukkan baki berjumlah RM61.90 juta manakala surat pengesahan pihak ketiga berjumlah RM68.11 juta. Perbezaan sejumlah RM6.21 juta tidak dapat disesuaikan menyebabkan jumlah aset semasa telah terkurang nyata. |
| 2. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | **i. Tabung Pembangunan**<br>Baki Tabung Pembangunan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM8.26 juta tidak menunjukkan pergerakan sejak dari tahun 2012 menyebabkan Tabung |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* |
|---|---|---|
| | | Pembangunan terlebih nyata.<br>**ii. Tabung Amanah – *Miscellaneous Deposits***<br>Baki *Contra Account – Miscellaneous Deposits* tidak dapat dikenal pasti berjumlah RM3.51 juta kerana tiada senarai dikemukakan untuk pengesahan Audit. Akaun ini berfungsi merekod transaksi daripada *Rating & Billing Module* yang tidak dapat dikesan kerana butiran tidak lengkap. |
| 3. | Majlis Daerah Kapit | **i. Perbezaan Lejar Am dan Penyata Penyesuaian Bank**<br>Perbezaan sejumlah RM1.04 juta antara Lejar Am dan Penyata Penyesuaian Bank untuk Akaun Pembangunan adalah disebabkan *Temporary Fixed Deposit* tiada dalam rekod Akaun Pembangunan di Lejar Am dan menyebabkannya terkurang nyata. |
| 4. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | **i. Perbezaan Lejar Am dan *Refundable Deposit Summary (RDS)***<br>Perbezaan berjumlah RM97,064 antara Lejar Am dan RDS adalah disebabkan deposit sewa premis dan deposit hiburan tiada dalam rekod RDS.<br>**ii. Deposit**<br>Pada tahun 2017, baki siberhutang (*Advance Posting*) telah menunjukkan amaun berjumlah RM54,591. Baki ini merupakan item tidak dikenal pasti yang belum diambil tindakan pelarasan. |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017

5.2.7. Bagi tahun kewangan 2017, empat (4) penyata kewangan BBN dan dua (2) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG**
**DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017**

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|---|---|---|
| 1. | Pustaka Negeri Sarawak | i. Kos tambahan aset baharu bagi tahun 2017 yang berjumlah RM1.29 juta menunjukkan perbezaan sejumlah RM473,790 berbanding dengan Laporan Pergerakan Aset Tetap yang mencatat sejumlah RM0.82 juta. Daripada perbezaan tersebut, sejumlah RM97,348 merupakan aset yang belum didaftarkan dalam Laporan Pergerakan Aset Tetap manakala baki sejumlah RM376,442 masih belum dikenal pasti. Perbezaan ini menyebabkan kos tambahan pada Loji dan Peralatan telah terlebih nyata.<br>ii. Nilai buku bersih Loji dan Peralatan setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2.98 juta. Bagaimanapun, nilai buku ini seperti yang dilaporkan di Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan perbezaan sejumlah RM48,122 berbanding Laporan Pergerakan Aset Tetap berjumlah RM2.93 juta. Perbezaan ini menyebabkan nilai buku bersih Loji dan Peralatan telah terlebih nyata. |
| 2. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | **i. Manfaat Pekerja**<br>NREB tidak memperuntukkan manfaat pekerja untuk Gantian Cuti Rehat sejumlah RM349,290 menyebabkan jumlah perbelanjaan dan liabiliti telah terkurang nyata dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan.<br>**ii. Geran Kerajaan**<br>Geran Pembangunan berjumlah RM2.44 juta yang telah mencapai tujuan pemberian tidak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan serta tidak dipersembahkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. |
| 3. | Perbadanan Sukan Sarawak | **i. Tunai Dan Kesetaraan Tunai**<br>Baki Tunai dan Bank setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM37.46 juta. Bagaimanapun, Geran Kerajaan sejumlah RM3.26 juta yang telah diterima tidak diambil kira menyebabkan Baki Tunai dan Bank serta Geran Pembangunan telah terkurang nyata.<br>**ii. Kos Operasi Lain**<br>Jumlah Kos Operasi Lain pada tahun 2017 adalah berjumlah RM7.83 juta. Bagaimanapun, *General Repair and Maintenance* sejumlah RM139,798 tidak diambil kira menyebabkan Jumlah Kos Operasi Lain dalam penyata kewangan telah terkurang nyata. |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|---|---|---|
| | | **iii. Manfaat Pekerja**<br>SSC tidak memperuntukkan manfaat pekerja untuk Gantian Cuti Rehat sejumlah RM132,738 menyebabkan jumlah perbelanjaan dan liabiliti telah terkurang nyata. |
| 4. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | **i. Pinjaman Kepada Pembeli Rumah**<br>Pada 31 Disember 2017, baki Pinjaman Kepada Pembeli Rumah adalah berjumlah RM465.55 juta. Bagaimanapun, sejumlah RM1.09 juta merupakan deposit tidak dikenal pasti yang disimpan dalam Akaun Pembayaran Tergantung. Selain itu, sejumlah RM384,228 deposit yang tidak dapat dikenal pasti dalam penyata penyesuaian bank adalah bagi tempoh tahun 2011 hingga 2017.<br>**ii. Akaun Kawalan Pinjaman Penghutang**<br>Status *Loanee Account Details* yang dijana oleh *Housing Information System* menunjukkan baki berjumlah RM583.56 juta dengan perbezaan sejumlah RM0.80 juta berbanding baki yang dinyatakan dalam *Financial Accounting System* berjumlah RM582.76 juta.<br>**iii. Lain Penghutang**<br>Tiada senarai terperinci untuk *Adjustment Buyer's Account* yang berbaki RM0.83 juta. |
| 5. | Majlis Daerah Betong | **i. Akaun Amanah Khas**<br>Akaun Amanah Khas untuk projek kolam renang berbaki negatif iaitu sejumlah RM1 juta disebabkan pelarasan berjumlah RM1 juta yang telah didebitkan ke dalam akaun ini. Selain itu, cek terbatal tidak diambil kira dalam penyata bank sejumlah RM105,734.<br>**ii. Deposit**<br>Perbezaan baki pada penyata kewangan dan *refundable deposit* untuk wang tahanan dan wang jaminan menunjukkan amaun negatif iaitu sejumlah RM309,775 dan RM57,006 masing-masing. |
| 6. | Majlis Daerah Subis | **i. Deposit**<br>Terdapat perbezaan baki deposit pada rekod *refundable deposit* dengan baki deposit yang direkod pada Lejar Am berjumlah RM0.90 juta. |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017

5.2.8. Bagi tahun kewangan 2018, lima (5) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**
**PENYATA KEWANGAN PBT YANG DIBERIKAN PENDAPAT**
**TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|---|---|---|
| 1. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | **Perbezaan Baki Cukai Barangan Dan Perkhidmatan Antara Penyata Kewangan dan Borang GST-03 yang Dikemukakan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia**<br>Cukai barangan dan perkhidmatan pada penyata kewangan menunjukkan baki berjumlah RM12.73 juta manakala Borang GST-03 yang dikemukakan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berjumlah RM5.04 juta. Perbezaan berjumlah RM7.69 juta tidak dapat disesuaikan menyebabkan jumlah aset semasa telah terlebih nyata. |
| 2. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | **Isu Usaha Berterusan**<br>MDMJ mengalami defisit sejumlah RM1.15 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2018 dan seperti pada tarikh tersebut, tanggungannya melebihi hartanya sejumlah RM896,711. Defisit ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian yang material di mana terdapat keraguan yang signifikan untuk pihak MDMJ beroperasi secara andaian berterusan. |
| 3. | Majlis Daerah Limbang | **Isu Usaha Berterusan**<br>MDLim mengalami defisit sejumlah RM1.63 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2018 dan seperti pada tarikh tersebut, liabilitinya melebihi asetnya sejumlah RM1.41 juta. |

| BIL. | AGENSI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|---|---|---|
| | | Defisit ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian yang material di mana terdapat keraguan yang signifikan untuk pihak MDLim beroperasi secara andaian berterusan. |
| 4. | Majlis Daerah Kapit | **Isu Usaha Berterusan**<br><br>MDKap mengalami defisit sejumlah RM0.72 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2018 dan seperti pada tarikh tersebut, tanggungannya melebihi hartanya sejumlah RM1.10 juta. Defisit ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian yang material di mana terdapat keraguan yang signifikan untuk pihak MDKap beroperasi secara andaian berterusan. |
| 5. | Majlis Daerah Sri Aman | **Isu Usaha Berterusan**<br><br>MDSA mengalami defisit sejumlah RM2.70 juta untuk tahun berakhir 31 Disember 2018 dan seperti pada tarikh tersebut, tanggungannya melebihi hartanya sejumlah RM3.10 juta. Defisit ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian yang material di mana terdapat keraguan yang signifikan untuk pihak MDSA beroperasi secara andaian berterusan. |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Seksyen 8, *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance*, 1995, menetapkan penyata kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58, *The Local Authorities Ordinance*, 1996 pula menyatakan semua penyata kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh MMKN dan dibentangkan di DUN. Sebanyak 48 penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN.

6.1. Selain itu, sebanyak dua (2) BBN masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2017 di DUN, iaitu RECODA dan HDC. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 9 MEI 2019**

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN |
|---|---|---|
| PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2017 | | |
| 1. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 05.11.2018 |
| 2. | Lembaga Pelabuhan Miri | 05.11.2018 |
| 3. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 05.11.2018 |
| 4. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 05.11.2018 |
| 5. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 05.11.2018 |
| 6. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 05.11.2018 |
| 7. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 05.11.2018 |
| 8. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 05.11.2018 |
| 9. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 05.11.2018 |
| 10. | Perbadanan Sukan Sarawak | 05.11.2018 |

| BIL. | AGENSI | TARIKH PEMBENTANGAN |
|---|---|---|
| 11. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 05.11.2018 |
| 12. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 05.11.2018 |
| 13. | Yayasan Sarawak | 05.11.2018 |
| 14. | Lembaga Air Kuching | 29.04.2019 |
| 15. | Lembaga Air Sibu | 29.04.2019 |
| 16. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 29.04.2019 |
| 17. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 29.04.2019 |
| 18. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 29.04.2019 |
| 19. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 29.04.2019 |
| 20. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 29.04.2019 |
| 21. | Pustaka Negeri Sarawak | 29.04.2019 |
| 22. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 06.05.2019 |
| 23. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 06.05.2019 |

| PENYATA KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2017 | | |
|---|---|---|
| 1. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | 05.11.2018 |
| 2. | Majlis Daerah Kanowit | 05.11.2018 |
| 3. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | 05.11.2018 |
| 4. | Majlis Daerah Lubok Antu | 05.11.2018 |
| 5. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | 05.11.2018 |
| 6. | Majlis Daerah Sarikei | 05.11.2018 |
| 7. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 29.04.2019 |
| 8. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 29.04.2019 |
| 9. | Majlis Bandaraya Miri | 29.04.2019 |
| 10. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | 29.04.2019 |
| 11. | Majlis Perbandaran Padawan | 29.04.2019 |
| 12. | Majlis Perbandaran Sibu | 29.04.2019 |
| 13. | Majlis Daerah Bau | 29.04.2019 |
| 14. | Majlis Daerah Betong | 29.04.2019 |
| 15. | Majlis Daerah Kapit | 29.04.2019 |
| 16. | Majlis Daerah Lawas | 29.04.2019 |
| 17. | Majlis Daerah Limbang | 29.04.2019 |
| 18. | Majlis Daerah Lundu | 29.04.2019 |
| 19. | Majlis Daerah Marudi | 29.04.2019 |
| 20. | Majlis Daerah Matu dan Daro | 29.04.2019 |
| 21. | Majlis Daerah Saratok | 29.04.2019 |
| 22. | Majlis Daerah Serian | 29.04.2019 |
| 23. | Majlis Daerah Simunjan | 29.04.2019 |
| 24. | Majlis Daerah Sri Aman | 29.04.2019 |
| 25. | Majlis Daerah Subis | 29.04.2019 |

Sumber: Senarai Laporan Tahunan, Penyata Kewangan, Ordinan dan *Command Papers* yang Telah Dibentang Dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-18

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan 50 penyata kewangan tahun 2018 di mana 45 penyata kewangan telah disahkan dan lima (5) belum disahkan. Analisis ini merangkumi penilaian prestasi secara menyeluruh dan dilaporkan adalah seperti berikut:

**PRESTASI KEWANGAN**

**LEBIHAN**
14 BBN
6 PBT

**DEFISIT**
11 BBN
19 PBT

### 7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan pada tahun 2018 bagi BBN adalah kurang memuaskan walaupun lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM20.19 juta atau 0.5% dan jumlah aset meningkat sejumlah RM71.12 juta atau 0.7%. Perkara ini adalah disebabkan aset semasa bersih menurun sejumlah RM354.17 juta atau 12.4% dan lebihan pendapatan semasa menurun sejumlah RM114.56 juta atau 85% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

| BIL. | PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Lebihan Pendapatan Terkumpul | 4,077.67 | 4,057.48 | 20.19 | 0.5 |
| 2. | Jumlah Aset | 10,776.47 | 10,705.35 | 71.12 | 0.7 |
| 3. | Aset Semasa Bersih | 2,494.07 | 2,848.24 | -354.17 | -12.4 |
| 4. | Lebihan Pendapatan Semasa | 20.19 | 134.75 | -114.56 | -85.0 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, 14 BBN mencatatkan lebihan manakala 11 BBN mencatatkan defisit bagi tahun semasa. KWB memperoleh lebihan pendapatan semasa tertinggi yang berjumlah RM42.40 juta. YS memperoleh lebihan lebihan pendapatan semasa kedua tertinggi yang berjumlah RM11.91 juta. SSC memperoleh lebihan pendapatan semasa ketiga tertinggi berjumlah RM11.83 juta. Bagaimanapun, tiga (3) BBN mengalami liabiliti semasa bersih, iaitu SALCRA sejumlah RM163.30 juta, MPA sejumlah RM60.58 juta serta LCDA sejumlah RM22.02 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Lembaga Air Kuching * | 173.81 | 131.41 | 42.40 | 188.06 | 48.22 | 139.84 |
| 2. | Yayasan Sarawak | 143.42 | 131.51 | 11.91 | 424.99 | 18.93 | 406.06 |
| 3. | Perbadanan Sukan Sarawak | 36.06 | 24.23 | 11.83 | 65.66 | 17.60 | 48.06 |
| 4. | Pustaka Negeri Sarawak * | 48.62 | 36.95 | 11.67 | 45.78 | 22.09 | 23.69 |
| 5. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 18.33 | 7.96 | 10.37 | 127.83 | 149.85 | -22.02 |
| 6. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 76.96 | 67.40 | 9.56 | 35.73 | 21.67 | 14.06 |
| 7. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 258.08 | 249.22 | 8.86 | 1,174.79 | 180.56 | 994.23 |
| 8. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 348.86 | 344.37 | 4.49 | 213.09 | 142.98 | 70.11 |
| 9. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 4.94 | 1.63 | 3.31 | 11.28 | 0.03 | 11.25 |
| 10. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 74.76 | 71.59 | 3.17 | 12.85 | 0.01 | 12.84 |
| 11. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 22.95 | 20.06 | 2.89 | 20.25 | 3.81 | 16.44 |
| 12. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah * | 327.30 | 325.47 | 1.83 | 256.53 | 2.36 | 254.17 |
| 13. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 42.79 | 42.02 | 0.77 | 18.33 | 12.12 | 6.21 |
| 14. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 12.76 | 12.36 | 0.40 | 26.51 | 9.51 | 17.00 |
| 15. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 5.98 | 6.42 | -0.44 | 72.64 | 23.42 | 49.22 |
| 16. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 4.06 | 4.51 | -0.45 | 6.71 | 0.17 | 6.54 |
| 17. | Lembaga Pelabuhan Miri | 21.15 | 22.35 | -1.20 | 60.17 | 120.75 | -60.58 |
| 18. | Lembaga Pelabuhan | 29.91 | 32.03 | -2.12 | 59.59 | 2.82 | 56.77 |

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| | Rajang * | | | | | | |
| 19. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 229.70 | 232.39 | -2.69 | 77.01 | 240.31 | -163.30 |
| 20. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 31.54 | 35.28 | -3.74 | 19.01 | 2.74 | 16.27 |
| 21. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 5.25 | 11.63 | -6.38 | 23.02 | 8.96 | 14.06 |
| 22. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 76.30 | 82.94 | -6.64 | 386.02 | 199.02 | 187.00 |
| 23. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 70.44 | 79.56 | -9.12 | 635.94 | 551.52 | 84.42 |
| 24. | Lembaga Air Sibu | 36.42 | 47.54 | -11.12 | 46.68 | 28.24 | 18.44 |
| 25. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 53.79 | 113.16 | -59.37 | 310.98 | 17.69 | 293.29 |
| **JUMLAH** | | **2,154.18** | **2,133.99** | **20.19** | **4,319.45** | **1,825.38** | **2,494.07** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

Nota: (*) - Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2018 Belum Disahkan

### 7.1.3. Analisis Aset

a. Aset BBN merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset bagi 25 BBN ialah RM10.776 bilion berbanding RM10.705 bilion pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM71.12 juta atau 0.7%. Kedudukan aset pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**
**KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 1,465.98 | 1,449.46 | 16.52 | 1.1 |
| 2. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 1,269.12 | 1,300.48 | -31.36 | -2.4 |
| 3. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 1,250.94 | 1,230.99 | 19.95 | 1.6 |
| 4. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 1,235.03 | 1,226.93 | 8.10 | 0.7 |
| 5. | Yayasan Sarawak | 1,097.36 | 928.07 | 169.29 | 18.2 |
| 6. | Lembaga Air Kuching | 1,088.58 | 1,032.76 | 55.82 | 5.4 |
| 7. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 858.55 | 874.89 | -16.34 | -1.9 |

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 8. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 547.32 | 575.17 | -27.85 | -4.8 |
| 9. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 335.73 | 280.90 | 54.83 | 19.5 |
| 10. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | 258.32 | 451.59 | -193.27 | -42.8 |
| 11. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 251.66 | 252.73 | -1.07 | -0.4 |
| 12. | Lembaga Air Sibu | 225.64 | 233.56 | -7.92 | -3.4 |
| 13. | Lembaga Pelabuhan Miri | 186.96 | 192.97 | -6.01 | -3.1 |
| 14. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 162.21 | 162.71 | -0.50 | -0.3 |
| 15. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 136.23 | 140.60 | -4.37 | -3.1 |
| 16. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 131.41 | 113.49 | 17.92 | 15.8 |
| 17. | Perbadanan Sukan Sarawak | 66.63 | 48.40 | 18.23 | 37.7 |
| 18. | Pustaka Negeri Sarawak | 48.05 | 45.01 | 3.04 | 6.8 |
| 19. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 47.55 | 52.19 | -4.64 | -8.9 |
| 20. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 34.44 | 31.34 | 3.10 | 9.9 |
| 21. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 25.50 | 30.99 | -5.49 | -17.7 |
| 22. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 19.75 | 21.77 | -2.02 | -9.3 |
| 23. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 15.35 | 12.18 | 3.17 | 26.0 |
| 24. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 11.45 | 8.90 | 2.55 | 28.7 |
| 25. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 6.71 | 7.27 | -0.56 | -7.7 |
| **JUMLAH** | | **10,776.47** | **10,705.35** | **71.12** | **0.7** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017

b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih telah menurun daripada RM2.848 bilion pada tahun 2017 kepada RM2.494 bilion pada tahun 2018 iaitu penurunan sejumlah RM354.17 juta atau 12.4%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di YS iaitu peningkatan sejumlah RM137.06 juta kerana peningkatan dalam simpanan deposit tetap di bank atau syarikat kewangan pada tahun 2018 berbanding 2017. Bagi penurunan dalam aset semasa bersih, LCDA memperoleh penurunan tertinggi iaitu sejumlah RM213.74 juta disebabkan penurunan dalam penghutang lain pada tahun 2018 berbanding 2017. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**
**KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH**
**BADAN BERKANUN NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 994.23 | 902.92 | 91.31 | 10.1 |
| 2. | Yayasan Sarawak | 406.06 | 269.00 | 137.06 | 51.0 |
| 3. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 293.29 | 291.83 | 1.46 | 0.5 |
| 4. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | 254.17 | 418.76 | -164.59 | -39.3 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 187.00 | 219.43 | -32.43 | -14.8 |

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 6. | Lembaga Air Kuching | 139.84 | 209.91 | -70.07 | -33.4 |
| 7. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 84.42 | 102.07 | -17.65 | -17.3 |
| 8. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 70.11 | 68.41 | 1.70 | 2.5 |
| 9. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 56.77 | 56.15 | 0.62 | 1.1 |
| 10. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 49.22 | 50.94 | -1.72 | -3.4 |
| 11. | Perbadanan Sukan Sarawak | 48.06 | 43.02 | 5.04 | 11.7 |
| 12. | Pustaka Negeri Sarawak | 23.69 | 11.23 | 12.46 | 111.0 |
| 13. | Lembaga Air Sibu | 18.44 | 23.50 | -5.06 | -21.5 |
| 14. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 17.00 | 16.90 | 0.10 | 0.6 |
| 15. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 16.44 | 14.47 | 1.97 | 13.6 |
| 16. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 16.27 | 20.13 | -3.86 | -19.2 |
| 17. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 14.06 | 15.37 | -1.31 | -8.5 |
| 18. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 14.06 | 8.53 | 5.53 | 64.8 |
| 19. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 12.84 | 9.67 | 3.17 | 32.8 |
| 20. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 11.25 | 7.96 | 3.29 | 41.3 |
| 21. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 6.54 | 6.99 | -0.45 | -6.4 |
| 22. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 6.21 | 5.13 | 1.08 | 21.1 |
| 23. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | -22.02 | 191.72 | -213.74 | -111.5 |
| 24. | Lembaga Pelabuhan Miri | -60.58 | -70.48 | 9.90 | 14.0 |
| 25. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | -163.30 | -45.32 | -117.98 | -260.3 |
| JUMLAH | | 2,494.07 | 2,848.24 | -354.17 | -12.4 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017

### 7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi 25 BBN adalah berjumlah RM2.249 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan hartanah dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM132.46 juta atau 6.3%, iaitu daripada RM2.117 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM2.249 bilion pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**
**KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta) | | SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta) | | LAIN-LAIN (RM Juta) | | JUMLAH (RM Juta) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 464.00 | 464.31 | 47.48 | 47.51 | 219.57 | 307.34 | 731.05 | 819.16 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu | 271.07 | 276.27 | 88.23 | 88.23 | 99.37 | 101.76 | 458.67 | 466.26 |

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta) | | SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta) | | LAIN-LAIN (RM Juta) | | JUMLAH (RM Juta) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| | Sarawak | | | | | | | | |
| 3. | Yayasan Sarawak | 47.25 | 39.59 | 47.39 | 48.96 | 291.05 | 322.07 | 385.69 | 410.62 |
| 4. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 356.97 | 108.50 | - | - | - | - | 356.97 | 108.50 |
| 5. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 40.82 | 40.82 | 3.95 | 3.96 | 96.18 | 93.37 | 140.95 | 138.15 |
| 6. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 43.55 | 43.80 | - | - | 13.99 | 16.97 | 57.54 | 60.77 |
| 7. | Lembaga Pelabuhan Rajang | - | - | - | - | 45.15 | 37.44 | 45.15 | 37.44 |
| 8. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | - | - | - | - | 41.34 | 43.80 | 41.34 | 43.80 |
| 9. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 0.82 | 0.82 | 12.24 | 12.24 | - | - | 13.06 | 13.06 |
| 10. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 0.20 | 0.20 | - | - | 12.40 | 12.60 | 12.60 | 12.80 |
| 11. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 2.50 | 2.50 | - | - | - | - | 2.50 | 2.50 |
| 12. | Lembaga Air Sibu | - | - | - | - | 2.00 | 2.00 | 2.00 | 2.00 |
| 13. | Lembaga Air Kuching | - | - | - | - | 1.02 | 1.02 | 1.02 | 1.02 |
| 14. | Lembaga Pelabuhan Miri | - | - | - | - | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 |
| 15. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 0.10 | 0.10 | - | - | - | - | 0.10 | 0.10 |
| 16. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 17. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 18. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 19. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 20. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 21. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 22. | Perbadanan Sukan Sarawak | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 23. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 24. | Pustaka Negeri Sarawak | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 25. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | - | - | - | - | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **1,227.28** | **976.91** | **199.29** | **200.90** | **823.07** | **939.37** | **2,249.64** | **2,117.18** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017

### 7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang, deposit, pendahuluan dan sebagainya. Jumlah liabiliti bagi 25 BBN menurun sejumlah RM61.95 juta atau 1.3%, iaitu daripada RM4.911 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM4.849 bilion pada 31 Disember 2018. Sebanyak 12 BBN mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu KWB, SEDC, STIDC, SWB, BDEWC, TMPA, SLDB, SSC, YS, RPA, STB dan SFC. Analisis Audit mendapati peratusan penurunan jumlah liabiliti yang ketara berlaku di SPA, iaitu menurun sejumlah RM0.76 juta atau 96.2% disebabkan penurunan ketara dalam jumlah cukai kena bayar. Kedudukan liabiliti BBN adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**
**KEDUDUKAN LIABILITI BADAN**
**BERKANUN NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 1,119.25 | 1,150.57 | -31.32 | -2.7 |
| 2. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 669.93 | 683.57 | -13.64 | -2.0 |
| 3. | Lembaga Air Kuching | 653.74 | 640.32 | 13.42 | 2.1 |
| 4. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 550.83 | 522.82 | 28.01 | 5.4 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 423.96 | 409.21 | 14.75 | 3.6 |
| 6. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 304.26 | 325.68 | -21.42 | -6.6 |
| 7. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 246.07 | 325.09 | -79.02 | -24.3 |
| 8. | Lembaga Air Sibu | 235.24 | 232.04 | 3.20 | 1.4 |
| 9. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 174.30 | 123.99 | 50.31 | 40.6 |
| 10. | Lembaga Pelabuhan Miri | 127.15 | 131.95 | -4.80 | -3.6 |
| 11. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 99.35 | 97.34 | 2.01 | 2.1 |
| 12. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 77.46 | 88.09 | -10.63 | -12.1 |
| 13. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 50.81 | 32.44 | 18.37 | 56.6 |
| 14. | Perbadanan Sukan Sarawak | 33.65 | 27.24 | 6.41 | 23.5 |
| 15. | Yayasan Sarawak | 24.24 | 16.86 | 7.38 | 43.8 |
| 16. | Pustaka Negeri Sarawak | 22.43 | 31.08 | -8.65 | -27.8 |
| 17. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 12.53 | 15.33 | -2.80 | -18.3 |
| 18. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 9.59 | 14.63 | -5.04 | -34.4 |
| 19. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 4.62 | 2.99 | 1.63 | 54.5 |
| 20. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 3.81 | 3.61 | 0.20 | 5.5 |
| 21. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 3.63 | 5.38 | -1.75 | -32.5 |
| 22. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | 2.36 | 30.06 | -27.7 | -92.1 |
| 23. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 0.17 | 0.28 | -0.11 | -39.3 |
| 24. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 0.03 | 0.79 | -0.76 | -96.2 |
| 25. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 0.01 | 0.01 | * 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **4,849.42** | **4,911.37** | **-61.95** | **-1.3** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Amaun Sebenar Adalah RM2,720

### 7.1.6. Analisis Nisbah

a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi LCDA, MPA serta SALCRA adalah kurang daripada satu (1) disebabkan liabiliti semasa yang tinggi dicatatkan bagi agensi tersebut.

**NISBAH SEMASA**

≥ 2 = 16 BBN
1 - 1.99 = 6 BBN
< 1 = 3 BBN

b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi kecuali SWB. Analisis kecairan dan kestabilan 25 BBN bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**NISBAH HUTANG**

≤ 50% = 15 BBN
> 50% = 10 BBN

**JADUAL 14**
**ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN**
**BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | NISBAH SEMASA | NISBAH CEPAT | MODAL KERJA (RM Juta) | ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta) | NISBAH HUTANG (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 1,409.13 | 1,409.13 | 12.84 | 3.27 | 0.1 |
| 2. | Lembaga Pelabuhan Samalaju | 411.44 | 411.44 | 11.25 | 5.36 | 0.2 |
| 3. | Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah | 108.71 | 108.71 | 254.17 | -192.29 | 0.9 |
| 4. | Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman | 39.01 | 39.01 | 6.54 | -0.54 | 2.6 |
| 5. | Yayasan Sarawak | 22.45 | 22.45 | 406.06 | -33.44 | 2.2 |
| 6. | Lembaga Pelabuhan Rajang | 21.15 | 20.47 | 56.77 | 1.78 | 2.8 |
| 7. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 17.58 | 17.23 | 293.29 | 9.97 | 43.4 |
| 8. | Lembaga Sungai-Sungai Sarawak | 6.94 | 6.94 | 16.27 | -5.82 | 14.2 |
| 9. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 6.51 | 6.49 | 994.23 | 9.49 | 16.8 |
| 10. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 5.31 | 5.31 | 16.44 | 1.74 | 11.1 |
| 11. | Lembaga Air Kuching | 3.90 | 3.44 | 139.84 | -56.63 | 60.1 |
| 12. | Perbadanan Sukan Sarawak | 3.73 | 3.73 | 48.06 | 18.51 | 50.5 |
| 13. | Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak | 3.10 | 3.10 | 49.22 | 18.47 | 38.7 |
| 14. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 2.79 | 2.79 | 17.00 | -5.45 | 20.2 |
| 15. | Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis | 2.57 | 2.57 | 14.06 | 1.36 | 72.9 |
| 16. | Pustaka Negeri Sarawak | 2.07 | 2.07 | 23.69 | 3.34 | 46.0 |

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | NISBAH SEMASA | NISBAH CEPAT | MODAL KERJA (RM Juta) | ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta) | NISBAH HUTANG (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 17. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 1.94 | 1.34 | 187.00 | -18.25 | 34.3 |
| 18. | Lembaga Air Sibu | 1.65 | 1.54 | 18.44 | -5.53 | 104.3 |
| 19. | Lembaga Pelabuhan Kuching | 1.65 | 1.61 | 14.06 | -6.23 | 30.8 |
| 20. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 1.51 | 1.51 | 6.21 | -2.14 | 63.5 |
| 21. | Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke | 1.49 | 1.49 | 70.11 | 11.55 | 51.9 |
| 22. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 1.15 | 1.08 | 84.42 | -15.00 | 89.5 |
| 23. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 0.85 | 0.85 | -22.02 | 40.58 | 55.6 |
| 24. | Lembaga Pelabuhan Miri | 0.50 | 0.50 | -60.58 | -2.30 | 68.0 |
| 25. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 0.32 | 0.22 | -163.30 | -103.62 | 78.0 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

## 7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

Analisis prestasi kewangan anak syarikat BBN adalah berdasarkan penyata kewangan tahun kewangan 2018 bagi 10 BBN yang merangkumi prestasi secara menyeluruh dilaporkan seperti berikut:

### 7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, BDA melabur sejumlah RM730.83 juta dalam tiga (3) anak syarikat, SEDC melabur sejumlah RM535.41 juta dalam 27 anak syarikat dan STIDC melabur sejumlah RM271.07 juta dalam 19 anak syarikat. Untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu, YS mempunyai pelaburan tertinggi iaitu sejumlah RM91.45 juta dalam 16 syarikat bersekutu. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu pada tahun 2018 oleh BBN adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**
**ANALISIS PELABURAN PADA KOS**
**DALAM ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018**

| PERKARA | BDA | SEDC | STIDC | YS | SALCRA | LCDA | HDC | SFC | STB | KPA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Anak Syarikat (100%) | 2 | 25 | 16 | 4 | 3 | 3 | 2 | 1 | 1 | 1 | 58 |
| Anak Syarikat (>50%) | 1 | 2 | 3 | 3 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 12 |
| Syarikat Bersekutu (<50%) | 4 | 10 | 7 | 16 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 39 |
| **JUMLAH SYARIKAT** | **7** | **37** | **26** | **23** | **7** | **3** | **3** | **1** | **1** | **1** | **109** |
| **PELABURAN (RM Juta)** | **734.86** | **579.73** | **361.05** | **138.70** | **54.58** | **356.97** | **13.05** | **2.50** | **0.20** | **0.10** | **2,241.74** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

### 7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 10 BBN memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 70 anak syarikat iaitu 53 anak syarikat berstatus aktif dan 17 berstatus dorman. Daripada 10 BBN, SEDC dan STIDC mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 27 dan 19 anak syarikat masing-masing. Bilangan anak syarikat BBN yang aktif dan dorman adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**
**STATUS ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | BILANGAN ANAK SYARIKAT (EKUITI LEBIH DARIPADA 50%) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | STATUS AKTIF | STATUS DORMAN | JUMLAH SYARIKAT |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 21 | 6 | 27 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 10 | 9 | 19 |
| 3. | Yayasan Sarawak | 7 | - | 7 |
| 4. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 5 | 1 | 6 |
| 5. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 3 | - | 3 |
| 6. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 3 | - | 3 |
| 7. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 2 | - | 2 |
| 8. | Lembaga Pelancongan Sarawak | 1 | - | 1 |
| 9. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 1 | - | 1 |
| 10. | Lembaga Pelabuhan Kuching | - | 1 | 1 |
| **JUMLAH** | | **53** | **17** | **70** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

### 7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat

a. Pada 31 Disember 2018, sebanyak 31 daripada 53 anak syarikat yang aktif di bawah sembilan (9) BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM1.611 bilion. Analisis Audit mendapati 22 anak syarikat BBN yang aktif telah mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM985.96 juta. Antara anak syarikat aktif yang mencatat keuntungan terkumpul tertinggi ialah Pelita Holdings Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM868.50 juta, Hornbill Skyways Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM170.70 juta, Harwood Timber Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM104.06 juta, Petronesa Sdn. Bhd. (YS) sejumlah RM70.40 juta dan Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM62.22 juta. Anak syarikat aktif yang mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi ialah Bintulu Capital Sdn. Bhd. (BDA) sejumlah RM700.29 juta, Pelita Dalat Sago Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM69.59 juta, Pusaka Capital Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM62.81 juta, Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM58.50 juta dan Sara Worldwide Vacations Bhd. (SEDC) sejumlah RM30.55 juta.

b. Lapan (8) daripada 17 anak syarikat yang dorman di bawah empat (4) BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM4.26 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati sembilan (9) daripada 17 anak syarikat BBN yang dorman telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM20 juta. Antara anak syarikat dorman yang mencatat keuntungan terkumpul tertinggi ialah Permaisara Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM1.87 juta, Sarapine Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.84 juta, Tinamou Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.72 juta, Sara Concrete Poles Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM338,608 dan Kestrel Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM244,487. Dari segi kerugian terkumpul, anak syarikat dorman yang mencatat kerugian terkumpul tertinggi ialah Eastern Empress Silk Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM18.19 juta, Mayang Tea Sdn. Bhd. (SALCRA) sejumlah RM1.47 juta, Selah Timber Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM140,503, Damai Beach Resort Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM56,041 dan Sara Resorts Holdings Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM55,821.

c. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN yang aktif bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**
**ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI YANG AKTIF BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | BADAN BERKANUN NEGERI | KEUNTUNGAN TERKUMPUL | | KERUGIAN TERKUMPUL | | KEUNTUNGAN/ KERUGIAN BERSIH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | |
| 1. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 1 | 868.50 | 2 | 128.09 | 740.41 |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak | 5 | 358.53 | 5 | 65.70 | 292.83 |
| 3. | Yayasan Sarawak | 7 | 111.44 | - | - | 111.44 |
| 4. | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak | 4 | 107.07 | 1 | 15.98 | 91.09 |
| 5. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 11 | 122.85 | 10 | 69.42 | 53.43 |
| 6. | Perbadanan Perhutanan Sarawak | 1 | 25.70 | - | - | 25.70 |
| 7. | Perbadanan Pembangunan Perumahan | 1 | 15.23 | 1 | 1.66 | 13.57 |
| 8. | Lembaga Pelancongan Sarawak | - | - | 1 | 0.08 | -0.08 |
| 9. | Lembaga Kemajuan Bintulu | 1 | 1.40 | 2 | 705.03 | -703.63 |
| **JUMLAH** | | **31** | **1,610.72** | **22** | **985.96** | **624.76** |

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

## 7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Prestasi kewangan 25 PBT adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2018 yang telah dikemukakan untuk pengauditan seperti dalam **Jadual 18**. Semua PBT masih menggunakan asas perakaunan tunai ubah suai dalam menyediakan penyata kewangan tahunan kecuali DBKU.

**PRESTASI KEWANGAN**

**DEFISIT ↓**
2018 - RM34.43 Juta
2017 - RM49.79 Juta

**HASIL CUKAI ↑**
2018 - RM255.70 Juta
2017 - RM236.32 Juta

**TUNGGAKAN CUKAI ↓**
2018 - RM78.50 Juta
2017 - RM84.64 Juta

**JADUAL 18**
**PRESTASI KEWANGAN PBT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 117.87 | 111.69 | 6.18 | 232.66 | 29.42 | 203.24 |
| 2. | Majlis Bandaraya Miri | 74.28 | 78.35 | -4.07 | 124.84 | 42.99 | 81.85 |
| 3. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 104.38 | 110.94 | -6.56 | 208.63 | 209.67 | -1.04 |
| 4. | Majlis Perbandaran Sibu | 63.73 | 61.92 | 1.81 | 59.42 | 33.05 | 26.37 |
| 5. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | 16.58 | 19.21 | -2.63 | 24.75 | 11.02 | 13.73 |
| 6. | Majlis Perbandaran Padawan | 36.37 | 44.37 | -8.00 | 96.81 | 55.97 | 40.84 |
| 7. | Majlis Daerah Subis | 5.76 | 5.14 | 0.62 | 23.81 | 14.12 | 9.69 |
| 8. | Majlis Daerah Lawas | 5.40 | 5.00 | 0.40 | 22.05 | 18.00 | 4.05 |
| 9. | Majlis Daerah Matu dan Daro | 6.72 | 6.62 | 0.10 | 13.42 | 10.33 | 3.09 |
| 10. | Majlis Daerah Lubok Antu | 4.37 | 4.30 | 0.07 | 8.39 | 2.51 | 5.88 |
| 11. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | 9.87 | 10.11 | -0.24 | 12.35 | 10.37 | 1.98 |
| 12. | Majlis Daerah Kanowit | 4.53 | 4.79 | -0.26 | 9.27 | 7.92 | 1.35 |
| 13. | Majlis Daerah Simunjan | 4.80 | 5.29 | -0.49 | 16.21 | 15.70 | 0.51 |
| 14. | Majlis Daerah Kapit | 8.40 | 9.12 | -0.72 | 19.56 | 20.66 | -1.10 |
| 15. | Majlis Daerah Bau | 5.75 | 6.85 | -1.10 | 40.79 | 14.80 | 25.99 |
| 16. | Majlis Daerah Sarikei | 11.01 | 12.15 | -1.14 | 35.55 | 12.98 | 22.57 |
| 17. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | 5.46 | 6.61 | -1.15 | 5.22 | 6.12 | -0.90 |
| 18. | Majlis Daerah Marudi | 5.61 | 6.85 | -1.24 | 15.87 | 10.98 | 4.89 |
| 19. | Majlis Daerah Betong | 5.91 | 7.35 | -1.44 | 13.65 | 13.04 | 0.61 |
| 20. | Majlis Daerah Saratok * | 4.47 | 5.91 | -1.44 | 37.44 | 11.22 | 26.22 |
| 21. | Majlis Daerah Limbang | 6.95 | 8.58 | -1.63 | 39.14 | 40.56 | -1.42 |

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 22. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | 8.19 | 9.86 | -1.67 | 22.73 | 7.26 | 15.47 |
| 23. | Majlis Daerah Lundu | 5.07 | 6.75 | -1.68 | 27.10 | 18.27 | 8.83 |
| 24. | Majlis Daerah Sri Aman | 7.34 | 10.04 | -2.70 | 4.95 | 8.05 | -3.10 |
| 25. | Majlis Daerah Serian | 8.71 | 14.16 | -5.45 | 24.53 | 15.23 | 9.30 |
| **JUMLAH** | | **537.53** | **571.96** | **-34.43** | **1,139.14** | **640.24** | **498.90** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018
Nota: (*) - Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2018 Belum Disahkan

7.3.2. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, defisit keseluruhan prestasi kewangan PBT adalah berjumlah RM34.43 juta iaitu menurun sejumlah RM15.36 juta atau 30.8% berbanding RM49.79 juta pada tahun 2017. Sebanyak enam (6) daripada 25 PBT mencatatkan lebihan manakala 19 PBT mencatatkan defisit bagi tahun 2018.

7.3.3. Pada tahun 2018, MBKS telah mencatatkan lebihan semasa tertinggi sejumlah RM6.18 juta manakala MPP telah mencatatkan defisit semasa tertinggi sejumlah RM8 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**
**PRESTASI KEWANGAN TAHUNAN DEWAN/MAJLIS BANDARAYA DAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | 2017 LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| **DEWAN/MAJLIS BANDARAYA** | | | | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 6.18 | 6.01 | 0.17 | 2.8 |
| 2. | Majlis Bandaraya Miri | -4.07 | -7.50 | 3.43 | 45.7 |
| 3. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | -6.56 | -9.18 | 2.62 | 28.5 |
| **JUMLAH** | | **-4.45** | **-10.67** | **6.22** | **58.3** |
| **MAJLIS PERBANDARAN** | | | | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Sibu | 1.81 | -1.44 | 3.25 | 225.7 |
| 2. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | -2.63 | -1.23 | -1.40 | -113.8 |
| 3. | Majlis Perbandaran Padawan | -8.00 | -6.26 | -1.74 | -27.8 |
| **JUMLAH** | | **-8.82** | **-8.93** | **0.11** | **1.2** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **-13.27** | **-19.60** | **6.33** | **32.3** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

7.3.4. Pada tahun 2018, sebanyak empat (4) daripada 19 Majlis Daerah mencatat lebihan semasa sejumlah RM1.19 juta manakala 15 Majlis Daerah

mencatat defisit semasa berjumlah RM22.35 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**
**PRESTASI KEWANGAN TAHUNAN BAGI**
**MAJLIS DAERAH BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | MAJLIS DAERAH | 2018 LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | 2017 LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Daerah Subis | 0.62 | 0.28 | 0.34 | 121.4 |
| 2. | Majlis Daerah Lawas | 0.40 | 0.09 | 0.31 | 344.4 |
| 3. | Majlis Daerah Matu dan Daro | 0.10 | -0.56 | 0.66 | 117.9 |
| 4. | Majlis Daerah Lubok Antu | 0.07 | -0.66 | 0.73 | 110.6 |
| 5. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | -0.24 | -3.48 | 3.24 | 93.1 |
| 6. | Majlis Daerah Kanowit | -0.26 | -0.50 | 0.24 | 48.0 |
| 7. | Majlis Daerah Simunjan | -0.49 | -0.74 | 0.25 | 33.8 |
| 8. | Majlis Daerah Kapit | -0.72 | -0.82 | 0.10 | 12.2 |
| 9. | Majlis Daerah Bau | -1.10 | -1.65 | 0.55 | 33.3 |
| 10. | Majlis Daerah Sarikei | -1.14 | -1.37 | 0.23 | 16.8 |
| 11. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | -1.15 | -1.27 | 0.12 | 9.4 |
| 12. | Majlis Daerah Marudi | -1.24 | -2.49 | 1.25 | 50.2 |
| 13. | Majlis Daerah Betong | -1.44 | -0.49 | -0.95 | -193.9 |
| 14. | Majlis Daerah Saratok | -1.44 | -1.64 | 0.20 | 12.2 |
| 15. | Majlis Daerah Limbang | -1.63 | -2.21 | 0.58 | 26.2 |
| 16. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | -1.67 | -1.07 | -0.60 | -56.1 |
| 17. | Majlis Daerah Lundu | -1.68 | -3.26 | 1.58 | 48.5 |
| 18. | Majlis Daerah Sri Aman | -2.70 | -2.52 | -0.18 | -7.1 |
| 19. | Majlis Daerah Serian | -5.45 | -5.83 | 0.38 | 6.5 |
| **JUMLAH** | | **-21.16** | **-30.19** | **9.03** | **29.9** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.3.5. Harta/Tanggungan Semasa Bersih

Pada tahun 2018, 24 daripada 25 PBT mengamalkan perakaunan berasaskan tunai ubah suai dan satu (1) PBT iaitu DBKU mengamalkan perakaunan berasaskan akruan. Mengikut perakaunan berasaskan tunai, nilai prabayar, penghutang dan juga harta modal tidak diambil kira dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Hanya wang tunai dan simpanan tetap diambil kira dalam penyediaan penyata kedudukan kewangan PBT. Analisis Audit terhadap harta semasa bersih PBT mendapati perkara seperti berikut:

a. Harta semasa bersih bagi kesemua PBT berjumlah RM498.90 juta pada tahun 2018 iaitu penurunan sejumlah RM54.66 juta atau 9.9% berbanding sejumlah RM553.56 juta pada 2017;

b. Sebanyak tujuh (7) PBT mencatatkan peningkatan dalam harta semasa bersih manakala 18 PBT mencatatkan penurunan dalam harta semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya; dan

c. Sebanyak lima (5) daripada 25 PBT mencatatkan tanggungan semasa bersih, iaitu DBKU, MDKap, MDMJ, MDLim dan MDSA.

Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**KEDUDUKAN HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TAHUN 2018 | | | TAHUN 2017 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| **DEWAN/MAJLIS BANDARAYA** | | | | | | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 232.66 | 29.42 | 203.24 | 215.91 | 18.82 | 197.09 |
| 2. | Majlis Bandaraya Miri | 124.84 | 42.99 | 81.85 | 123.29 | 39.18 | 84.11 |
| 3. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 208.63 | 209.67 | -1.04 | 189.61 | 156.99 | 32.62 |
| | **JUMLAH** | **566.13** | **282.08** | **284.05** | **528.81** | **214.99** | **313.82** |
| **MAJLIS PERBANDARAN** | | | | | | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Padawan | 96.81 | 55.97 | 40.84 | 82.38 | 33.79 | 48.59 |
| 2. | Majlis Perbandaran Sibu | 59.42 | 33.05 | 26.37 | 48.10 | 24.32 | 23.78 |
| 3. | Majlis Perbandaran Kota Samarahan | 24.75 | 11.02 | 13.73 | 27.51 | 11.49 | 16.02 |
| | **JUMLAH** | **180.98** | **100.04** | **80.94** | **157.99** | **69.60** | **88.39** |
| **MAJLIS DAERAH** | | | | | | | |
| 1. | Majlis Daerah Saratok | 37.44 | 11.22 | 26.22 | 30.19 | 3.33 | 26.86 |
| 2. | Majlis Daerah Bau | 40.79 | 14.80 | 25.99 | 37.48 | 10.57 | 26.91 |
| 3. | Majlis Daerah Sarikei | 35.55 | 12.98 | 22.57 | 36.55 | 13.05 | 23.50 |
| 4. | Majlis Daerah Luar Bandar Sibu | 22.73 | 7.26 | 15.47 | 21.94 | 5.39 | 16.55 |
| 5. | Majlis Daerah Subis | 23.81 | 14.12 | 9.69 | 26.56 | 17.65 | 8.91 |
| 6. | Majlis Daerah Serian | 24.53 | 15.23 | 9.30 | 20.77 | 6.43 | 14.34 |
| 7. | Majlis Daerah Lundu | 27.10 | 18.27 | 8.83 | 22.34 | 11.92 | 10.42 |
| 8. | Majlis Daerah Lubok Antu | 8.39 | 2.51 | 5.88 | 8.59 | 2.92 | 5.67 |
| 9. | Majlis Daerah Marudi | 15.87 | 10.98 | 4.89 | 11.94 | 5.90 | 6.04 |
| 10. | Majlis Daerah Lawas | 22.05 | 18.00 | 4.05 | 18.53 | 14.92 | 3.61 |
| 11. | Majlis Daerah | 13.42 | 10.33 | 3.09 | 9.65 | 6.68 | 2.97 |

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TAHUN 2018 | | | TAHUN 2017 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) | HARTA SEMASA (RM Juta) | TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) | HARTA/ TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| | Matu dan Daro | | | | | | |
| 12. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | 12.35 | 10.37 | 1.98 | 13.61 | 11.65 | 1.96 |
| 13. | Majlis Daerah Kanowit | 9.27 | 7.92 | 1.35 | 6.07 | 4.53 | 1.54 |
| 14. | Majlis Daerah Betong | 13.65 | 13.04 | 0.61 | 8.79 | 6.94 | 1.85 |
| 15. | Majlis Daerah Simunjan | 16.21 | 15.70 | 0.51 | 5.20 | 4.29 | 0.91 |
| 16. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | 5.22 | 6.12 | -0.90 | 6.47 | 6.31 | 0.16 |
| 17. | Majlis Daerah Kapit | 19.56 | 20.66 | -1.10 | 15.18 | 15.66 | -0.48 |
| 18. | Majlis Daerah Limbang | 39.14 | 40.56 | -1.42 | 7.99 | 7.87 | 0.12 |
| 19. | Majlis Daerah Sri Aman | 4.95 | 8.05 | -3.10 | 9.12 | 9.61 | -0.49 |
| **JUMLAH** | | **392.03** | **258.12** | **133.91** | **316.97** | **165.62** | **151.35** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **1,139.14** | **640.24** | **498.90** | **1,003.77** | **450.21** | **553.56** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.3.6. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa *The Local Authorities Ordinance*, 1996. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang dan depot. Pada tahun 2018, hasil cukai taksiran adalah berjumlah RM255.70 juta, iaitu meningkat sejumlah RM19.38 juta atau 8.2% berbanding RM236.32 juta pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**
**HASIL CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

| KATEGORI PBT | BILANGAN PBT | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| Bandaraya | 3 | 151.55 | 141.35 | 10.20 | 7.2 |
| Perbandaran | 3 | 73.47 | 68.44 | 5.03 | 7.3 |
| Majlis Daerah | 19 | 30.68 | 26.53 | 4.15 | 15.6 |
| **JUMLAH** | **25** | **255.70** | **236.32** | **19.38** | **8.2** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

b. Secara keseluruhannya, tunggakan cukai taksiran pada tahun 2018 adalah berjumlah RM78.50 juta, iaitu menurun sejumlah RM6.14 juta atau 7.3%

berbanding RM84.64 juta pada tahun 2017. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**
**TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

| KATEGORI PBT | BILANGAN PBT | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| Bandaraya | 3 | 37.66 | 39.74 | -2.08 | -5.2 |
| Perbandaran | 3 | 24.33 | 26.62 | -2.29 | -8.6 |
| Majlis Daerah | 19 | 16.51 | 18.28 | -1.77 | -9.7 |
| **JUMLAH** | **25** | **78.50** | **84.64** | **-6.14** | **-7.3** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

c. Analisis Audit mendapati sebanyak 21 PBT telah menunjukkan penurunan bagi tunggakan cukai pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 manakala empat (4) PBT telah menunjukkan peningkatan bagi tunggakan cukai taksiran iaitu MBKS, DBKU, MDM dan MDSe. Penurunan tunggakan cukai taksiran adalah disebabkan usaha mengutip tunggakan melalui promosi pembayaran tunggakan cukai taksiran tanpa denda pada 1 Ogos hingga 31 Disember 2018.

### 7.3.7. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi 25 PBT adalah RM537.53 juta manakala tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM78.50 juta. Sebanyak lima (5) daripada 25 PBT mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25% daripada pendapatan tahunan iaitu MPP, MPKS, MDLBS, MDLim dan MDSA. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**
**TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN BAGI TAHUN 2018**

| KATEGORI PBT | BILANGAN PBT | TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|
| Bandaraya | 3 | 37.66 | 296.53 | 12.7 |
| Perbandaran | 3 | 24.33 | 116.68 | 20.9 |
| Majlis Daerah | 19 | 16.51 | 124.32 | 13.3 |
| **JUMLAH** | **25** | **78.50** | **537.53** | **14.6** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

## 8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

### 8.1. Analisis Geran Agensi Negeri

Badan Berkanun Negeri menerima geran daripada kerajaan sejumlah RM1.083 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.072 bilion pada tahun 2017. Pihak Berkuasa Tempatan menerima geran daripada kerajaan sejumlah RM1 bilion pada tahun 2018 berbanding RM720.56 juta pada tahun 2017. Jumlah geran ini meliputi geran mengurus dan geran pembangunan untuk membantu agensi melaksanakan program dan aktiviti serta menguruskan projek pembangunan.

8.1.1. Geran mengurus diberikan oleh kerajaan kepada agensi negeri sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Geran ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan, pentadbiran dan penyelenggaraan. Pada tahun 2018, geran mengurus yang diterima oleh BBN adalah berjumlah RM277.88 juta iaitu meningkat sejumlah RM34.82 juta atau 14.3% berbanding RM243.06 juta pada tahun 2017. Geran mengurus yang diterima oleh PBT pada tahun 2018 adalah berjumlah RM170.84 juta, iaitu meningkat RM15.32 juta atau 9.9% berbanding RM155.52 juta pada tahun 2017.

8.1.2. Geran pembangunan diberi oleh kerajaan untuk membiayai projek pembangunan kerajaan yang dijalankan oleh agensi negeri. Pada tahun 2018, geran pembangunan yang diterima oleh BBN adalah berjumlah RM805.06 juta, iaitu penurunan sejumlah RM23.69 juta atau 2.9% berbanding RM828.75 juta pada tahun 2017. Geran pembangunan yang diterima oleh PBT pada tahun 2018 adalah berjumlah RM829.56 juta, iaitu meningkat RM264.52 juta atau 46.8% berbanding RM565.04 juta pada tahun 2017.

#### 8.1.3. Baki Geran Pembangunan yang Tidak Dibelanjakan

a. Pengauditan dijalankan terhadap *key audit areas* yang terlibat iaitu penyaluran dan penggunaan geran pembangunan bagi memastikan ianya diakaunkan dengan tepat di penyata kewangan. Baki geran pembangunan yang tidak dibelanjakan bagi projek yang telah siap hendaklah dinyatakan sebagai liabiliti atau diakaunkan sebagai hasil mengikut kehendak piawaian perakaunan yang diguna pakai. Geran pembangunan yang diterima seperti yang dinyatakan tujuannya hendaklah dibelanjakan mengikut tujuan yang ditetapkan serta diakaunkan dengan tepat dalam penyata kewangan.

b. Analisis Audit mendapati baki geran pembangunan sejumlah RM26.96 juta tidak dibelanjakan untuk projek siap yang melibatkan empat (4) BBN. Analisis Audit seterusnya mendapati baki geran pembangunan/khas berjumlah RM11.55 juta yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan dalam tahun 2018 masih kekal sebagai tanggungan semasa dalam penyata kewangan PBT. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**
**BAKI GERAN PEMBANGUNAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN**

| BIL. | AGENSI NEGERI | BAKI AWAL (RM Juta) | TERIMAAN (RM Juta) | PINDAHAN/ PERBELANJAAN (RM Juta) | BAKI AKHIR (RM Juta) | BAKI GERAN TIDAK DIBELANJAKAN UNTUK PROJEK SIAP (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | | | | | |
| 1. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | 93.78 | 52.25 | 44.91 | 101.12 | 19.04 |
| 2. | Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah | 86.08 | 145.67 | 162.47 | 69.28 | 5.30 |
| 3. | Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak | 13.83 | 4.92 | 9.49 | 9.26 | 1.57 |
| 4. | Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar | 14.47 | 11.30 | 16.74 | 9.03 | 1.05 |
| | **JUMLAH** | **208.16** | **214.14** | **233.61** | **188.69** | **26.96** |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | | | | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Miri | 29.31 | 52.77 | 48.96 | 33.12 | 1.32 |
| 2. | Majlis Bandaraya Kuching Selatan | 8.08 | 35.44 | 23.05 | 20.47 | 0.71 |
| 3. | Dewan Bandaraya Kuching Utara | 107.25 | 118.39 | 69.21 | 156.43 | 0.64 |
| 4. | Majlis Perbandaran Sibu | 14.41 | 70.94 | 61.80 | 23.55 | 1.01 |
| 5. | Majlis Perbandaran Padawan | 18.94 | 62.83 | 39.90 | 41.87 | 0.82 |
| 6. | Majlis Daerah Subis | 16.57 | 21.11 | 25.34 | 12.34 | 2.57 |
| 7. | Majlis Daerah Simunjan | 3.87 | 23.36 | 12.24 | 14.99 | 1.23 |
| 8. | Majlis Daerah Lawas | 14.58 | 20.56 | 17.66 | 17.48 | 1.06 |
| 9. | Majlis Daerah Dalat dan Mukah | 11.21 | 19.61 | 20.92 | 9.90 | 0.74 |
| 10. | Majlis Daerah Lundu | 11.02 | 21.44 | 15.06 | 17.40 | 0.31 |
| 11. | Majlis Daerah Sri Aman | 8.05 | 13.78 | 15.44 | 6.39 | 0.27 |
| 12. | Majlis Daerah Lubok Antu | 2.17 | 11.40 | 11.84 | 1.73 | 0.22 |
| 13. | Majlis Daerah Limbang | 7.16 | 81.40 | 48.79 | 39.77 | 0.21 |
| 14. | Majlis Daerah Marudi | 5.41 | 12.98 | 7.80 | 10.59 | 0.21 |
| 15. | Majlis Daerah Serian | 5.07 | 21.91 | 13.40 | 13.58 | 0.11 |
| 16. | Majlis Daerah Maradong dan Julau | 5.43 | 14.62 | 15.13 | 4.92 | 0.08 |
| 17. | Majlis Daerah Betong | 5.72 | 44.83 | 38.80 | 11.75 | 0.02 |
| 18. | Majlis Daerah Matu dan Daro | 6.76 | 15.80 | 12.37 | 10.19 | 0.02 |
| | **JUMLAH** | **281.01** | **663.17** | **497.71** | **446.47** | **11.55** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **489.17** | **877.31** | **731.32** | **635.16** | **38.51** |

Sumber: Rekod dan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

c. Agensi mengambil tindakan untuk memohon daripada pemberi geran sama ada untuk memulangkan baki geran, memasukkan baki geran ke dalam akaun hasil atau menggunakan baki tersebut untuk projek lain, namun kelulusan masih belum diperoleh.

## 9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, sebanyak 41 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, empat (4) diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan enam (6) Pendapat Berteguran bagi tahun kewangan 2017. Bagi tahun kewangan 2018, sebanyak 40 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Lima (5) penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* iaitu DBKU, MDMJ, MDLim, MDKap dan MDSA. Selain itu, enam (6) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 30 Ogos 2019.

9.1.1. Kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2018 berdasarkan prestasi 25 BBN adalah kurang memuaskan adalah seperti berikut:

a. jumlah aset semasa bersih bagi 25 BBN menurun sejumlah RM354.17 juta atau 12.4%; dan

b. jumlah lebihan pendapatan semasa bagi 25 BBN menurun sejumlah RM114.56 juta atau 85%.

9.1.2. Kedudukan kewangan PBT bagi tahun 2018 berdasarkan prestasi 25 PBT adalah memuaskan adalah seperti berikut:

a. defisit keseluruhan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM34.43 juta, iaitu menurun sejumlah RM15.36 juta atau 30.8% berbanding RM49.79 juta pada tahun 2017;

b. jumlah hasil cukai taksiran pada tahun 2018 adalah berjumlah RM255.70 juta, iaitu meningkat sejumlah RM19.38 juta atau 8.2% berbanding RM236.32 juta pada tahun 2017; dan

c. jumlah tunggakan cukai taksiran pada tahun 2018 adalah berjumlah RM78.50 juta, iaitu menurun sejumlah RM6.14 juta atau 7.3% berbanding RM84.64 juta pada tahun 2017.

## 10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Setiausaha Kewangan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

10.1. agensi hendaklah memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

10.2. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan;

10.3. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan;

10.4. Ketua agensi perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dapat menjana pendapatan agensi;

10.5. Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan anak syarikat BBN yang mengalami kerugian terkumpul yang semakin meningkat dan berstatus dorman. *Key Performance Index* untuk memantau prestasi anak syarikat perlu diwujudkan supaya prinsip *going concern* anak syarikat yang terbabit dapat dikekalkan. Anak syarikat BBN hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik untuk memastikan anak syarikat terus berdaya maju dan mendapat pulangan daripada pelaburan dalam anak syarikat berkenaan;

10.6. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akruan bagi PBT di Sarawak; dan

10.7. PBT hendaklah mengambil langkah yang berkesan dan tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran.

# BAHAGIAN IV

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

# BAHAGIAN IV

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

### 1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2, LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2016 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 29 April hingga 9 Mei 2019. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2017 serta LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2018 Siri 1 masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.

### 2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali ke-53 telah diadakan pada 18 dan 19 September 2019 bagi mendengar penjelasan daripada kementerian/jabatan dan agensi kerajaan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2.

# PENUTUP

# PENUTUP

1. Pada umumnya, penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan agensi negeri bagi tahun 2018 adalah baik. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh bagi tahun kewangan 31 Disember 2018. Prestasi bagi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) setakat 31 Disember 2018 menunjukkan sejumlah RM8.326 bilion atau 89.4% daripada RM9.317 bilion telah dibelanjakan. Pada akhir tahun 2018, sebanyak 280 projek fizikal berjumlah RM1.406 bilion berjaya disiapkan manakala 587 projek fizikal berjumlah RM10.505 bilion sedang dalam pelaksanaan. Sebanyak 45 projek fizikal berjumlah RM339.34 juta belum mula dan dua (2) projek fizikal berjumlah RM80.40 juta telah digugurkan.

2. Kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri adalah kurang memuaskan disebabkan aset semasa bersih menurun sejumlah RM354.17 juta atau 12.4% dan surplus pendapatan semasa menurun sejumlah RM114.56 juta atau 85% berbanding tahun 2017. Bagaimanapun, prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan iaitu defisit keseluruhannya menurun sejumlah RM15.36 juta atau 30.8%, jumlah hasil cukai taksiran meningkat sejumlah RM19.38 juta atau 8.2% dan tunggakan cukai taksiran menurun sejumlah RM6.14 juta atau 7.3% berbanding tahun 2017.

3. Prestasi kewangan masih boleh dimantapkan lagi dan adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a. Kerajaan negeri disaran meneruskan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;

b. Ketua jabatan/ketua agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan;

c. Ketua jabatan/ketua agensi perlu mewujudkan sistem semak dan imbang, mengadakan pemantauan berterusan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai; dan

d. Unit Audit Dalam kerajaan negeri/kementerian/agensi disaran agar dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi membantu kementerian/jabatan/agensi di Negeri Sarawak untuk mencapai tahap pengurusan kewangan yang lebih baik.

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**
**21 Oktober 2019**

# LAMPIRAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

